





16. Adik saya menyertai pertandingan menulis \_\_\_\_\_ bagi kategori murid tujuh hingga sembilan tahun.  
A cerpen  
B cerita  
C skrip  
D novel
17. \_\_\_\_\_ itu diminati kerana kelunakan suaranya apabila beliau mendendangkan lagu.  
A Penari  
B Penyajak  
C Penyair  
D Penyanyi
18. Anggota rukun tetangga bertugas untuk menjaga \_\_\_\_\_ saya pada setiap malam.  
A pekan  
B negeri  
C kampung  
D negara

Soalan 19 berdasarkan gambar 2



Gambar 2

19. Di dalam tin kosong itu terdapat banyak \_\_\_\_\_ kerana air bertakung.  
A jejentik  
B riang-riang  
C lelabah  
D umang-umang
20. Saya telah mengirim sepucuk \_\_\_\_\_ kepadanya untuk bertanya khabar.  
A kad  
B kertas  
C nota  
D surat



9. Orang ramai telah berkunjung ke \_\_\_\_\_ untuk melihat gerhana matahari.  
 A Bangunan KLCC                      C Planetarium Negara  
 B Menara Kuala Lumpur              D Pusat Dagangan Dunia
10. Ramai pembesar negara hadir ke \_\_\_\_\_ untuk meraikan istiadat pertabalan Yang Dipertuan Agung.  
 A Istana Negeri                      C Dewan Merdeka  
 B Istana Negara                      D Bangunan Parlimen
11. Hukuman gantung sampai mati telah dijatuhi oleh \_\_\_\_\_ kepada pengedar dadah itu.  
 A Peguam Kamal                      C Perdana Menteri  
 B Ketua Polis                      D Hakim Gopal Singam
12. Pameran Pertunjukkan Akrobatik Maritim Antarabangsa ( LIMA ) telah diadakan di \_\_\_\_\_.  
 A Pulau Pinang                      C Pulau Pangkor  
 B Pulau Langkawi                      D Pulau Redang
13. Pesakit yang malang itu merayu orang ramai untuk mendapatkan derma bagi menjalani rawatan di \_\_\_\_\_.  
 A Institut Aminuddin Baki              C Institut Pengajian Tinggi  
 B Institut Jantung Negara              D Institut Perguruan
14. Seekor lembu peliharaan Pak Samad telah mati dibaham oleh \_\_\_\_\_ ketika meragut rumput di hujung kampung.  
 A Sang Kancil                      C Sang Rangkak  
 B Pak Belang                      D Pak Bedal
15. Abang membawa kami ke \_\_\_\_\_ untuk menyaksikan tayangan filem hindustan.  
 A Pusat Sivik                      C Dewan Pleno  
 B Pawagam Odeon                      D Taman Tasik
16. \_\_\_\_\_ merupakan seorang pahlawan Melayu Melaka yang tersohor pada zaman dahulu.  
 A Tok Dalang                      C Hang Li Po  
 B Tok Selampit                      D Hang Tuah
17. Banyak rumah yang telah musnah akibat dilanda bencana \_\_\_\_\_ beberapa tahun yang lepas.  
 A Chikungunya                      C Tsunami  
 B Malaria                      D Gerhana
18. Negeri Sarawak menjadi tuan rumah \_\_\_\_\_ peringkat kebangsaan .  
 A Pesta Ria                      C Pesta Tani  
 B Pesta Air                      D Pesta Heboh
19. Pasukan Brazil telah memenangi Kejohanan Bola Sepak \_\_\_\_\_ yang berlangsung di Jerman .  
 A Piala Emas                      C Piala Dunia  
 B Piala Agung                      D Piala Thomas
20. Kempen \_\_\_\_\_ sedang giat dijalankan untuk membentuk masyarakat penyayang.  
 A Bahasa Jiwa Bangsa                      C Cintai Bahasa  
 B Budi Bahasa Budaya Kita              D Sayangi Budi Bahasa Kita

### 3. KATA GANTI NAMA DIRI

#### KETERANGAN:

**Kata Nama Ganti Diri** digunakan untuk menggantikan nama seseorang.

Kata ganti nama diri dibahagikan kepada 3 bahagian :

1. Kata Ganti Nama Diri Pertama – contohnya aku, saya, hamba, patik, beta, kami, kita.
2. Kata Ganti Nama Diri Kedua – contohnya kamu, awak, engkau, anda, saudara, saudara.
3. Kata Ganti Nama Diri Ketiga – contohnya dia, beliau, baginda, mereka.

#### LATIHAN 3 : KATA GANTI NAMA DIRI

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. “Ampun \_\_\_\_\_, bolehkah \_\_\_\_\_ mengiringi mereka ke sana?” tanya Tuah kepada Sultan Mahmud Shah.  
A beta...hamba                      C yang mulia...beta  
B baginda...hamba                  D tuanku...patik
2. \_\_\_\_\_ mesti berlatih bersungguh-sungguh jika ingin menentang \_\_\_\_\_,” kata ketua pasukan kepada sahabatnya.  
A awak... mereka                      C Kita ... mereka  
B Anda ... aku                          D Awak ... saya
3. “Masalah itu patut \_\_\_\_\_ selesaikan supaya \_\_\_\_\_ tidak merajuk lagi,” kata Ali kepada kawan-kawannya.  
A awak ... mereka                      C aku ... kita  
B engkau ... beliau                      D kita ... dia
4. “Ampun \_\_\_\_\_, apakah hajat \_\_\_\_\_ meminta \_\_\_\_\_ datang menghadap?” sembah Bendahara Tun Perak  
A baginda ... tuanku ... hamba      C tuanku ... beta ... patik  
B beta ... baginda ... hamba          D tuanku ... tuanku ... patik
5. \_\_\_\_\_ bertiga telah diarahkan oleh \_\_\_\_\_ membersihkan taman mini ini.  
A Kami ... awak                          C Mereka ... beliau  
B Beta ... dia                              D Mu ... kami
6. “Perbuatan \_\_\_\_\_ memang tidak \_\_\_\_\_ gemari,” kata Irfan kepada budak-budak itu.  
A anda ... dia                              C kita ... beliau  
B kamu ... ku                              D awak ... saya

7. Pen ini \_\_\_\_\_ hadiahkan kepada \_\_\_\_\_,” kata Ani kepada Ayuni.  
A nya ... awak                      C aku ... kami  
B kita ... anda                      D ku ... mu
8. Iqmal bermain bola sepak di padang. \_\_\_\_\_ bermain bersama rakannya.  
A Mereka                              C Kami  
B Dia                                    D Engkau
9. “Pukul berapa \_\_\_\_\_ akan sampai di rumah?” tanya Puan Aini kepada Hafiz..  
A kami                                  C mereka  
B awak                                  D kamu
10. Kami berikrar akan melakukan apa sahaja yang \_\_\_\_\_ suruh.  
A kita                                    C mereka  
B awak                                    D kami
11. Datuk Hamidi telah meninggal dunia. Jenazah \_\_\_\_\_ akan dimakamkan di kawasan perkuburan Kampung Ai.  
A beliau                                C dia  
B baginda                              D nya
12. “\_\_\_\_\_ yang melakukan kesalahan, bukan saya,” kata lelaki itu sambil menunjuk ke arah Ah Hong.  
A Saya                                  C Dia  
B Kami                                  D Mereka
13. \_\_\_\_\_ akan berangkat ke balai persidangan tidak lama lagi.  
A Baginda                              C Beta  
B Aku                                    D Hamba
14. Murid-murid di dalam kelas itu mengutamakan kebersihan. \_\_\_\_\_ ingin belajar dalam suasana yang ceria.  
A Mereka                              C Kita  
B Kalian                                D Kamu
15. “\_\_\_\_\_ telah dirompak oleh \_\_\_\_\_,” rintih kumpulan pelancong itu sambil menunjuk ke arah perompak yang melarikan diri.  
A Hamba, dia                          C Kami, mereka  
B Kita, nya                              D Saya, dia
16. Selva ialah anak angkat Encik Murugiah. Ibu bapa \_\_\_\_\_ meninggal dunia setahun yang lalu.  
A kami                                    C kita  
B mereka                                D -nya
17. Ayah Amin sakit. Kami sudah melawat \_\_\_\_\_ di hospital semalam.  
A -nya                                    C mereka  
B dia                                      D beliau





6. Selamat pagi, \_\_\_\_\_pesanan encik?  
A bilakah  
B adakah  
C apakah  
D di manakah
7. \_\_\_\_\_ kamu akan bertolak ke Paris?  
A Bilakah  
B Berapakah  
C Siapakah  
D Di manakah
8. \_\_\_\_\_ caranya kamu mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan ?  
A Bilakah  
B Siapakah  
C Berapakah  
D Bagaimanakah
9. Bilangan pelajar yang dipilih menyertai pertandingan lukisan itu \_\_\_\_\_?  
A bila  
B apa  
C siapa  
D berapa
10. Tuan punya kereta berwarna putih itu \_\_\_\_\_ ?  
A siapa  
B mana  
C apa  
D berapa
11. Harga buku yang kamu beli itu \_\_\_\_\_ ?  
A mana  
B berapa  
C kenapa  
D bagaimana
12. Beg yang kamu beli itu untuk \_\_\_\_\_?  
A berapa  
B mana  
C siapa  
D apa
13. “ \_\_\_\_\_ lagi yang tidak kena ,Amin ?”tanya ibu.  
A Apa  
B Bila  
C siapa  
D Mengapa
14. Pada hari \_\_\_\_\_kah kamu akan pulang ke Kuala Lumpur?  
A bila  
B mana  
C apa  
D berapa
15. Yang \_\_\_\_\_kah baju yang sesuai dipakai untuk majlis di istana nanti?  
A bagaimana  
B mana  
C siapa  
D apa
16. Cara untuk menenun kain songket \_\_\_\_\_?  
A bagaimana  
B mengapa  
C berapa  
D siapa
17. Lelaki yang datang ke rumah kamu semalam \_\_\_\_\_?  
A apa  
B mana  
C siapa  
D mengapa

18. Perasmii sukan tahunan sekolah kamu \_\_\_\_\_?

- A berapa
- B siapa
- C apa
- D bila

19. Yang duduk di hadapan guru besar itu \_\_\_\_\_?

- A apa
- B berapa
- C bila
- D siapa

20. Adik-beradik awak \_\_\_\_\_ orang?

- A apa
- C siapa
- B berapa
- D bagaimana

### 5. Kata Ganti Nama Tempat dan Tunjuk

#### KETERANGAN:

##### **Kata Ganti Nama Tempat**

Digunakan untuk mengganti nama tempat.

Terdapat tiga jenis kata ganti nama tempat iaitu:

Sana – tempat yang jauh dan tidak kelihatan.

Sini – tempat yang dekat

Situ – tempat yang agak jauh tetapi tidak sejauh sana dan tempat ini masih kelihatan.

Kata ganti nama tunjuk

##### **Kata Ganti Nama Tunjuk**

Digunakan untuk menunjukkan manusia, haiwan, benda dan tempat

Terdapat dua jenis kata ganti nama tunjuk iaitu:

Ini – menunjukkan sesuatu yang dekat.

Itu – menunjukkan sesuatu yang jauh.

#### LATIHAN 5 : KATA GANTI NAMA TEMPAT DAN TUNJUK

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. “ Mesin basuh yang baru tiba itu \_\_\_\_\_?” tanya Fatimah kepada jurujual itu.

- A mana
- B apa
- C ini
- D siapa

2. Peristiwa \_\_\_\_\_ masih segar dalam ingatan Pak Mihaad.

- A ini
- B itu
- C sini
- D situ

3. Ulang tahun kemerdekaan negara kita pada tahun ini \_\_\_\_\_ jatuh pada hari Jumaat.

- A itu
- B ini
- C sana
- D sini

4. Suriati tidak ke \_\_\_\_\_ sepanjang cuti persekolahan yang lalu.  
A apa – apa  
B bila – bila  
C mana – mana  
D siapa – siapa
5. “Wakil rakyat itu akan datang ke \_\_\_\_\_ sebentar lagi,” kata ketua kampung kepada pemuda di sebelahnya.  
A sana  
B ini  
C sini  
D itu
6. Para tetamu diminta duduk di \_\_\_\_\_ tempat yang masih kosong.  
A mana – mana  
B mana  
C apa – apa  
D sesiapa
7. Letakkan meja dan kerusi rosak ini di \_\_\_\_\_ bilik yang mempunyai ruang,” kata guru disiplin kepada murid – murid.  
A mana – mana  
B bila – bila  
C siapa – siapa  
D apa – apa
8. “Di \_\_\_\_\_ kah letaknya masjid Putrajaya?” tanya Encik Amri kepada lelaki itu.  
A mana  
B apa  
C berapa
9. “Awak berasal dari \_\_\_\_\_?” tanya Umaira kepada jiran barunya.  
A apa  
B siapa  
C mana
10. Jika tiada \_\_\_\_\_ pertanyaan tentang kertas soalan, mulalah menjawab soalan itu.  
A mana – mana  
B apa – apa  
C bila – bila  
D siapa – siapa
11. Puisi \_\_\_\_\_ saya tujukan untuk ibu tersayang yang telah pergi buat selama – lamanya,” kata Mira Edora.  
A sini  
B sana  
C itu  
D ini
12. Kedai hiasan dalaman di seberang jalan \_\_\_\_\_ dihias sangat cantik.  
A itu  
B ini  
C sana  
D begitu
13. Di \_\_\_\_\_ lah berlakunya kemalangan ngeri yang menyebabkan semua penumpangnya meninggal dunia.  
A ini  
B begitu  
C sini  
D begini
14. Perbuatan pemuda itu mencuri barang – barang surau akan menimbulkan kemarahan penduduk di \_\_\_\_\_.  
A ini  
B situ  
C begitu  
D demikian

15. Jika ada \_\_\_\_\_ perkara yang tidak diinginkan, sila maklumkan segera kepada pihak polis.  
 A apa – apa    C bila – bila  
 B mana – mana    D siapa - siapa
16. Ketuhar \_\_\_\_\_ lah yang dimenangi oleh Mak Siti secara percuma semasa acara cabutan nombor bertuah yang diadakan di Pasar Raya Utama.  
 A situ    C ini  
 B sini    D itu
17. Pilih \_\_\_\_\_ kasut yang padan warnanya dengan baju kebaya itu.  
 A siapa - siapa    C bila – bila  
 B mana – mana    D apa – apa
18. \_\_\_\_\_ lah nasib yang dialami oleh Lebai Malang itu.  
 A begini    C situ  
 B begitu    D sini
19. \_\_\_\_\_ sajalah buah tangan yang dapat saya berikan kepada kamu.  
 A ini    C sana  
 B itu    D sini
20. Kita perlu berusaha gigih, rezeki ada di \_\_\_\_\_ .  
 A bila – bila    C siapa – siapa  
 B apa – apa    D mana – mana

## 6. KATA GANTI NAMA TAK TENTU

### KETERANGAN:

1. Kata ganti nama tak tentu ialah kata ganti yang menunjukkan sesuatu atau seseorang secara tidak tentu.
2. Contoh : apa-apa, mana-mana, masing-masing, seseorang, sesuatu dan siapa-siapa atau sesiapa


### LATIHAN 6: KATA GANTI NAMA TAK TENTU

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. \_\_\_\_\_ yang berminat mengambil bahagian dalam perlawanan itu, dikehendaki membuat pendaftaran.  
A Apa-apa                      C Siapa-siapa  
B Bila-bila                      D Mana-mana
2. “Serahkan \_\_\_\_\_ yang ada di dalam beg itu kepada aku!” kata perompak itu kepada Mak Minah.  
A mana-mana                  C siapa-siapa  
B apa-apa                        D bila-bila
3. Saimi tidak menjamah \_\_\_\_\_ makanan pun hari ini.  
A apa-apa                        C siapa-siapa  
B mana-mana                  D bila-bila
4. Entah \_\_\_\_\_ lagi kami sekeluarga akan dapat pulang ke kampung.  
A mana-mana                  C apa-apa  
B bila-bila                      D siapa-siapa
5. Emak melarang adik ke \_\_\_\_\_ semasa beliau membayar harga makanan di kaunter.  
A mana-mana                  C siapa-siapa  
B bila-bila                      D apa-apa
6. \_\_\_\_\_ yang kehilangan jam tangan, sila berjumpa dengan saya.  
A Mana-mana                  C Siapa-siapa  
B Bila-bila                      D Apa-apa
7. Antara baju-baju ini pilihlah \_\_\_\_\_ yang adik berkenan.  
A apa-apa                        C siapa-siapa  
B bila-bila                      D mana-mana
8. Adakah \_\_\_\_\_ berita tentang keadaan ekonomi negara kita?  
A bila-bila                      C mana-mana  
B apa-apa                        D siapa-siapa

9. Pesanlah \_\_\_\_\_ makanan yang awak hendak.  
 A mana-mana C siapa-siapa  
 B apa-apa D bila-bila
10. Hasnah tidak suka \_\_\_\_\_ pun bertanyakan masalahnya.  
 A bila-bila C siapa-siapa  
 B mana-mana D apa-apa
11. Kami akan tiba \_\_\_\_\_ masa sahaja.  
 A bila-bila C siapa-siapa  
 B mana-mana D apa-apa
12. \_\_\_\_\_ barang yang berharga eloklah diselamatkan dahulu.  
 A Apa-apa C Mana-mana  
 B Bila-bila D Siapa-siapa
13. Tiada \_\_\_\_\_ dibenarkan masuk ke dalam bilik itu kecuali kakitangan yang berkenaan.  
 A apa-apa C mana-mana  
 B sesiapa
14. “Pilihlah \_\_\_\_\_ kuih yang adik suka,” kata Puan Azie kepada anak bongsunya.  
 A mana-mana C siapa-siapa  
 B apa-apa D bila-bila

Soalan 15 berdasarkan gambar 1



gambar 1

15. \_\_\_\_\_ pun pandangan kita tentang vandalisme, fenomena ini wajar dibanteras.  
 A Mana-mana C Sesiapa  
 B Apa-apa D Bila-bila
16. \_\_\_\_\_ yang tidak mengikut arahan akan dikenakan tindakan.  
 A Siapa-siapa C Bila-bila  
 B Apa-apa D Mana-mana
17. \_\_\_\_\_ yang tidak faham, tolong angkat tangan.  
 A Siapa-siapa C Bila-bila  
 B Mana-mana D Apa-apa

18. Kamu tidak dibenarkan menulis \_\_\_\_\_ sehingga dibenarkan berbuat demikian.  
A apa-apa                      C bila-bila  
B mana-mana                  D siapa-siapa
19. Duduklah di \_\_\_\_\_ yang kamu suka kerana tempat duduk ini tidak bernombor.  
A apa-apa                      C mana-mana  
B bila-bila                    D siapa-siapa
20. Tidak ada \_\_\_\_\_ lagi yang boleh kamu buat kerana semua kerja telah disiapkan.  
A mana-mana                  C bil-bila  
B siapa-siapa                  D apa-apa

## 7. KATA KERJA

### KETERANGAN:

Kata kerja ialah perkataan yang menunjukkan sesuatu perbuatan atau keadaan melakukan sesuatu.

Kata kerja terbahagi kepada 3 jenis iaitu :

- i. Kata Kerja Transitif – menebas, menyidai, menulis
- ii. Kata Kerja Tak Transitif – bangun, lihat, lulus
- iii. Kata Kerja Pasif – ditebas, disidai, ditulis

### LATIHAN 7 : KATA KERJA

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. Nakhoda itu mengarahkan anak-anak kapalnya \_\_\_\_\_ sauh yang berat itu di muara sungai.  
A menghulurkan                  C meletakkan  
B melontarkan                    D melabuhan
2. Kakak \_\_\_\_\_ erat pinggang ibu sewaktu berpayung dalam hujan yang lebat itu.  
A mencapai                        C menggarap  
B menduduki                      D merangkul
3. Pendaki yang hilang semasa mendaki Gunung Tahan telah \_\_\_\_\_ di kawasan hutan tebal di kaki bukit.  
A terjumpa                        C berjumpa  
B dijumpai                         D menjumpai
4. Pihak polis telah berjaya \_\_\_\_\_ kegiatan penyeludupan di kawasan sempadan.  
A menumbangkan                  C menewaskan  
B menundukkan                  D menumpaskan

5. Hakisan tanah dapat dielakkan jika \_\_\_\_\_ hutan dikawal oleh pihak kerajaan.

- A penghapusan
- B pembersihan
- C penerokaan
- D pembasmian

6. Pak Cik Amran \_\_\_\_\_ batang kayu itu untuk dijadikan tiang rumahnya.

- A mengikis
- B menarah
- C meraut
- D mengupas

Pilih ayat kata kerja transitif yang betul.

- 7.
  - A Amin suka membaca buku.
  - B Dia pancing ikan di sungai.
  - C Aidil tendang bola itu.
  - D Farid dan Kamil baca cerita di perpustakaan.
- 8.
  - A Adik saya suka menangis.
  - B Air sungai itu mengalir deras.
  - C Ahli perniagaan itu dan keluarganya melancong ke Australia.
  - D Puan Jamilah seorang guru yang rajin dan berdedikasi.

Pilih ayat kata kerja tak transitif yang betul .

- 9.
  - A Pak Mat sedang membelah kayu.
  - B Ruzila sedang memasak kuih.
  - C Noraini sedang makan buah rambutan.
  - D Datuk sedang tidur dengan nyenyak.
- 10.
  - A Jangan melompat.
  - B Dia lompat jauh.
  - C Dia senyum kepada saya.
  - D Ani bersalam dengan saya.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

11. Anjing liar itu \_\_\_\_\_ seketul tulang.

- A mengepit
- B mengonggong
- C menjamah
- D memakan

12. Pak Amin kecewa kerana \_\_\_\_\_ oleh jurujual yang tidak berdaftar itu.

- A ditipu
- B disapa
- C ditegur
- D dikunjungi

13. Dagu atuk luka terkena pisau semasa dia \_\_\_\_\_ janggutnya.

- A mencabut
- B mencukur
- C memotong
- D menggunting



14. Shafiqa dan keluarganya sering \_\_\_\_\_ nenek tua yang tinggal keseorangan di teratak buruk itu.  
A melancong                                      C menziarahi  
B mendatangi                                      D menemui
15. Beberapa orang pekerja wanita di restoran menjual sate \_\_\_\_\_ daging pada lidi sebelum membakarnya.  
A meraut    C memasuk  
B menjolok    D mencucuk
16. Puan Sofia seorang deklamator yang tersohor dan sering diundang untuk \_\_\_\_\_ puisinya.  
A menyanyikan                                      C mengalunkan  
B mempamerkan                                      D mendendangkan
17. Piala kejohanan pertandingan hoki itu \_\_\_\_\_ oleh para pemain Sekolah Kebangsaan Taman Megah.  
A diangkat    C dipegang  
B disambut    D dijulung
18. Sekawan anak itik sedang \_\_\_\_\_ air di sebuah kolam yang cetek.  
A menyudu    C menyodok  
B meminum    D mencedok
19. Beberapa buah gerabak kereta api \_\_\_\_\_ daripada landasan akibat melanggar seekor gajah.  
A tergelincir    C terbabas  
B tersangkut    D tersangkut
20. Mak Cik Zakiah asyik \_\_\_\_\_ tikar mengkuang di bawah pokok di tepi pondoknya.  
A menenun    C menyirat  
B menganyam    D menyulam

## 8. KATA ADJEKTIF

### KETERANGAN:

Kata adjektif digunakan untuk menerangkan keadaan atau sifat sesuatu benda, tempat dan orang. Kata adjektif dibahagikan kepada beberapa jenis mengikut makna :

- |                      |            |
|----------------------|------------|
| 1. sifat dan keadaan | 5. bau     |
| 2. warna             | 6. ukuran  |
| 3. rasa              | 7. pandang |
| 4. bentuk            |            |

### LATIHAN 8 : KATA ADJEKTIF

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

- Lampin adik berbau \_\_\_\_\_ kerana dia telah kencing.  
A hapak                      C kering  
B hanyir                      D haring
- Kita boleh menaiki kapal terbang untuk ke sesuatu destinasi kerana ia lebih \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.  
A baik...lambat              C selesa...kuat  
B lemah...deras              D selesa...cepat
- Kemarahan jurulatih itu \_\_\_\_\_ apabila melihat anak buahnya bermain sambil lewa setelah pihak lawan menjaringkan gol.  
A membara                      C menaik  
B reda                          D membakar
- Shifa terpesona melihat sepasang burung merak yang \_\_\_\_\_ di Zoo Negara.  
A lawa                          C anggun  
B cantik                        D jelita
- Kebanyakan penonton berasa \_\_\_\_\_ kerana perlawanan hoki itu ditangguhkan akibat hujan sangat \_\_\_\_\_.  
A kecewa...renyai              C hampa...hebat  
B duka...kuat                  D kecewa...lebat
- Darah \_\_\_\_\_ memancut daripada tubuh Mahsuri selepas ditikam dengan keris akibat fitnah yang dilemparkan terhadapnya.  
A merah                        C kuning  
B putih                         D merun
- Tidak ada orang yang sanggup membunuh kanak-kanak dan wanita seperti askar Israel kecuali orang yang tidak mempunyai \_\_\_\_\_ langsung.  
A kasih sayang                  C harga diri  
B peri laku                      D peri kemanusiaan

8. “Buah dokong itu rasanya \_\_\_\_\_ tetapi pokoknya sangat \_\_\_\_\_,” kata Faiz.  
 A kelat...rendang      C manis...tinggi  
 B manis...lurus      D masam...rimbun
9. Para hadirin \_\_\_\_\_ kerana murid prasekolah itu \_\_\_\_\_ bercerita.  
 A hairan...handal      C bangga...layak  
 B terharu...bijak      D kagum...petah
10. Aini berasa \_\_\_\_\_ untuk berpisah dengan keluarga angkatnya setelah seminggu mengikuti Program Khidmat Mahasiswa di kampung itu.  
 I pilu      III sedih  
 II sayu      IV kecewa  
 A I dan III      C I, II dan III  
 B II dan III      D I, II dan IV
11. Orang yang \_\_\_\_\_ itu berasa berat hati hendak menderma kepada anak \_\_\_\_\_ itu.  
 A bakhil ... istimewa      C sedih ... cacat  
 B pilu ... lembab      D dungu ... nakal
12. Kuih itu memang \_\_\_\_\_ tetapi terlalu \_\_\_\_\_ .  
 A enak ... pahit      C sedap ... hanyir  
 B lazat ... manis      D cantik ... payau
13. Dia berjaya kerana dia \_\_\_\_\_ menghadapi cabaran yang mendatang.  
 A cekap      C tabah  
 B tahan      D tuntas
14. Mereka bersahabat \_\_\_\_\_ sejak kecil lagi.  
 A intim      C baik  
 B mesra      D rapat
15. Bayi itu memang \_\_\_\_\_ .  
 A cantik      C comel  
 B tampan      D molek
16. Jangan makan keropok yang \_\_\_\_\_ itu.  
 A lemau      C hanyir  
 B garing      D empuk
17. Budak yang \_\_\_\_\_ seperti bendul itu selalu dibuli oleh pelajar-pelajar \_\_\_\_\_ .  
 A hodoh ... sombong      C dungu ... degil  
 B baik ... jahat      D lurus ... nakal
18. Belilah barangan \_\_\_\_\_ . Jangan beli barangan \_\_\_\_\_ yang rendah mutu barangannya.  
 A baik ... buruk      C tulen ... palsu  
 B baru ... lama      D klasik ... antik

19. Rumah orang miskin itu\_\_\_\_\_ .  
A condong                                C bongkok  
B bengkok                                 D serong
20. Penggunaan istilah bahasa yang telah\_\_\_\_\_sesuai digunakan dalam perhubungan seharian.  
A mampan                                 C ceria  
B padu                                       D mantap

## 9. KATA SENDI NAMA

### KETERANGAN:

1. Kata yang digunakan untuk menyambungkan frasa nama dengan kata atau frasa-frasa dalam ayat.
2. Contoh : akan, kepada, terhadap, bagi, untuk, dari, daripada, di, dengan, hingga, sampai, ke, kepada, oleh, pada, sejak, umpama, bak dan tentang

### LATIHAN 9 : KATA SENDI NAMA

Pilih jawapan yang paling sesuai

1. Banyak manfaat yang kita peroleh \_\_\_\_\_ceramah itu.  
A daripada                                 C antara  
B akan                                        D dari
2. Faiznur mengirim sepucuk surat \_\_\_\_\_kawannya.  
A ke    C kepada  
B dari                                         D daripada
3. Pak Murad bekerja di ladang kelapa sawitnya dari pagi hingga \_\_\_\_\_ petang.  
A di    C pada  
B ke    D kepada
4. Pegawai Daerah menyampaikan hadiah \_\_\_\_\_para pelajar.  
A untuk                                      C kepada  
B pada                                        D ke
5. Harga kain batik tulis lebih mahal \_\_\_\_\_harga kain batik cap.  
A oleh                                        C dari  
B dengan                                     D daripada
6. Anisa membeli sehelai selendang \_\_\_\_\_ibunya sebagai hadiah hari jadi.  
A daripada                                 C demi  
B untuk                                      D bagi

7. Anak-anak harimau yang ditangkap itu berusia antara tiga \_\_\_\_\_ empat tahun.  
A di C kepada  
B dengan D hingga
8. Cikgu Maria menasihati kami supaya mempunyai rasa belas kasihan \_\_\_\_\_ binatang.  
A terhadap C demi  
B hingga D oleh
9. Oleh sebab rasa cinta \_\_\_\_\_ kebudayaan Melayu, Puan Julia sanggup menjelajah seluruh negara untuk membuat kajian.  
A dalam C akan  
B untuk D terhadap
10. Pak Ismail menjaga potret-potret yang dilukis \_\_\_\_\_ anaknya itu dengan baik.  
A sejak C tentang  
B oleh D dalam
11. Pinggan mangkuk Vantage yang dihiasi corak bunga –bungaan mendapat sambutan yang baik \_\_\_\_\_ peminat tembikar.  
A untuk C dengan  
B antara D daripada
12. Taman Botani dan Taman Negara sering menjadi tumpuan pengunjung terutamanya \_\_\_\_\_ hujung minggu.  
A di C pada  
B Kepada D umpama
13. Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya mengamalkan sikap tolong-menolong antara satu sama lain \_\_\_\_\_ kehidupan seharian.  
A demi C bagai  
B dalam D untuk
14. Ibu menaburkan padi usang itu ke tanah \_\_\_\_\_ dimakan oleh ayam-ayam peliharaannya.  
A untuk C daripada  
B sampai D kepada
15. Tini rindu \_\_\_\_\_ kedamaian kampung neneknya yang terletak di kaki Gunung Ledang.  
A pada C antara  
B akan D kepada
16. Lima orang pendaki yang hilang \_\_\_\_\_ tiga hari yang lalu telah dijumpai di dalam hutan tebal di kaki Gunung Tahan.  
A hingga C sejak  
B seperti D antara
17. Samila telah terpilih sebagai pemain boling terbaik \_\_\_\_\_ Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia .  
A oleh C akan  
B pada D bagi

18. Tengku Suria telah banyak mengorbankan masanya \_\_\_\_\_ membantu kanak-kanak yang menghidap penyakit AIDS di rumah kebajikan itu.

- A tentang    C untuk  
B di    D kepada

19. Ibu mengucapkan terima kasih kepada Puan Norlia \_\_\_\_\_ menjaga rumah sepanjang kami pergi bercuti di Pulau Langkawi.

- A untuk    C daripada  
B kepada     D dengan

20. \_\_\_\_\_ Ayu dan Ani, Ayu lebih cekap menjaringkan gol walaupun Ani mempunyai lima tahun pengalaman dalam permainan hoki.

- A Dalam    C Antara  
B Terhadap                                         D Tentang

## 10. KATA HUBUNG

### KETERANGAN:

Kata hubung digunakan untuk menghubungkan sesuatu perkataan atau frasa supaya menjadi ayat yang lengkap.

Contohnya : dan, tetapi, kerana, atau, sambil, lalu, agar, supaya, dan lain-lain.

### LATIHAN 10: KATA HUBUNG

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. \_\_\_\_\_ Encik Rosli telah dinaikkan pangkat, beliau tidak sombong.

- A Sungguhpun                                      C Sekalipun  
B Mahupun    D Jikalaupun

2. Melati bermain – main dengan adiknya di hadapan sekolah \_\_\_\_\_ menunggu kedatangan ibunya.

- A selepas    C supaya  
B sementara     D semenjak

3. Puan Lili tidak tahu sama ada hendak memakai ceongsam \_\_\_\_\_ baju kebaya untuk menghadiri konvokesyen anaknya.

- A dan    C atau  
B serta     D lalu

4. \_\_\_\_\_ hari telah larut malam, abang masih mengulang kaji pelajaran.

- A Jikalau    C Ataupun  
B Namunpun     D Meskipun

5. \_\_\_\_\_ menunggu Hani, saya sempat menggoreng keropok lekor.  
 A Sambil C Sejak  
 B Serta D Semenjak
6. Nenek sedang menganyam \_\_\_\_\_ kami pulang dari sekolah.  
 A apabila C sebelum  
 C sambil D kerana
7. Labuci pada tengkuk baju kurung \_\_\_\_\_ dipakai oleh Cikgu Anita dijahit oleh Puan Aina.  
 A kecuali C sehingga  
 B namun D yang
8. Najwa suka menjahit \_\_\_\_\_ kakaknya suka mengumpul Majalah Saji.  
 A dan C tetapi  
 B lalu D kecuali
9. Ayah menyapu varnish pada kerusi rotan itu \_\_\_\_\_ kelihatan lebih cantik pada hari lebaran.  
 A supaya C kalau  
 B kerana D sungguhpun
10. Encik Murad berhasrat untuk belayar ke Sabah \_\_\_\_\_ banyak halangan yang terpaksa ditempuhi.  
 A manakala C seandainya  
 B meskipun D kecuali
11. Ibu menegur adik kerana dia masih belum tidur \_\_\_\_\_ jam menunjukkan pukul 11.00 malam.  
 A apabila C sementara  
 B meskipun D malahan
12. Banyak orang cedera \_\_\_\_\_ berpuluh – puluh keluarga hilang tempat tinggal dalam runtuh tanah itu.  
 A supaya C selama  
 B lantaran D manakala
13. Mei Hwa menonton televisyen \_\_\_\_\_ menunggu kek yang dikukusnya masak.  
 A manakala C semenjak  
 B sementara D biarpun
14. Adik menangis \_\_\_\_\_ memberitahu ibu bahawa kakak telah mencubitnya.  
 A hingga C sambil  
 B serta D malahan
15. Keadaan di pasar itu penuh sesak dengan orang ramai \_\_\_\_\_ pasar raya itu mengadakan jualan murah.  
 A kerana C supaya  
 B agar D meskipun

16. Kamal Adli selalu ponteng kelas. \_\_\_\_\_, bapanya dipanggil oleh pihak sekolah.  
A Lantaran itu                          C Bagaimanapun  
B Meskipun                                  D Lagipun
17. Kamil masih belum bangun \_\_\_\_\_ jam sudah pun menunjukkan pukul 12.00 tengah hari.  
A walhal                                  C lagipun  
B malahan                                  D justeru
18. Oleh sebab hujan lebat, \_\_\_\_\_ perlawanan bola itu terpaksa dibatalkan.  
A atau    C serta  
B melainkan                                  D maka
19. Murid – murid Tahun Lima Setia bangun \_\_\_\_\_ mengucapkan “Selamat Sejahtera” kepada Cikgu Noriah.  
A supaya                                      C padahal  
B lalu    D dan
20. Jasnita masih menangis \_\_\_\_\_ telah berkali – kali dipujuk oleh rakan-rakannya.  
A meskipun                                  C selama  
B setelah                                      D selagi

## 11. KATA TANYA

### KETERANGAN:

Kata tanya digunakan untuk menanyakan nama benda, manusia, haiwan, tempat, orang, dan bilangan. Contoh kata tanya ialah apa, siapa, di mana, mengapa, kenapa, berapa, bila, dan bagaimana. Ia boleh diikuti dengan partikel –kah mengikut kesesuaian ayat tanya.

### LATIHAN 11: KATA TANYA

Pilih jawapan yang paling sesuai .

- Cuba terangkan kepada saya, \_\_\_\_\_ kamu menangis?  
A adakah                                  C siapakah  
B mengapakah                              D bagaimanakah
- Tan, \_\_\_\_\_ abang kamu hendak makan nasi goreng ini?  
A apakah                                      C adakah  
D manakah                                  D siapakah
- \_\_\_\_\_yang dibela oleh Pak Amir di dalam kandang itu?  
A Apakah                                      C Siapakah  
B Adakah                                      D Mengapakah



4. \_\_\_\_\_ yang merasmikan bangunan sekolah itu?  
A Bilakah                      C Bagaimanakah  
B Siapakah                      D Manakah
5. Budak itu menyorokkan buku cerita Amirul \_\_\_\_\_?  
A manakah                      C apa  
B mana                          D siapakah
6. Ayah kamu pergi ke Arau \_\_\_\_\_?  
A berapa                        C bila  
B siapa                          D bilakah
7. Di \_\_\_\_\_ letaknya pejabat ayah Alissa?  
A manakah                      C berapakah  
B mana                          D apa
8. “ \_\_\_\_\_ yang menyebabkan Lim dan Rawi bergaduh? Tan atau Abu ?” Tanya Fareez.  
A Apakah                      C Mengapakah  
B Adakah                        D Siapakah
9. “ \_\_\_\_\_ warna kereta abang kamu yang baru itu? ”Tanya Adlan kepada Mira .  
A Apakah                      C Mengapakah  
B Adakah                        D Manakah
10. \_\_\_\_\_ Fadli dikatakan sebagai kaki bangku oleh kawan-kawannya?  
A Siapakah                      C Mengapakah  
B Bagaimanakah                D Berapakah
11. “Dari \_\_\_\_\_ kamu mendengar berita itu, Amalina?  
A siapakah                      C bilakah  
B berapakah                      D manakah
12. Yang berbaju kemeja kuning dan berseluar hitam itu \_\_\_\_\_?  
A mana                          C bila  
B kenapa                        D siapa
13. Salsabila tergesa-tergesa untuk pulang ke rumahnya \_\_\_\_\_?  
A kenapa                        C apa  
B siapa                          D bagaimana
14. \_\_\_\_\_ nama guru kamu yang tinggal di Sungai Petani, Kedah?  
A Apakah                      C Manakah  
B Siapakah                      D Adakah
15. \_\_\_\_\_ pertandingan melukis poster sempena hari ulang tahun kemerdekaan akan diadakan?  
A Bagaimanakah                C Berapakah  
B Di manakah                    D Mengapakah

16. \_\_\_\_\_ yang sudi menjelaskan kepada saya, bagaimana kejadian itu boleh berlaku ?  
 A Siapakah                      C Mengapakah  
 B Di manakah                  D Berapakah
17. \_\_\_\_\_ Ruziah digelar sebagai murai oleh kawan-kawannya?  
 A Adakah                        C Mengapakah  
 B Siapakah                      D Manakah
18. “Mat, kamu akan ke Padang Besar \_\_\_\_\_?” tanya Azrul kepada Haidi.  
 A apa                              C siapa  
 B bila                             D berapa

Soalan 19 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

19. “\_\_\_\_\_ kamu lulus dalam ujian itu, Hakimi?” tanya ayah.  
 A Apakah                        C Mengapakah  
 B Berapakah                    D Adakah
20. “\_\_\_\_\_ warna motosikal abang kamu yang baru itu?” tanya Firdaus.  
 A Apakah                        C Adakah  
 B Berapakah                    D Bilakah

## 12.KATA SERU

### KETERANGAN:

Kata yang digunakan untuk menyatakan perasaan seseorang sama ada gembira, geram, marah, hairan, sakit, takut dan sebagainya.

Kata seru digunakan untuk membentuk ayat seruan.

#### Contoh:

Ah – menyatakan penolakan atau rasa tidak setuju.

Aduh – menyatakan perasaan sakit.

Aduhai – menyatakan perasaan sedih atau rintihan.

Am boi – menyatakan rasa kagum atau hairan

Cis/cih - untuk menyatakan perasaan marah, mencemuh atau marah bercampur jijik.

Eh – perasaan hairan atau terkejut

Hai – menyapa atau menarik perhatian

Nah – untuk mempelawa seseorang menerima sesuatu

Oh – menyatakan perasaan terkejut, hairan, sedih atau kecewa

Wah – menyatakan perasaan kagum


Wahai – perasaan sedih atau untuk menarik perhatian

### LATIHAN 12 : KATA SERU

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. \_\_\_\_\_, kereta lumba itu sangat laju!  
A Oh                                      C Cis  
B Ah                                        D Wah
2. \_\_\_\_\_, kamu telah terpilih sebagai ketua pengawas!  
A Amboi                                C Aduhai  
B Syabas                                D Nah

Soalan 3 berdasarkan gambar 1



Gambar 1

3. \_\_\_\_\_, ambil wang ini dan pergi beli buku tulis yang baru!  
A Ah                                      C Oh  
B Eh                                        D Nah

4. \_\_\_\_\_, malang sungguh nasib orang tuan itu!  
 A Wahai                      C Aduh  
 B Oh                             D Aduhai
5. \_\_\_\_\_, kamu pun turut berada di sini!  
 A Ah                             C Eh  
 B Oh                             D Nah
6. \_\_\_\_\_, para pelajar, belajarlah dengan bersungguh-sungguh!  
 A Aduhai                      C Wahai  
 B Aduhai                      D Hai


Soalan 7 berdasarkan gambar 2



Gambar 2

7. \_\_\_\_\_, pedihnya luka aku ini!  
 A Aduh                         C Cis  
 B Aduhai                      D Ah
8. \_\_\_\_\_, cantik sungguh pakaian pengantin itu!  
 A Ah                             C Hai  
 B Aduhai                      D Amboi
9. \_\_\_\_\_, lama betul kita tidak bersua!  
 A Hai                            C Amboi  
 B Wah                          D Eh
10. \_\_\_\_\_ aku tidak setuju langsung dengan pendapat engkau itu!  
 A Cis                            C Eh  
 B Nah                          D Ah
11. \_\_\_\_\_, kamu telah berjaya mengharumkan nama baik sekolah ini!  
 A Wah                          C Eh  
 B Hai                            D Syabas


Soalan 12 berdasarkan gambar 3



Gambar 3

12. \_\_\_\_\_, hebat sungguh pahlawan itu menunggang kuda liar yang baru ditangkapnya.  
A Hai    C Wah  
B Amboi    D Eh
13. \_\_\_\_\_, kamulah rupa-rupanya yang memfitnah saya selama ini!  
A Ah    C Aduh  
B Nah    D Oh
14. \_\_\_\_\_, para pelajar, tingkatkan usaha agar kalian beroleh keputusan yang cemerlang!  
A Syabas    C Hai  
B Wahai    D Aduhai
15. \_\_\_\_\_, keluarga itu senantiasa ditimpa nasib malang!  
A Ah    C Aduhai  
B Aduh    D Eh
16. \_\_\_\_\_, bagaimana pula awak dapat masuk sedangkan pintu bilik itu berkunci.  
A Eh    C Syabas  
B Oh     D Wah
17. \_\_\_\_\_, aku tidak bersetuju dengan cadangannya sebentar tadi!  
A Eh    C Ah  
B Oh     D Aduh

Soalan 18 berdasarkan gambar 4



Gambar 4

18. \_\_\_\_\_, cantiknya rumah baharu Encik Ramli yang terletak di kawasan lapang itu.  
A Nah    C Aduhai  
B Aduh    D Wah

19. \_\_\_\_\_, bagaimana dengan keadaan kamu dan keluarga!  
A Hoi                                 C Wahai  
B Hai                                 D Eh
20. \_\_\_\_\_, kedekut benar orang kaya itu!  
A Cis                                 C Nah  
B Oh                                 D Amboi

### 13. KATA BANTU

#### KETERANGAN:

Kata yang digunakan untuk menerangkan kata kerja dan hadir sebelum kata kerja

Contoh : sudah, telah, pernah, sedang, masih, belum , akan

#### LATIHAN 13: KATA BANTU

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. Kerja-kerja membangunkan kawasan taman sains itu \_\_\_\_\_ siap sebulan yang lalu.  
A telah                                 C masih  
B mesti                                 D akan
2. Kita \_\_\_\_\_ berhati-hati semasa melintas jalan raya.  
A masih                                 C mesti  
B sudah                                 D sedang
3. “Jangan sekali-kali minum air yang \_\_\_\_\_ dimasak,” pesan Cikgu Azie.  
A akan                                 C sudah  
B hendak                                 D belum
4. Semua bangku di taman itu \_\_\_\_\_ digantikan dengan yang baharu tidak lama lagi.  
A sudah                                 C akan  
B sedang                                 D masih
5. Sekiranya kita \_\_\_\_\_ berjaya, kita mestilah meningkatkan usaha dengan banyak mengulang kaji pelajaran.  
A hendak                                 C akan  
B masih                                 D mesti
6. Walaupun sudah pulih tetapi dia \_\_\_\_\_ belum boleh berjalan dengan baik.  
A masih                                 C hendak  
B akan                                 D mesti

7. Ayah \_\_\_\_\_ ke Kuala Lumpur pada bulan hadapan.  
A telah                      C sedang  
B akan                        D sudah
8. Kita \_\_\_\_\_ lah bijak memilih kawan sekiranya kita ingin berjaya.  
A sedang                      C mesti  
B telah                        D hendak
9. Semua pendatang tanpa izin \_\_\_\_\_ dihantar ke negara asal mereka pada bulan depan.  
A telah                      C masih  
B belum                       D akan
10. Nur Fasihah \_\_\_\_\_ mengulang kaji pelajaran di dalam biliknya.  
A telah                      C sedang  
B akan                        D belum
11. Datuk \_\_\_\_\_ belum sedar ketika kami menziarahinya di hospital.  
A telah                      C masih  
B sudah                       D akan
12. Buah mangga ini \_\_\_\_\_ dibasuh sebelum dimakan.  
A sudah                      C mesti  
B mahu                        D dapat
13. Puan Mazni \_\_\_\_\_ menuntut di Universiti Malaya dalam bidang perubatan.  
A telah                      C sudah  
B pernah                      D belum
14. Kamu \_\_\_\_\_ berhati-hati ketika melalui jalan yang licin itu.  
A mesti                        C masih  
B boleh                        D belum
15. Saya \_\_\_\_\_ cuba memujuk adik yang sedang menangis itu.  
A akan                        C dapat  
B mahu                        D masih
16. Kakak saya \_\_\_\_\_ dinaikkan pangkat pada tahun hadapan.  
A akan                        C belum  
B masih                        D telah
17. Ayah \_\_\_\_\_ membaca surat khabar semasa berkelah di Pantai Merdeka.  
A sedang                      C belum  
B mesti                        D akan
18. Persatuan Bahasa Melayu sekolah saya \_\_\_\_\_ melawat ke Pulau Pangkor pada cuti persekolahan nanti.  
A harus                        C masih  
B pernah                       D akan

19. Afini\_\_\_\_\_mengikuti ayahnya pergi ke Pantai Cenang, Pulau Langkawi.  
A belum                      C hendak  
B sedang                      D harus
20. Bas itu dijangka\_\_\_\_\_tiba dari Perak pada pukul 2.00 petang.  
A masih                      C sedang  
B pernah                      D akan

#### 14. KATA NAFI

##### KETERANGAN:

Ialah kata yang digunakan untuk menafikan atau meniadakan sesuatu.

Contoh:

Bukan – untuk menafikan frasa nama dan frasa sendi nama

Tidak – untuk menafikan frasa kerja dan frasa adjektif.

#### LATIHAN 14 : KATA NAFI

Pilih jawapan yang betul.

1. Sejak kematian bapanya budak itu \_\_\_\_\_bersekolah lagi kerana menolong ibunya mengerjakan sawah mereka.  
A tidak                      C bukan  
B sudah                      D pun
2. Walau apa pun yang berlaku , saya \_\_\_\_\_akan menjual rumah pusaka ini kepada kamu.  
A tidak                      C bukan  
B adalah                      D pun
3. Anuar langsung \_\_\_\_\_ mempercayai khabar angin yang didengarnya daripada penduduk kampung semalam.  
A bukan                      C tidak  
B ialah                      D pun

Soalan 4 – soalan 8. Pilih jawapan yang betul penggunaan kata nafinya.

4. A Ayahnya bukan kedekut.                      C Perigi itu bukan dalam.  
B Pisau itu bukan tajam                      D Hari ini abang bukan pergi
5. A Ini tidak kali pertama Zairin melarikan diri dari rumah.  
B Warung yang terletak bukan jauh dari jalan raya itu, warung Pak Amit.  
C “Bukan begitu caranya untuk menyukat kedalaman sungai,”kata Fifi kepada Mahat.  
D Saidin tidak abang ipar Iqbal.



6. A Adiknya tidak pandai menari joget. C “Kami bukan turun ke laut hari ini”.  
 B Buah rambutan itu bukan manis. D Gurunya tidak berasal dari Perlis
7. A Anjing itu bukan lapar. C Maimunah bukan keberatan untuk membantu kami.  
 B Raju bukan suka berkawan dengan D Baju yang dipakainya itu  
 dengan Siva. bukan baju adiknya.
8. A Emily tidak pandai bergaya. C Air sungai itu bukan dalam.  
 B Kepala Fairus bukan botak. D Rumah itu bukan sesuai untuk didiami.

Pilih ayat –ayat yang betul penggunaan kata nafinya.

9. I Ah Lim sedikit pun tidak berasa cemburu apabila melihat isterinya keluar menonton dengan lelaki lain.  
 II Tajul tidak bersetuju dengan cadangan ketua kampung untuk merobohkan surau lama di kampung itu.  
 III Ali bukan anak orang berada ,ayahnya hanyalah pemandu teksis.  
 IV Datuk tidak mahu tinggal bersama-sama dengan anak-anaknya di kota  
 A I dan IV C II, III dan IV  
 B I ,II dan III D I, II, III dan IV
10. I Farid berasa tidak seronok menyertai rombongan ke Melaka itu.  
 II Bukan terdapat sebarang tanda bahawa musim kemarau yang panjang itu akan berakhir.  
 III Harun bukan meminati penyanyi kumpulan rock yang berperangai tidak senonoh itu.  
 IV Elly tidak dapat menahan rasa sedihnya apabila melihat jirannya meratapi kematian anak bongsunya itu.  
 A III sahaja C I, II dan IV  
 B I dan IV D I, II, III dan IV
11. I Sepupunya tidak gemar makan sambal belacan.  
 II Kata Puan Devi kepada Rajan, “Tidak baik kamu membantah cakap orang tua”.  
 III Dia bukan sampai hati untuk menghampakan harapan kedua-dua orang tuanya.  
 IV Oleh sebab tidak ada persefahaman,pasangan suami isteri itu mengambil keputusan untuk berpisah sahaja.  
 A I, II dan III C I, III dan IV  
 B I, II dan IV D II, III dan IV
12. I Puan Hazlin bukan sombong.  
 II Kucing itu bukan ada selera untuk makan kerana sakit.  
 III Tulisan pelajar itu sukar untuk dibaca kerana tidak jelas.  
 IV Gadis itu bukan malas tetapi lembap bekerja.  
 A I dan II C I, II dan IV  
 B III dan IV D I, III dan IV

13. I Menurut Doktor Khiri, anak Pak Abu bukan menghadapi penyakit sawan tetapi menghadapi penyakit gangguan mental.  
II Alias tidak sependapat dengan abang longnya tentang cara pembahagian hart pusaka peninggalan ibunya.  
III Pelajar itu tidak dapat menjawab soalan kuiz sains kerana dia tidak membuat sebarang persediaan.  
IV Cikgu Tan bukan benci kepada pelajar yang nakal itu tetapi beliau kerana pelajar itu tidak mahu mendengar nasihatnya.  
A I dan II                                      C II, III dan IV  
B III dan IV                                     D I, II, III dan IV
14. Jam tangan ini \_\_\_\_\_jam buatan Malaysia.  
A tidak    C bukan  
C adalah                                         D pun
15. Kedai itu \_\_\_\_\_ kedai yang menjual barangan antik.  
A bukan    C tidak  
B pun     D adalah
16. Budak itu \_\_\_\_\_ lulus juga dakam ujian bulanannya pada kali ini.  
A bukan    C pun  
B tidak     D iadalah
17. Penyakitnya akan bertambah buruk jika \_\_\_\_\_dirawat dengan segera.  
A akan     C pun  
B tidak     B bukan
18. Kereta api yang membawa barang-barang itu \_\_\_\_\_dari utara.  
A tidak    C pun  
B bukan    D ialah
19. Isi buah mangga muda itu \_\_\_\_\_ manis tetapi masam.  
A adalah                                         C pun  
B bukan    D ialah
20. Para penunggang motosikal dinasihatkan agar \_\_\_\_\_ berlum lumba di jalan raya.  
A bukan    C tidak  
B akan     D pun

## 15. KATA PENEGAS

### KETERANGAN:

Maksud : Kata Penegasan/partikal berfungsi sebagai penegas atau menguatkan maksud sesuatu pernyataan dalam ayat..

Contoh : kah, lah, pun, tah

### LATIHAN 15: KATA PENEGAS

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Apa \_\_\_\_\_ yang berlaku sehingga dia menjerit sekuat hati?  
A tah    C lah  
B kah    D pun
2. “Baling \_\_\_\_\_ bola bowling itu kuat sedikit supaya semua jatuh,” kata pegawai sukan.  
A lah    C pun  
B tah    D kah
3. Pelajar itu boleh menyertai perkhemahan ini, itu \_\_\_\_\_ jika dia berminat.  
A kah    C pun  
B tah    D lah
4. “Pernah \_\_\_\_\_ awak kerugian sepanjang menjalankan perniagaan pinggan-mangkuk ini?” tanya Puan Syanjana kepada Fairina.  
A kah    C pun  
B lah    D tah
5. Abang \_\_\_\_\_ yang bekerja keras untuk menyara keluarga kami.  
A tah    C kah  
B pun    D lah
6. “Siapa \_\_\_\_\_ yang sudi menghantarku ke stesen bas,” kata Khairi Adha di dalam hatinya.  
A jua    C pun  
B tah    D kah
7. Kita mesti mengamalkan budaya timur, apa \_\_\_\_\_ lagi jika kita berada di perantauan.  
A lagi    C tah  
B jua    D lah
8. Budak itu \_\_\_\_\_ yang handal bermain boling padang?  
A lah    C pun  
B kah    D jua

9. Siapa\_\_\_\_\_ agaknya yang berjaya mendapat 5A dalam UPSR pada tahun ini?  
 A kah                                  C pun  
 B tah                                    D tah
10. \_\_\_\_\_ kami tidak nafikan, kamu sangat hebat dalam sukan bola sepak.  
 A Juga                                  C Memang  
 B pun                                    D Jika
11. Siapa\_\_\_\_\_ yang melukis buku ini?  
 A pun                                    C nah  
 B kah                                    D lah
12. Ini\_\_\_\_\_ hadiah istimewa untuk ibu.  
 A lah                                    C wah  
 B kah                                    D tah
13. Siapa\_\_\_\_\_ yang ingin bersenam pagi – pagi ini.  
 A tah                                    C lah  
 B jua                                    D juga
14. Kemalangan itu berlaku dekat dengan rumah kamu\_\_\_\_\_?  
 A kah                                    C jua  
 B lah                                    D pun
15. “Apa\_\_\_\_\_ dayaku yang miskin ini,” keluh lelaki tua itu.  
 A pun                                    C lah  
 B jua                                    D kah
16. Di dalam poketnya \_\_\_\_\_ ada segugus kunci rumah.  
 A juga                                  C hanya  
 B lagi                                    D sahaja
17. Apa\_\_\_\_\_ rancangan kamu, mereka tetap tidak menerimanya.  
 A memang                              C pun  
 B tah                                    D jua
18. Selain menyulam, Azura \_\_\_\_\_ pandai menggubah bunga.  
 A juga                                  C sahaja  
 B lagi                                    D memang
19. Mana\_\_\_\_\_ gerangan pendekar kecil itu?  
 A kah                                    C pun  
 B tah                                    D lah
20. Apa\_\_\_\_\_ punca pergaduhan antara Chong Wei dengan Nathan?  
 A juga                                  C memang  
 B tah                                    D kah

## 16. KATA PEMERI

### KETERANGAN:

Merupakan unsur yang menjadi pemerihal atau penghubung antara subjek dengan frasa-frasa utama dan predikat.

Contoh:

Ialah – digunakan di hadapan frasa nama

Adalah – digunakan di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama.

### LATIHAN 16 : KATA PEMERI

Pilih jawapan yang paling sesuai

1. Pemuda yang berbaju biru itu \_\_\_\_\_ bakal suami kakak saya.
 

A adapun	C ialah
B benar	D adalah
  
2. Novel yang bertajuk “Bunga-bunga Berguguran “ itu \_\_\_\_\_ novel terbaru penulis wanita itu.
 

A hanya	C adalah
B ialah	D juga
  
3. Kain songket yang dibeli dari negeri Terengganu itu \_\_\_\_\_ untuk ibunya.
 

A adalah	C nian
B ialah	D sebenar
  
4. Semua fitnah yang dilemparkan kepada Sakinah \_\_\_\_\_ tidak benar.
 

A ialah	C jika
B adalah	D nian
  
5. Hadiah hari jadi yang diterima itu \_\_\_\_\_ daripada kawannya yang baru seminggu dikenalnya.
 

A juga	C adalah
B adapun	D ialah
  
6. Faisal \_\_\_\_\_ kerani bank di Bank Simpanan Nasional yang terletak di bandar Batu Pahat.
 

A ialah	C juga
B adalah	D sekali
  
7. Gunung Tahan \_\_\_\_\_ gunung yang tertinggi di Semenanjung Malaysia.
 

A ialah	C nian
B adalah	D juga
  
8. Maklumat saksi pembunuhan itu \_\_\_\_\_ tidak benar setelah disiasat oleh pihak polis.
 

A tetapi	C adalah
B biar	D ialah

9. Tujuan utama kutipan derma \_\_\_\_\_ untuk membina balai raya yang baru.  
A ialah C biar  
B adalah D nian
10. Perempuan yang sedang melintas jalan itu \_\_\_\_\_ ibu saudara saya.  
A adalah C nian  
B ialah D sisi
11. “Bungkusan itu \_\_\_\_\_ untuk kakak kamu,” kata Danish kepada Samuel .  
A adalah C jika  
B ialah D nian
12. Zamarul Hisyam itu \_\_\_\_\_ guru baru yang akan mengajar di Tahun Enam Excel .  
A ialah C apatah  
B adalah D apapun
13. Adiknya \_\_\_\_\_ penyanyi cilik yang diminati ramai.  
A ialah C apapun  
B adalah D biar
14. Buah epal itu \_\_\_\_\_ untuk adik yang terlantar sakit di hospital .  
A nian C adalah  
B adapun D ialah
15. Tuan punya kedai emas itu .....bapa saudara Luqman Hakim..  
A adalah C nian  
B ialah D adapun
16. Kereta Proton Preve itu \_\_\_\_\_ kepunyaan bapa Ashmal.  
A ialah C adalah  
B adapun D apapun
17. Hadiah yang cantik itu \_\_\_\_\_ untuk ibu kesayangannya.  
A adalah C adapun  
B ialah D nian
18. Rumah banglo yang besar dan mewah itu \_\_\_\_\_ rumah bapa saudaranya.  
A adapun C ialah  
B adalah D iaitu
19. Tabung bantuan rakyat Palestin \_\_\_\_\_ untuk membantu penderitaan dan kesedihan yang dialami oleh rakyat Palestin.  
A ialah C adalah  
B adapun D nian
20. Negeri Pahang \_\_\_\_\_ negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia.  
A adapun C ialah  
B adalah D juga

## 17. KATA PENGUAT


### KETERANGAN:

1. Ialah kata yang digunakan untuk menguatkan maksud sesuatu kata adjektif. Kata penguat boleh diletakkan sebelum atau selepas kata adjektif dalam ayat
2. Terbahagi kepada tiga jenis iaitu kata penguat hadapan, kata penguat belakang dan kata penguat bebas
3. Contoh :  
Penguat hadapan – agak, paling, terlalu, begitu  
Penguat Belakang – sekali, betul  
Penguat bebas – sungguh, amat

### LATIHAN 17 : KATA PENGUAT

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar 1



gambar 1

1. Ibu saya \_\_\_\_\_ sayang akan barang-barang antiknya.  
A sangat                      C nian  
B benar                        D sekali
2. Karangan saya telah terpilih memenangi kategori tulisan yang \_\_\_\_\_ cantik antara peserta-peserta yang bertanding.  
A sungguh                    C paling  
B sekali                        D begitu
3. Rohana \_\_\_\_\_ pandai jika dibandingkan dengan adik-beradik.  
A begitu                        C sekali  
B agak                         D betul
4. Tempat ini \_\_\_\_\_ indahnya sehingga menenangkan fikiran.  
A demikian                    C sekali  
B agak                         D nian

Soalan 5 berdasarkan gambar 2



Gambar 2

5. Cendol pulut Pak Ghani \_\_\_\_\_ sehingga terkenal di pekan ini.  
A nian enak                      C paling enak sekali  
B sekali enak                     D sungguh enak sekali
6. Kakak saya sedih \_\_\_\_\_ apabila nenek meninggal kerana dia tinggal dengan nenek sejak kecil lagi.  
A benar                            C lebih  
B makin                            D cukup
7. Jurulatih itu \_\_\_\_\_ tegas terhadap pemain jika berkaitan dengan disiplin.  
A amat                              C nian  
B benar                            D sekali
8. Kediamannya terletak \_\_\_\_\_ jauh dari pekan itu.  
A nian                                C benar  
B agak                              D paling
9. Para doktor tetap meneruskan tugas menyelamatkan mangsa serangan askar Israel walaupun mereka \_\_\_\_\_ letih.  
A amat                              C paling  
B agak                              D nian
10. \_\_\_\_\_ tidak disangka bahawa Hasnol pandai memasak makanan tradisional Melayu.  
A Amat                              C Paling  
B Terlalu                          D Sungguh
11. Kerap \_\_\_\_\_ dia ke perpustakaan sejak belakangan ini kerana ingin mengulang kaji pelajaran.  
A paling                            C sungguh  
B nian                                D agak
12. Besar \_\_\_\_\_ kubah masjid yang terletak di bandar itu.  
A sekali                              C agak  
B lebih                              D terlalu
13. Hujah-hujah yang dikemukakan oleh pihak pencadang dalam perbahasan itu \_\_\_\_\_ meyakinkan.  
A paling                            C makin  
B agak                              D amat



14. Hamzahlah yang \_\_\_\_\_ banyak mengemukakan idea dalam perbincangan tentang aktiviti tahunan persatuan Bahasa Melayu.  
A paling                      C terlalu  
B sekali                      D nian
15. Jangan \_\_\_\_\_ mengharap kita akan menang kerana peserta-peserta sekolah lain tidak kurang hebatnya.  
A terlalu                      C paling  
B sangat                      D cukup
16. Indah \_\_\_\_\_ pemandangan matahari terbenam pada waktu senja di tepi pantai itu.  
A nian                      C paling  
B terlalu                      D agak
17. Tikar mengkuang yang dianyam oleh kakak \_\_\_\_\_ kemas dan perlu dibaiki lagi.  
A cukup                      C makin  
B amat                      D kurang
18. Jangan buka tingkap itu \_\_\_\_\_ lebar kerana angin dari luar sejuk.  
A sekali                      C terlalu  
B cukup                      D nian
19. Junaidi \_\_\_\_\_ keberatan hendak ke rumah kawannya untuk meminjam buku kerana hari sudah lewat.  
A sekali                      C agak  
B paling                      D kurang
20. Lambat \_\_\_\_\_ dia pulang semenjak bertukar tempat kerja.  
A terlalu                      C paling  
B benar                      D agak

## 18. KATA BILANGAN

### KETERANGAN:

Maksud : kata bilangan merupakan kata yang digunakan untuk membilang sesuatu

Contoh : beberapa, separuh, sebahagian

### LATIHAN 18 : KATA BILANGAN

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. \_\_\_\_\_ orang warga asing yang tinggal di rumah itu telah ditahan kerana memasuki negara ini tanpa dokumen yang sah.  
A Seorang                      C Seratus  
B Beberapa                     D Sebilangan
2. \_\_\_\_\_ kemudahah awam telah disediakan oleh pihak kerajaan, namun sesetengah orang tidak pandai untuk menghargainya.  
A Semua                        C Pelbagai  
B Kesemua                     D Banyak
3. Sikap \_\_\_\_\_ daripada masyarakat kita yang tidak bertanggungjawab telah menyebabkan berlakunya pencemaran alam di negara ini.  
A setengah                    C seluruh  
B sebahagian                 D sekalian
4. Dalam pertandingan itu, Hazami hanya mampu menduduki tempat yang ke \_\_\_\_\_.  
A kedua                        C pertama  
B akhir                         D tiga
5. Apabila Cikgu Rosman masuk ke dalam kelas, murid-murid pun mengeluarkan buku Bahasa Melayu \_\_\_\_\_.  
A setiap                        C tiap-tiap  
B sebahagian                 D masing-masing
6. \_\_\_\_\_ daripada kawasan tanah di kawasan pedalaman telah dimajukan oleh kerajaan.  
A Tiga suku                    C Semua  
B Sedikit                        D Seluruh
7. Regu badminton negara telah berjaya mendapat tempat yang \_\_\_\_\_ dalam pertandingan badminton peringkat dunia.  
A ketiga-tiga                 C pertama  
B akhir                         D satu
8. \_\_\_\_\_ pelancong yang datang ke negara ini mestilah mempunyai dokumen perjalanan yang sah.  
A Berbagai-bagai            C Sebahagian

- B Sekalian                      D Setiap
9. \_\_\_\_\_ yang hadir diminta berdiri apabila Perdana Menteri memasuki dewan itu.  
A Sebahagian                      C Semua  
B Segala                              D Setengah
10. Setelah diberikan \_\_\_\_\_ biji buah manggis, budak itu pun beredar dari situ.  
A beberapa                          C seluruh  
B kedua                              D pelbagai
11. Bulan April mempunyai \_\_\_\_\_ hari.  
A tiga                                  C tiga puluh  
B tiga belas                          D tiga ratus
12. Hampir \_\_\_\_\_ pengunjung menghadiri pameran automobil yang berlangsung sejak seminggu lalu.  
A semua                              C sebilangan  
B sekalian                              D sepuluh ribu
13. \_\_\_\_\_ pelajar dikehendaki memakai pakaian yang kemas dan bersih.  
A Semua                                C Sekalian  
B Seluruh                                D Sebahagian
14. Ah Chai memberikan makanan kepada \_\_\_\_\_ anak ikan emas itu.  
A para                                  C kelima-lima  
B separuh                                D dua pertiga
15. \_\_\_\_\_ ikan emas itu mendapat makanan yang mencukupi.  
A Setiap                                C Sekalian  
B Seluruh                                D Segala
16. Setiap pagi jalan raya sesak kerana orang ramai menuju ke tempat kerja \_\_\_\_\_  
A sendiri                                C beribu-ribu  
B tiap-tiap                                D masing-masing
17. \_\_\_\_\_ daripada kek itu akan dibahagikan kepada kawan-kawan Alia Syazana.  
A Setiap                                C Dua pertiga  
B Seluruh                                D Seseengah
18. Gadis bertudung itu akan menunggu teksi di situ \_\_\_\_\_ pagi.  
A tiap-tiap                                C beberapa  
B setengah                                D sekalian
19. Kata Guru Besar, "Murid-murid \_\_\_\_\_ minggu hadapan akan diadakan Penilaian Kemajuan Sekolah Rendah. "  
A segala                                C seluruh  
B setiap                                D sekalian
20. \_\_\_\_\_ buah rumah tenggelam dalam banjir itu.  
A Beribu-ribu                              C Berkotak-kotak

B Berpuluh-puluh    D Berjuta-juta

## 19. KATA PERINTAH

### KETERANGAN:

1. Kata yang digunakan untuk memberikan sesuatu perintah, larangan, silaan, permintaan dan sebagainya.
2. Contoh: harap, jangan, jemput, minta, sila, tolong, usah

### LATIHAN 19 : KATA PERINTAH

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. \_\_\_\_\_lah menangis lagi, Anis Athirah. Saya pasti adik awak akan selamat.  
A Tolong                      C Minta  
B Harap                         D Usah
2. “\_\_\_\_\_ basuh sayur-sayuran di atas sinki itu,” kata kakak.  
A Jangan                      C Harap  
B Tolong                        D Sila
3. “\_\_\_\_\_ lengkapkan borang ini dengan butir-butir peribadi,” kata kerani itu.  
A Harap                        C Usah  
B Minta                         D Sila
4. “\_\_\_\_\_ makan kuih itu, kawan-kawan,” kata Ayu Izzati..  
A Sila                            C Minta  
B Usah                          D Tolong
5. \_\_\_\_\_ kita akan dapat berjumpa lagi pada masa akan datang.  
A Jangan                      C Harap  
B Jemput                      D Sila
6. “\_\_\_\_\_ berpeluk tubuh sahaja. Bantulah mereka mencuci pinggan itu,” kata Arina Syaza.  
A Tolong                      C Usah  
B Minta                        D Sila
7. “\_\_\_\_\_ semua calon UPSR membaca soalan dengan teliti,” kata Ketua Pengawas itu.  
A Jemput                      C Usah  
B Jangan                      D Minta
8. “\_\_\_\_\_ berikan wang ini kepada kakak awak,” kata Mariana.  
A Sila                            C Tolong  
B Harap                        D Jemput

9. “\_\_\_\_\_lah duduk, datuk. Nanti saya ambulkan air,” kata Mastura Izara  
A Tolong                      C Jangan  
B Sila                            D Minta
10. “\_\_\_\_\_sepak tong sampah itu,” kata emak kepada budak itu.  
A Tolong                      C Harap  
B Sila                            D Jangan
11. “\_\_\_\_\_lah kamu kenangkan lagi peristiwa itu, Irwan,” kata Raqif.  
A Tolong                      C Usah  
B Jangan                        D Sila
12. “Ali,\_\_\_\_\_ambulkan ibu serai,” pinta ibu.  
A usah                            C jangan  
B tolong                        D harap
13. Kalau datang ke Kuala Perlis, \_\_\_\_\_lah ke rumah saya.  
A jemput                        C tolong  
B mari                            D usah
14. \_\_\_\_\_biarkan makanan terdedah, nanti akan dihinggapi lalat.  
A Tolong                      C Jangan  
B Harap                         D Minta
15. \_\_\_\_\_beratur semasa hendak membeli di kedai koperasi sekolah.  
A Sila                            C Usah  
B Jangan                        D Tolong
16. “Salmi, \_\_\_\_\_dibuat perkara yang tidak berfaedah itu,” jerit ibu.  
A jemput                        C usah  
B sila                             D tolong
17. \_\_\_\_\_merokok ketika berada di dalam kawasan sekolah.  
A Jangan                        C Sila  
B Tolong                         D Harap
18. “\_\_\_\_\_sampaikan hadiah ini kepada kakak kamu,” kata Mimi Maizah kepada Norah.  
A Sila                            C Tolong  
B Jangan                        D Usah
19. \_\_\_\_\_lah rasa kuih yang saya hidangkan ini  
A Jangan                        C Tolong  
B Sila                            D Harap
20. Saya \_\_\_\_\_kamu dapat datang ke majlis perkahwinan pada hari Ahad nanti.  
A tolong                        C usah  
B minta                         D harap

## 20. MEMILIH JAWAPAN

### LATIHAN 20 : MEMILIH JAWAPAN

Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

1. Mengapakah orang ramai berkerumun di tepi jalan itu?
  - A Mereka memang suka berkerumun di situ.
  - B Mereka hendak melihat keadaan mangsa kemalangan itu.
  - C Ramai yang terlibat dengan kemalangan itu.
2. Apakah yang menyebabkan budak perempuan itu menangis?
  - A Budak itu kehilangan wang sebanyak seringggit.
  - B Wang seringggit itu diberikan oleh ibunya.
  - C Budak perempuan itu menangis kerana wangnya tercicir.
  - D Budak perempuan itu mencari wangnya di merata tempat.
3. Apakah yang dilakukan oleh ayah?
  - A Ibu meminta ayah membaiki mesin jahitnya yang rosak.
  - B Ayahlah yang membaiki mesin ibu yang rosak.
  - C Ayah sedang membaiki mesin jahit ibu yang rosak.
  - D Ayah membaiki mesin jahit ibu yang rosak sejak pagi tadi.
4. Di manakah pertandingan syarahan itu diadakan?
  - A Di dewan terbuka Sekolah Kebangsaan Taman Cempaka.
  - B Murid – murid Sekolah Kebangsaan Taman Cempaka yang akan menyertai pertandingan itu.
  - C Peserta itu dari Sekolah Kebangsaan Taman Cempaka.
  - D Tiada seorang pun yang menyertai pertandingan itu.
5. Apakah yang sedang dilakukan oleh kanak – kanak itu?
  - A Kanak – kanak itu sedang mengira bilangan buah congkak.
  - B Kanak – kanak itu bermain congkak pada waktu petang.
  - C Congkak ialah permainan tradisional masyarakat Melayu.
  - D Kanak – kanak itu sedang bermain congkak di halaman rumah.
6. Apakah yang akan kita peroleh jika kita belajar bersungguh – sungguh?
  - A Jika kita belajar bersungguh – sungguh, kita akan memperoleh banyak ilmu pengetahuan serta dapat menjejakkan kaki ke menara gading.
  - B Jika kita belajar bersungguh – sungguh, kita tidak akan ke mana – mana.

- C Belajar bersungguh – sungguh adalah satu usaha untuk berjaya.
7. Mengapakah lelaki tua itu mengamuk?
- A Lelaki tua itu mengamuk kerana kematian isterinya.
  - B Lelaki tua itu mengamuk kerana marahkan orang yang merosakkan tanaman di kebunnya.
  - C Lelaki tua itu mengamuk kerana gembira dinaikkan pangkat.
8. Ke manakah Faizul hendak pergi?
- A Ya, dia hendak ke Terengganu.
  - B Faizul baru pulang dari Terengganu.
  - C Dia ke Kuala Terengganu dengan menaiki bas.
  - D Dia dalam perjalanan menuju ke Kuala Terengganu.
9. Bagaimanakah kereta itu boleh terjunam ke dalam gaung?
- A Kereta yang terjunam ke dalam gaung itu telah dihantar ke bengkel.
  - B Sebuah kereta telah terjunam ke dalam gaung itu semalam.
  - C Tidak, pemandu kereta itu hanya mengalami kecederaan ringan.
  - D Kereta itu terjunam ke dalam gaung kerana telah dipandu dengan laju.
10. Bagaimanakah rombongan itu ke Pulau Ketam?
- A Rombongan itu ke Pulau Ketam dengan menaiki bot.
  - B Rombongan itu pergi ke Pulau Ketam pada waktu petang.
  - C Rombongan itu pergi ke Pulau Ketam.
  - D Rombongan itu pergi ke Pulau Ketam untuk melancong.
11. Siapakah yang akan mewakili Persatuan Bulan Sabit Merah dalam mesyuarat itu nanti?
- A Mesyuarat Persatuan Bulan Sabit Merah akan diadakan pada hari Sabtu.
  - B Encik Kamarul yang akan mewakili Persatuan Bulan Sabit Merah mesyuarat itu nanti.
  - C Encik Kamarul akan mempengerusikan mesyuarat Persatuan Bulan Sabit Merah itu nanti.
  - D Mesyuarat Persatuan Bulan Sabit Merah telah dibatalkan.
12. Mengapakah awak tidak menyerahkan buku kerja Sains itu kepada cikgu awak?
- A Saya takut cikgu saya akan marah apabila mendapat tahu bahawa saya tidak membuat latihan yang diberi.
  - B Tidak, saya belum menyerahkan buku kerja ini kepada cikgu.
  - C Buku kerja Matematik itu ada pada cikgu saya.
  - D Saya akan menyerahkan buku kerja Matematik ini kepada cikgu saya pada esok pagi.
13. Adakah Pesta Bola Merdeka itu sudah tamat?
- A Pesta Bola Merdeka itu sudah tamat.
  - B Ya. Pesta Bola Merdeka itu sudah tamat.
  - C Pesta Bola Merdeka itu akan diadakan di Stadium Negara.

- D** Ya. Saya telah menyaksikan Pesta Bola Merdeka itu.
14. Bolehkah kami menyiapkan tugas ini pada hari ini juga?
- A** Pasti boleh kerana saya seorang yang jujur.  
**B** Mana boleh, saya tidak hendak ke sana.  
**C** Boleh, saya yakin boleh menyiapkannya.  
**D** Boleh, nanti saya jelaskan kepada awak.
15. Apakah yang dilakukan oleh Encik Danish?
- A** Beliau sedang membelah buah kelapa muda.  
**B** Ya, beliau sedang menjolok buah kelapa muda itu.  
**C** Tidak, beliau sedang mengikat buah kelapa muda itu.  
**D** Tangannya sakit digigit beruk.
16. Betulkah Azizi yang ditangkap polis itu?
- A** Ya, polis itu menangkapnya di rumah kosong itu.  
**B** Ya, ibu bapanya telah ke balai untuk menjaminnya.  
**C** Ya, dialah yang dikehendaki polis selama ini.
17. Mengapakah awak dibenarkan menyertai perkhemahan ini?
- A** Saya yakin dengan keselamatan di sini.  
**B** Saya berjaya meyakinkan ibu tentang tahap keselamatan di sini.  
**C** Ibu mengizinkan saya menyertai perkhemahan ini.  
**D** Ibu merestui semua program yang saya sertai.
18. Bilakah kamu akan datang ke rumah saya?
- A** Boleh juga, nanti saya minta izin daripada kedua – dua orang tua saya.  
**B** Boleh, nanti saya ajak Zailan temankan saya.  
**C** Esok, selepas kelas tambahan selesai.  
**D** Mana boleh, saya tidak ada masa sekarang.
19. Mengapakah adik kamu menangis?
- A** Adik saya menangis sejak tadi lagi.  
**B** Kaki adik digigit semut api.  
**C** Adik baru sahaja bangun tidur.  
**D** Adik berada dengan ibu di dapur.
20. Adakah kamu berada di dapur ketika kejadian itu terjadi?
- A** Ya, saya tidak berada di dapur ketika kejadian itu berlaku.  
**B** Tidak, saya sebenarnya berada di dapur ketika itu.  
**C** Saya tidak mahu menjawab soalan itu.  
**D** Tidak, saya berada di dalam tandas pada masa itu.



## 21. AYAT AKTIF DAN AYAT PASIF

### KETERANGAN:

Ayat aktif: mengutamakan si pelaku sebagai subjek dan mengandungi kata kerja yang berawalan me-

Ayat pasif : menekan objek dan pembuatnya serta mengandungi kata kerja tanpa awalan atau kata kerja berawalan di- beserta dengan kata sendi nama oleh

### LATIHAN 21 : AYAT AKTIF DAN AYAT PASIF

Soalan 1 hingga soalan 10

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang bergaris.

1. Beberapa orang wanita sedang mencabut rumput di sawah padi.  
A Orang wanita sedang sibuk mencabut rumput di sawah padi.  
B Beberapa orang wanita sedang sibuk mencabut padi sawah.  
C Rumput di sawah padi sedang dicabut oleh beberapa orang wanita.  
D Rumput di sawah padi sedang dicabut oleh beberapa orang wanita yang sibuk.
2. Keluarga Encik Rashid sibuk mengemaskan barang-barang kerana mereka akan berpindah ke rumah baru.  
A Mereka sibuk mengemaskan barang-barang Encik Rashid kerana akan berpindah ke rumah baru.  
B Barang-barang sibuk dikemaskan oleh keluarga Encik Rashid kerana mereka akan berpindah ke rumah baru.  
C Keluarga Encik Rashid sibuk mengemaskan barang-barang mereka kerana akan berpindah ke rumah baru.  
D Barang-barang Encik Rashid sibuk mereka kemaskan kerana mereka akan berpindah ke rumah baru.
3. Hashim menaikkan bendera sekolah.  
A Hashim dinaikkan bendera sekolah.  
B Bendera sekolah dinaikkan oleh Hashim.  
C Bendera sekolah dinaikkan Hashim.  
D Hashim menaiki bendera sekolah.
4. Kamera itu dihadiahkan oleh abang saya.  
A Abang saya menghadihkan kamera itu.  
B Abang saya itulah yang menghadihkan kamera.  
C Saya menghadihkan kamera kepada abang.  
D Abang menghadihkan kamera saya.

5. Rosli dimarahi oleh ibu kerana selalu menconteng tempat itu dengan sesuka hatinya.
- A Rosli memarahi ibu kerana selalu menconteng tempat itu dengan sesuka hatinya.
  - B Ibu memarahi Rosli kerana selalu menconteng tempat itu dengan sesuka hatinya.
  - C Rosli dimarahi kerana ibu selalu menconteng tempat itu dengan sesuka hatinya.
  - D Ibu dimarahi oleh Rosli kerana selalu menconteng tempat itu dengan sesuka hatinya.
6. Baju kurung itu dijahit oleh Puan Julia.
- A Puan itu menjahit baju kurung Julia.
  - B Puan Julia menjahit baju kurung itu.
  - C Julia menjahit baju kurung puan itu.
  - D Puan itu menjahit baju kurung untuk Julia.
7. Pisau itu tajam kerana baru sahaja diasah oleh ayah.
- A Ayah baru sahaja mengasah pisau yang tajam itu.
  - B Pisau yang baru diasah oleh ayah itu menjadi tajam.
  - C Pisau baru yang tajam itu telah diasah oleh ayah.
  - D Ayah mengasah pisau baru itu sehingga tajam.
8. Salman lari lintang-pukang apabila dikejar oleh anjing liar.
- A Apabila Salman ternampak anjing liar, dia pun berlari tidak tentu hala.
  - B Apabila Salman berlari tidak tentu hala, anjing liar mengejanya.
  - C Apabila dikejar anjing liar, Salman berlari tidak tentu hala.
  - D Apabila Salman dikejar, anjing liar itu berlari tidak tentu hala.
9. Encik Fuad memberitahu mekanik bahawa enjin keretanya rosak semula selepas dibaiki.
- A Encik Fuad memaklumkan kepada mekanik tentang kerosakan enjin keretanya walaupun telah dibaiki.
  - B Enjin kereta Encik Fuad rosak selepas dimaklumkan kepada mekanik untuk dibaiki.
  - C Kereta Encik Fuad yang telah dibaiki oleh mekanik dimaklumkan rosak semula.
  - D Encik Fuad memaklumkan kepada mekanik bahawa enjin keretanya rosak semula walaupun sudah dibaiki.
10. Corak batik yang cantik itu dilukis oleh seorang pereka yang terkenal.
- A Pereka yang terkenal telah menghasilkan corak batik yang cantik itu.
  - B Pereka batik yang termasyhur telah mengeluarkan batik yang cantik itu.
  - C Corak batik yang terkenal itu telah dihasilkan oleh pereka yang cantik itu.
  - D Batik yang termasyhur itu dikeluarkan oleh seorang pereka yang terkenal.

Soalan 11 hingga soalan 15  
Pilih ayat pasif yang betul.

11. Pengawas itu menegur Kasmah kerana membuang sampah di kawasan padang sekolah.
- A Kasmah menegur pengawas itu kerana membuang sampah di kawasan padang sekolah.
  - B Kasmah ditegur oleh pengawas itu kerana membuang sampah di kawasan padang sekolah.
  - C Kasmah ditegur oleh pengawas itu supaya membuang sampah di kawasan padang sekolah.
  - D Kasmah menegur pengawas itu oleh kerana membuang sampah di kawasan padang

sekolah.

12. Saya sudah memulangkan buku cerita itu minggu lepas.
- A Buku cerita sudah dipulangkan kepada saya minggu lepas.
  - B Buku cerita itu dipulangkan kepada saya minggu lepas.
  - C Buku cerita sudah minggu lepas saya pulangkan.
  - D Buku cerita itu sudah saya pulangkan minggu lepas.
13. Kamu patut mencuci kereta ini sebelum pulang ke kampung.
- A Kereta ini patut pulang ke kampung sebelum kamu mencucinya.
  - B Sebelum pulang ke kampung, kamu patut mencuci kereta ini.
  - C Kereta ini patut kamu cuci sebelum pulang ke kampung.
  - D Kereta ini patut dicuci oleh kamu sebelum pulang ke kampung.
14. Persatuan kembara itu telah menganjurkan pertandingan mendaki Bukit Marak.
- A Pertandingan kembara itu telah dianjurkan oleh Persatuan Mendaki Bukit Marak.
  - B Pertandingan mendaki Bukit Marak telah dianjurkan oleh persatuan kembara itu.
  - C Pertandingan mendaki Bukit Marak akan dianjurkan oleh persatuan kembara itu.
  - D Pertandingan mendaki Bukit Marak oleh persatuan kembara itu bakal dianjurkan.
15. Polis trafik itu telah menyaman Encik Lee kerana memandu kereta tanpa lesen.
- A Encik Lee telah disaman polis trafik itu kerana memandu kereta tanpa lesen.
  - B Encik Lee telah menyaman polis trafik itu kerana memandu kereta tanpa lesen.
  - C Kerana memandu kereta tanpa lesen, Encik Lee telah menyaman polis trafik itu.
  - D Memandu kereta Encik Lee tanpa lesen menyebabkan telah disaman oleh polis trafik itu.

Soalan 16 hingga soalan 20

Pilih ayat aktif yang betul.

16. Saya didesak oleh Rahim supaya menyertai perkhemahan pada minggu depan.
- A Saya mendesak Rahim supaya menyertai perkhemahan pada minggu depan.
  - B Rahim mendesak saya supaya menyertai perkhemahan pada minggu depan.
  - C Rahim dan saya didesak supaya menyertai perkhemahan pada minggu depan.
  - D Perkhemahan pada minggu depan mendesak supaya saya dan Rahim menyertainya.
17. Kanak-kanak “OKU” itu didukung oleh pekerja di rumah kebajikan.
- A Pekerja di rumah kebajikan mendukung kanak-kanak “OKU” itu.
  - B Pekerja di rumah “OKU” mendukung kebajikan kanak-kanak itu.
  - C Pekerja “OKU” mendukung kanak-kanak di rumah kebajikan itu.
  - D Di rumah kebajikan, pekerja kanak-kanak mendukung “OKU” itu.
18. Perbarisan Kadet Remaja Sekolah itu diperiksa oleh pegawai angkatan tentera.
- A Perbarisan pegawai angkatan tentera itu diperiksa oleh Kadet Remaja Sekolah.
  - B Kadet Remaja Sekolah telah memeriksa perbarisan pegawai angkatan tentera itu.
  - C Pegawai angkatan tentera telah memeriksa perbarisan Kadet Remaja Sekolah itu.
  - D Kadet Remaja angkatan tentera telah memeriksa perbarisan pegawai sekolah itu.

19. Budak yang terjatuh ke dalam lumpur itu dimandikan oleh ibunya.
- A Ibu budak yang terjatuh ke dalam itu memandikannya.
  - B Ibunya memandikan budak yang terjatuh ke dalam lumpur itu.
  - C Budak itu memandikan ibunya yang terjatuh ke dalam lumpur.
  - D Budak itu dan ibunya mandi setelah terjatuh ke dalam lumpur.
20. Daun-daun kering di halaman rumah telah saya sapu petang tadi.
- A Saya telah menyapu daun-daun kering di halaman rumah petang tadi.
  - B Daun-daun kering di halaman rumah telah disapu oleh saya petang tadi.
  - C Saya petang tadi telah menyapu daun-daun kering di halaman rumah.
  - D Daun-daun kering di halaman rumah telah saya menyapu petang tadi.

## 22. CAKAP AJUK DAN CAKAP PINDAH

### KETERANGAN:

1. Ialah percakapan seseorang yang ditulis semula dengan tidak mengubah maksud asalnya.
2. Dalam penulisan, tanda petik (“.....”) digunakan untuk cakap ajuk.
3. Cakap pindah ialah ditulis semula dengan menggunakan bahasa tanpa mengubah maksudnya
4. Tanda petik (“...”) tidak digunakan dalam cakap pindah.

### LATIHAN 22: CAKAP AJUK DAN CAKAP PINDAH

Pilih ayat pindah yang sama maksud dengan ayat diberi.

1. “Jangan dibunuh semut-semut itu,” kata nenek kepada Amirul.
  - A Nenek memberitahu Amirul membunuh semut-semut itu.
  - B Nenek melarang Amirul membunuh semut-semut itu
  - C Nenek memarahi Amirul membunuh semut-semut itu.
  - D Nenek menyuruh Amirul membunuh semut-semut itu.
2. “ Marilah bersarapan bersama-sama dengan kami, Anis,” kata Amira dan Anum.
  - A Amira dan Anum mempelawa Anis bersarapan bersama-sama mereka.
  - B Amira dan Anum memujuk Anis bersarapan bersama-sama mereka.
  - C Amira dan Anum memaksa Anis bersarapan bersama-sama mereka.
  - D Amira dan Anum mengarah Anis bersarapan bersama-sama mereka
3. “ Bilakah awak akan menyiapkan tugas ini ?” kata Cikgu Nasir kepada Ayub.
  - A Ayub menyuruh Cikgu Nasir menyiapkan tugasannya.
  - B Ayub memberitahu Cikgu Nasir dia akan menyiapkan tugasannya.
  - C Cikgu Nasir bertanya Ayub tentang tempoh dia akan menyiapkan tugasannya.

- D Cikgu Nasir bertanya Ayub tentang tugas yang diberikannya.
4. “ Wah , cantik sungguh tudung awak Nani, berkilau-kilau labucinya !” kata Nanu kepada Nina.  
A Nanu mengeji kain tudung yang dipakai oleh Nani.  
B Nanu memuji kecantikan pakaian Nani.  
C Nanu memuji kecantikan kain tudung Nani.  
D Nanu meminta Nani memakai kain tudung yang cantik.
5. “ Saya tidak tahu tentang kehilangan dompet itu,” kata Rina Kepada Ailin.  
A Ailin ingin tahu tentang kehilangan dompet.  
B Rina menyatakan dia tahu tentang kehilangan dompet.  
C Ailin memaksa Rina supaya memberitahunya tentang dompet itu.  
D Rina memberitahu yang dia tidak tahu tentang kehilangan dompet itu.
6. “ Di manakah Stesen Komuter Serdang ?” tanya pelancong dari Jepun.  
A Pelancong dari Jepun ingin menaiki Komuter Serdang.  
B Pelancong dari Jepun memberitahu tentang Stesen Komuter Serdang.  
C Pelancong itu hendak menaiki komuter ke Stesen Komuter Serdang.  
D Pelancong itu ingin tahu kedudukan Stesen Komuter Serdang.
7. “ Pada pendapat saya, penjenayah itu patut dibawa ke muka pengadilan,” kata Ramzi kepada Ramli.  
A Ramli menyatakan penjenayah itu patut menerima hukuman.  
B Ramzi mahu Ramli membawa penjenayah ke muka pengadilan.  
C Ramzi berpendapat bahawa penjenayah itu harus diadili.  
D Ramli berpendapat bahawa Ramzi patut mengadili penjenayah itu.
8. “ Tolong naik ke darat, ombak besar sedang menuju ke pantai,” tegas pengawal pantai kepada para pengunjung.  
A Pengawal pantai mengarah semua pengunjung supaya segera ke darat.  
B Orang ramai diminta supaya segera ke pantai kerana ombak besar akan tiba.  
C Pengawal pantai memberitahu agar para pengunjung bersedia untuk melihat ombak besar.  
D Para pengunjung terkejut apabila melihat kehadiran ombak besar ke pantai .
9. “ Kalau hendak membeli sayur, pilihlah yang bebas daripada racun ,” pesan Puan Wee kepada jirannya.  
A Puan Wee mengajak jirannya memilih sayur yang segar.  
B Puan Wee menasihati jirannya memilih ketika membeli sayur.  
C Puan Wee menyuruh jirannya membeli sayur yang diperlunya.  
D Puan Wee melarang jirannya memilih sayur yang beracun.
10. “ Sebelum hantar ,pastikan kamu telah menyemak semua soalan,” kata ketua pengawas kepada murid-murid.  
A Murid-murid dinasihati agar menyemak semua soalan selepas menjawab.  
B Murid-murid disuruh menyemak semua soalan sebelum menghantarnya.  
C Ketua pengawas membantu murid-murid menyemak semua soalan mereka sebelum dihantar.  
D Ketua pengawas memaksa semua murid supaya menyemak semua soalan mereka.

11. “ Kain songket ini mahal harganya kerana tenunannya halus dan cantik,” kata penjual kepada pelanggannya.
- A Pelanggan memberitahu bahawa harga kain songket itu mahal.
  - B Penjual menjual kain songket tenunan itu kerana harganya mahal.
  - C Kain songket itu dijual mahal kerana tenunannya halus dan cantik.
  - D Harga kain songket itu mahal kerana penjualnya cantik dan halus.
12. Emak menasihati Suria agar belajar rajin-rajin supaya masa depannya cerah.
- A Kata Suria, “ Saya rajin belajar supaya masa depan akan cerah.”
  - B Kata emak, “ Emak rajin belajar agar masa depan kamu akan cerah.”
  - C Kata emak, “ Rajin-rajinlah belajar,nanti masa depan kamu akan cerah.”
  - D Kata Suria, “ Kamu mesti rajin belajar agar masa depan akan cerah.”
13. Raden memberitahu Cikgu Salina bahawa dia tidak tahu apa-apa.
- A “ Saya tidak memberitahu apa-apa cikgu,” tegas Raden.
  - B “ Maafkan saya cikgu.Saya tidak ada apa-apa,” kata Raden.
  - C “ Saya tidak mengetahui apa-apa ,cikgu .” kata Cikgu Salina.
  - D “ Adakah kamu mengetahui apa-apa Raden?” kata Cikgu Salina.
14. Arini dan Raj mempelawa Nancy bermain bersama dengan mereka.
- A “ Marilah kita bermain bersama-sama,Nancy.” Kata Arini dan Raj.
  - B “ Kamu bermainlah bersama-sama Arini dan Raj,” pelawa Nancy.
  - C “ Bolehkah kamu bermain bersama-sama kami ?” tanya Nancy.
  - D “ Raj, mari kita bermain bersama-sama Nancy,” kata Arini.
- Pilih cakap ajuk yang paling sesuai dengan ayat diberi.
15. Najib memberitahu ayahnya bahawa Bidin rakan sekelasnya.
- A Kata Naim, “Ayah, ini Bidin. Kawan lama saya di sekolah.”
  - B Kata Naim, “Ayah, Bidin ada seorang rakan di sekolah.”
  - C Kata Naim, “Ayah Bidin adalah seorang rakan saya di sekolah.”
  - D Kata Naim, “Ayah, Bidin belajar sekelas dengan saya di sekolah.”
16. Mariam mengajak Maimun ke kantin.
- A “ Ajaklah Maimun ke kantin,” kata Mariam.
  - B “ Maimun, mari kita ke kantin,” kata Mariam.
  - C “ Saya ingin mengajak kamu ke kantin,”kata Mariam.
  - D “ Maimun mengajak saya ke kantin,” kata Mariam.
17. Salmi mempersilakan Devi duduk.
- A “ Sila duduk,” kata Salmi kepada Devi.
  - B “ Janganlah duduk,” kata Salmi kepada Devi.
  - C “ Silalah duduk Salmi,”kata Devi kepada Salmi.
  - D “ Harap kamu duduk,” kata Devi kepada Salmi.
18. Nabil memuji keindahan pemandangan Pulau Langkawi.
- A “ Amboi, indah sungguh pemandangan di sini,” kata Nabil.
  - B “ Oh, cantiknya keindahan di Pulau Langkawi,” kata Nabil.
  - C “ Wah, indahnya pemandangan Pulau Langkawi,” kata Nabil.

D “ Nah, pemandangan di Pulau Langkawi indah nian,” kata Nabil.

19. Murad meminta Aiman memberikan buku cerita itu kepadanya.

A “ Silalah berikan buku cerita itu kepada saya,” pinta Murad.

B “ Tolong berikan buku cerita itu kepada saya,” pinta Murad.

C “ Imran,kamu berikan buku cerita kepada saya,” pinta Murad.

D “ Berikanlah buku cerita Aiman kepada saya,” pinta Murad.

20. Pak Usin bertanya kepada Amat tentang tarikh kepulangan datuknya dari Mekah.

A “ Adakah datuk kamu baru pulang dari Mekah?” tanya Pak Usin.

B “ Sudahkan datuk kamu pulang dari Mekah, Amat ?” tanya Pak Usin.

C “ Bilakah datuk kamu akan pulang dari Mekah, Amat ?” tanya Pak Usin.

D “ Bagaimana datuk kamu akan pulang dari Mekah ?” tanya Pak Usin.

### 23. IMBUHAN

#### KETERANGAN:

Imbuhan terbahagi kepada imbuhan awalan, akhiran dan apitan.

Imbuhan awalan diberikan kepada kata dasar di awal kata. Imbuhan akhiran pula diberikan kepada akhir kata dasar. Sementara imbuhan apitan berada di awal dan di akhir kata dasar.

Contoh imbuhan awalan ialah :

pe-, per-, pen-, peng-, penge-  
ter-, ber-, be-  
me-, mem-, men-, meng-, menge-  
di-, ke-, se-

Contoh imbuhan akhiran ialah; -an, -i, -kan

Contoh imbuhan apitan ; di ... an, per ...kan, mem ... i  
di ...kan, me ... kan, di ... i

### LATIHAN 23 : IMBUHAN

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. Ramai penyokong pasukan Kelantan sedang \_\_\_\_\_ di kaunter tiket.

A berpindah

C berpusing

B beratur

D berkhemah

2. Kegiatan \_\_\_\_\_ kancil haruslah dibanteras segera untuk pemuliharaan spesies.

A membaham

C memburu

B membawa

D membaling

3. Kita tidak boleh \_\_\_\_\_ semasa berada di tempat perhimpunan rasmi sekolah.  
 A berjalan                      C bercakap  
 B berdiam                      D bersabar
4. Kedai kraf tangan itu \_\_\_\_\_ barang-barang tradisional masyarakat Melayu.  
 A membuka                      C membawa  
 B mempamerkan              D membantah
5. Anggota polis itu \_\_\_\_\_ dengan pistol.  
 A bersenjata                  C disenjatakan  
 B bersenjatakan              D tersenjata
6. Mereka hanya \_\_\_\_\_ antara satu sama lain kerana pertuturannya tidak \_\_\_\_\_.  
 A Berpandang ... difahamkan      C berpandangan ... difahami  
 B Terpandang ... difaham              D terpandangan ... berfahaman
7. Peniaga itu \_\_\_\_\_ beberapa ikat petai untuk dijual di pasar malam.  
 A mempamer                  C membawa  
 B memburu                      D membentuk
8. Kita perlu \_\_\_\_\_ untuk mencapai kemenangan dalam perlawanan itu.  
 A Berdua                      C bersatu  
 B Bergaduh                  D berdiam
9. Abang sedang \_\_\_\_\_ lemang di belakang rumah bersama datuk.  
 A meratah                      C membasuh  
 B membakar                  D membaling
10. Adik saya yang kecil itu masih belum boleh \_\_\_\_\_.  
 A berjalan                      C berdiam  
 B berbaris                      D berkawan
11. Seekor ular sawa telah \_\_\_\_\_ ayam di belakang rumah.  
 A menggigit                  C mengunyah  
 B membaham                  D menjilat
12. Nafis baru \_\_\_\_\_ berpindah ke rumah baharu seminggu yang lalu.  
 A beransur                      C berpindah  
 B bertolak                      D beralih
13. Rosli menyemai anak benih yang baru \_\_\_\_\_ itu dalam beg semaian.  
 A beranak                      C bertunas  
 B bertaut                      D berputik
14. Aiman selalu \_\_\_\_\_ agar dirinya sentiasa dilindungi Tuhan.  
 A bertasbih                      C bertafakur  
 B berdoa                      D berhajat



15. Keindahan landskap kawasan rumah itu \_\_\_\_\_ pandangan setiap orang yang melalui kawasan itu.

- A memulau                      C menarik  
B memukau                      D membuta

16. Bayi yang berusia sembilan bulan itu sudah mula belajar \_\_\_\_\_.

- A berlari                      C berjalan  
B bergaduh                      D beralih

17. Hang Tuah telah diutuskan oleh Sultan Mahmud Shah untuk \_\_\_\_\_ Puteri Gunung Ledang.

- A menimang                      C meminang  
B mencolek                      D membunuh

18. Beberapa orang \_\_\_\_\_ telah mencipta sejarah apabila berjaya menjejakkan kaki ke bulan.

- A jutawan                      C angkasawan  
B seniman                      D budayawan

19. Filem lakonan \_\_\_\_\_ itu diminati oleh setiap lapisan masyarakat.

- A budiman                      C peragawan  
B karyawan                      D seniman

20. Kami sekeluarga \_\_\_\_\_ bas ekspres ke Kuala Lumpur.

- A menuruni                      C menduduki  
B menaiki                      D menyusuri

## 24. TANDA BACA

### KETERANGAN:

1. Ialah tanda-tanda yang digunakan dengan ayat
2. Contoh: koma, noktah, tanya, seru, titik bertindih, koma bertindih, sempang dan lain-lain.

## LATIHAN 24 : TANDA BACA

Pilih ayat yang betul menggunakan tanda baca.

1. A “Wah, besarnya Stadium Negara,” kata Rina.  
B “Wah! Besarnya Stadium Negara,” kata Rina.  
C “Wah. Besarnya Stadium Negara,” kata Rina.  
D “Wah, besarnya Stadium Negara!” kata Rina.
2. A Kelmarin, seorang budak perempuan ditemui mati di lombong itu.  
B Kelmarin seorang budak perempuan ditemui mati di lombong itu.  
C Kelmarin, seorang budak perempuan, ditemui mati di lombong itu.

3. A Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai sikap taat setia dan cinta kepada negara.  
B Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai sikap taat, setia, dan cinta kepada negara!  
C Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai sikap taat, setia dan cinta kepada negara?  
D Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai sikap taat, setia, dan cinta kepada negara.
4. A Buluh, tali, kertas, gam, dan gunting, digunakan untuk membuat layang – layang.  
B Buluh, tali, kertas, gam dan gunting digunakan untuk membuat layang – layang.  
C Buluh, tali, kertas, gam, dan gunting digunakan untuk membuat layang – layang.
5. A Nah! Terimalah balasan jika berbuat jahat!  
B Cis, besarnya kayu yang disepak engkau?  
C Aduh, kenapa sampai begini nasibku!  
D Wah, malang sungguh nasib engkau.
6. A “Diakah yang menyampaikan ucapan, sebentar tadi?” tanya Ng.  
B “Diakah yang menyampaikan ucapan sebentar tadi.” Tanya Ng.  
C “Diakah, yang menyampaikan ucapan sebentar tadi!” tanya Ng.  
D “Diakah yang menyampaikan ucapan sebentar tadi?” tanya Ng.
7. A Sebagai, ketua murid kamu mesti menjadi contoh kepada murid – murid yang lain.  
B Sebagai ketua murid, kamu mesti menjadi contoh kepada murid – murid yang lain.  
C Sebagai ketua murid, kamu mesti menjadi contoh, kepada murid – murid yang lain.  
D Sebagai ketua, murid kamu mesti menjadi contoh kepada murid – murid yang lain.
8. A “Ya saya yang memanggil kamu tadi kata Lokman.”  
B “Ya. Saya yang memanggil kamu tadi!” kata Lokman.  
C “Ya, saya yang memanggil kamu tadi,” kata Lokman.  
D “Ya! Saya yang memanggil kamu tadi.” Kata Lokman.
9. A “Baju itu berharga seratus ringgit? Amboi, mahalnya!” kata Raju.  
B “Baju itu berharga seratus ringgit, amboi, mahalnya!” kata Raju.  
C “Baju itu berharga seratus ringgit! Amboi! Mahalnya!” kata Raju.  
D “Baju itu berharga seratus ringgit! Amboi! Mahalnya,” kata Raju.
10. A “Buku yang berjudul ‘Batu Ajaib’ dikarang oleh Rosnani Bakhtiar,” kata Rafidah.  
B “Buku yang berjudul Batu Ajaib dikarang oleh Rosnani Bakhtiar,” kata Rafidah.  
C “Buku yang berjudul Batu Ajaib dikarang oleh Rosnani Bakhtiar!” kata Rafidah”.  
D “Buku yang berjudul ‘Batu Ajaib’ dikarang oleh Rosnani Bakhtiar?” kata Rafidah.
11. A “Bagaimanakah cara kamu membuat kraf tangan ini!” tanya abang kepada Arshad?  
B “Bagaimanakah cara kamu membuat kraf tangan ini,” tanya abang kepada Arshad?  
C “Bagaimanakah cara kamu membuat kraf tangan ini?” tanya abang kepada Arshad.  
D “Bagaimanakah cara kamu membuat kraf tangan ini,” tanya abang kepada Arshad.

12. A “Eh! Kamu belum tidur lagi rupanya!” kata Emilia kepada Nora.  
 B “Eh, kamu belum tidur lagi rupanya!” kata Emilia kepada Nora.  
 C “Eh, kamu belum tidur lagi rupanya,” kata Emilia kepada Nora.  
 D “Eh! Kamu belum tidur lagi rupanya,” kata Emilia kepada Nora.
13. A Saya mula bertugas sebagai guru di Ipoh, Perak lusa.  
 B Saya mula bertugas sebagai guru di Ipoh, Perak lusa!  
 C Saya mula bertugas, sebagai guru di Ipoh Perak lusa.  
 D Saya mula bertugas sebagai guru, di Ipoh, Perak, lusa.
14. A Jamilah berkata dengan nada yang keras, “Jangan usik barang – barang saya.”  
 B Jamilah berkata dengan nada yang keras. “Jangan usik barang – barang saya?”  
 C “Jamilah berkata dengan nada yang keras, jangan usik barang – barang saya!”  
 D Jamilah berkata dengan nada yang keras, “Jangan usik barang – barang saya!”
15. A Saya ingin memesan barang – barang yang berikut: ayam, asam jawa, dan serai.  
 B Saya ingin memesan barang – barang yang berikut ayam, asam jawa, dan serai.  
 C Saya ingin memesan barang – barang yang berikut! Ayam, asam jawa, dan serai.  
 D Saya ingin memesan barang – barang yang berikut? Ayam, asam jawa, dan serai.
16. A Hayati sedang membuat kerja sekolah manakala rakannya yang lain membaca buku.  
 B Hayati sedang membuat kerja sekolah! Manakala rakannya yang lain membaca buku.  
 C Hayati sedang membuat kerja sekolah manakala, rakannya yang lain membaca buku.  
 D Hayati sedang membuat kerja sekolah, manakala rakannya yang lain membaca buku?
17. A “Amboi, baru terpilih mewakili pasukan sekolah, sudah sombong,” sindir Norman.  
 B “Amboi! Baru terpilih mewakili pasukan sekolah, sudah sombong,” sindir Norman.  
 C “Amboi! baru terpilih mewakili pasukan sekolah, sudah sombong.” sindir Norman.  
 D “Amboi, baru terpilih mewakili pasukan sekolah, sudah sombong!” sindir Norman.
18. A “Eh! duit RM10.00! Siapakah tuan punya duit ini? tanya Roslin.”  
 B “Eh, duit RM10.00! Siapakah tuan punya duit ini?” tanya Roslin.  
 C “Eh, duit RM10.00. Siapakah tuan punya duit ini?” tanya Roslin.  
 D “Eh! Duit RM10.00. Siapakah tuan punya duit ini?” tanya Roslin.
19. A “Apakah yang dicari oleh pihak polis di rumah Encik Yatim itu,” tanya Hanim.  
 B “Apakah yang dicari oleh pihak polis di rumah Encik Yatim itu.” tanya Hanim.  
 C “Apakah yang dicari oleh pihak polis di rumah Encik Yatim itu!” tanya Hanim.  
 D “Apakah yang dicari oleh pihak polis di rumah Encik Yatim itu?” tanya Hanim.
20. A Rahman! Apakah nama kucing kamu?  
 B Rahman, apakah nama kucing kamu?  
 C Rahman? Apakah nama kucing kamu?  
 D Rahman! Apakah nama kucing kamu.

## 25. PENANDA WACANA

### KETERANGAN:

1. Penanda wacana ialah kata atau frasa yang digunakan untuk menunjukkan pertalian antara satu ayat dengan satu ayat yang lain.
2. Penanda wacana juga bukan sahaja menghubungkan antara ayat dengan ayat, malahan antara satu perenggan dengan perenggan yang lain.
3. Sesuatu ayat akan berasa janggal ketika dibaca jika kita salah memilih penanda wacana.

### LATIHAN 25 : PENANDA WACANA

Pilih jawapan yang paling sesuai .

1. Dia tidak menghadiri latihan bola sepak pada petang itu \_\_\_\_\_ telah dimaklumkan oleh ketua pasukan.  
A sungguhpun                      C selain itu  
B oleh itu                              D namun demikian
2. Sudah satu jam Tini menunggu Siti di perpustakaan, tetapi rakannya itu tidak datang. \_\_\_\_\_, dia pulang ke rumah.  
A Kalau begitu                      C Akhirnya  
B Lepas itu                              D Di samping itu
3. Abang Irfan membuka sebuah restoran. \_\_\_\_\_, dia juga berniaga pakaian.  
A Dengan itu                          C Lagipun  
B Lantaran itu                          D Dalam pada itu
4. Kita tidak digalakkan keluar dari rumah seorang diri \_\_\_\_\_ pada waktu malam .  
A Jadi                                      C Lebih-lebih lagi  
B Justeru                                  D Biar pun demikian
5. Mula-mula panaskan minyak di dalam kuali. \_\_\_\_\_, goreng keropok itu sehingga garing .  
A Semenjak itu                      C Kemudian  
B Walaupun begitu                  D Sebelum itu
6. Kami dibawa berjumpa dengan pengurus kilang itu. \_\_\_\_\_, beliau menunjukkan proses membuat tayar kepada kami .  
A Selanjutnya                          C Selain itu  
B Lebih-lebih lagi                      D Namun begitu

7. Lokman aktif dalam permainan bola sepak. \_\_\_\_\_, dia telah dipilih sebagai ketua pasukan bola sepak sekolahnya .
- A Mungkin C Justeru  
B Walau bagaimanapun D Kalau begitu
8. Mereka menjerit meminta tolong daripada jiran-jiran. \_\_\_\_\_ tiada sesiapa pun yang mendengarnya .
- A Malangnya C Tambahan pula  
B Lebih-lebih lagi D Dalam pada itu
9. Ashraf menyesal atas perbuatannya yang nakal selama ini. \_\_\_\_\_, dia berazam hendak mengubah sikapnya.
- A Namun begitu C Selanjutnya  
B Kemudian D Oleh sebab itu
10. Datuknya meninggal dunia akibat sakit jantung minggu lalu. \_\_\_\_\_ wajahnya muram sahaja.
- A Oleh itu C Semenjak itu  
B Sebaliknya D Selepas itu
11. Orang ramai berusaha untuk memadamkan kebakaran di banglo itu. \_\_\_\_\_, usaha tersebut tidak berjaya kerana api terlalu marak.
- A Di samping itu C Selain itu  
B Namun demikian D Lebih-lebih lagi
12. Dia tidak jadi ke rumah neneknya . \_\_\_\_\_ dia bermain badminton dengan rakannya.
- A Sebaliknya C Dalam pada itu  
B Meskipun begitu D Malangnya
13. Danial bercita-cita hendak menjadi juruterbang. \_\_\_\_\_, dia mendapat galakan daripada ibu dan ayahnya.
- A Namun C Tambahan pula  
B sungguhpun demikian D Walaupun begitu
14. Kakak sedih kerana gagal dalam peperiksaan. \_\_\_\_\_, dia tidak berputus asa untuk terus berusaha.
- A Meskipun C Oleh itu  
B Sungguhpun begitu D Selain itu
15. Yasmin bukan cucu kandung Nenek Leha. \_\_\_\_\_, dia tetap disayangi seperti cucu-cucu yang lain.
- A Lantaran itu C Lepas itu  
B Dengan itu D Namun begitu
16. Kami suka ke restoran itu kerana hidangannya enak \_\_\_\_\_ . harganya berpatutan.
- A Lagipun C Jadi  
B Sebaliknya D Padahal

17. Badrul dan Hisham bergaduh sejak semalam. \_\_\_\_\_ mereka berbaik-baik semula.  
 A Justeru C Kalau begitu  
 B Akhirnya D Selain itu
18. Ibu mengisar lada di dapur. \_\_\_\_\_, dia membancuh air minuman.  
 A Lebih-lebih lagi C Biarapun demikian  
 B Semenjak itu D Dalam pada itu
19. Semua orang telah hadir. \_\_\_\_\_, bolehlah kita mulakan mesyuarat ini.  
 A Dengan itu C Tambahan pula  
 B Selanjutnya D Walaupun begitu
20. Steven Choong tidak datang ke majlis hari jadi saya . \_\_\_\_\_ dia ada hal.  
 A Jadi C Di samping itu  
 B Mungkin D Sungguhpun demikian

## LATIHAN 26 : KESALAHAN TATABAHASA

Pilih ayat-ayat yang betul.

1. I Pelbagai program-program telah dilaksanakan untuk memperkenalkan Malaysia di mata dunia.  
 II Adam dan keluarganya akan melancong ke Thailand minggu hadapan.  
 III Dengan langkah yang tenang, dia keluar dari rumah itu.  
 IV Azwan menoleh ke belakangnamun memandang Nina dengan pandangan yang tajam.  
 A I dan II C II dan III  
 B I dan III D III dan IV
2. I Setiap pagi, Rahim akan menaiki bas untuk ke tempat kerja.  
 II Usaha ini memerlukan perancangan yang teliti dan belanja yang agak banyak.  
 III Ahmad merupakan seorang pelajar yang pintar dan disegani oleh rakan-rakannya.  
 IV Kemajuan sains dan teknologi turut menggalakkan penciptaan peralatan perang.  
 A I, II dan III C II, III dan IV  
 B I, II dan IV D I, II, III dan IV

3. I Pelan ini menunjukkan lokasi Taman Cahaya dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekitarnya.  
 II Zeti mengutip beberapa keping kulit siput di Pantai Bisikan Bayu.  
 III Pemuda itu begitu amat kecewa kerana dia telah dibuang kerja.  
 IV Setiap kali ibu menasihatinya, dia hanya mendiamkan diri.  
 A I dan II C I, II dan IV  
 B II dan II D II, III dan IV
4. I Razak berjanji tidak akan mensia-siakan harta pusaka yang bakal diterimanya.  
 II Perjalanan pulang yang panjang itu begitu amat menjemukan.  
 III Abang akan melanjutkan pelajarannya ke Pakistan.  
 IV Muthu memelihara dua puluh ekor kucing kacukan di rumahnya.  
 A I, III dan IV C IV sahaja  
 B II, III dan IV D I, II, III dan IV
5. I Para pelajar digalakkan untuk membaca sekurang-kurangnya sebiju buku ilmiah sehari.  
 II Sekolah Rendah Kebangsaan Ibrahim telah terpilih seperti sekolah terbersih di negeri Kedah.  
 III Almari ini diperbuat daripada batang pokok meranti yang terpilih.  
 IV Bakri menyapu lantai di dalam bilik tidur kakaknya.  
 A I dan II C III dan IV  
 B I dan III D IV sahaja
6. I Ngah Timah menasihati Salim supaya belajar bersungguh-sungguh.  
 II Keistimewaan Bukit Rusila ialah keindahan kawasan hutannya yang masih terpelihara.  
 III Ibu cuba memujuk ayah agar menarik balik keputusannya.  
 IV Wah! Besarnya rumah Dato' Mazlan!  
 A I dan IV C I, II dan III  
 B II dan III D II, III dan IV
7. I Saya sudah berjanji untuk membelikan ibu sehelai jawa kain batik.  
 II Latifah memegang jawatan sebagai editor di syarikat penerbitan itu.  
 III Golongan belia haruslah mempunyai nilai-nilai kesopanan masyarakat timur.  
 IV Hutan di Malaysia dikatai antara yang tertua di dunia.  
 A I dan II C II dan III  
 B I dan III D III dan IV
8. I Selagi hayat dikandung badan, selama itulah saya tidak akan lupai budi dan jasa tuan kepada keluarga saya.  
 II Kami tidak tertarik untuk berlama-lamaan di pameran itu.  
 III Ali telah terlibat dalam suatu kemalangan di Jalan Mahameru.  
 IV Semua pelajar dikehendaki berhimpun di padang sekolah sekarang.  
 A I dan II C II dan IV  
 B I dan III D III dan IV

9. I Kak Leha membawa adik bersiar-siar pada waktu petang.  
 II Pada musim tengkujuh, para nelayan tidak pergi ke laut.  
 III Kami akan pulang ke kampung pada cuti sekolah nanti.  
 IV Banjir besar telah menenggelamkan semua rumah-rumah di Kampung Penambang.  
 A I dan IV C I, II dan III  
 B I dan III D II, III dan IV
10. I Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara ini.  
 II Encik Halim telah melaporkan kehilangan anaknya kepada pihak polis.  
 III Mengapa awak membiarkan dia seorang diri di tempat yang sunyi itu?  
 IV Sahara telah menempah dua tiket penerbangan ke Tokyo.  
 A I dan II C I, III dan IV  
 B I, II dan IV D II, III dan IV
11. I Entah betul entah tidak tuduhannya itu.  
 II Bertahun-tahun Amran tinggal di luar negara.  
 III Sudah menjadi resam perantau akan pulang ke kampung pada hari raya.  
 IV Oleh sebab deman, saya tidak ke sekolah hari ini.  
 A I, II dan III C II, III dan IV  
 B I, III dan IV D I, II, III dan IV
12. I Rumah itu kami diam di tahun lepas.  
 II Kakak saya baik hati, malahan sombong.  
 III Para wartawan sedang menemu bual Mawi.  
 IV Indah sungguh pemandangan di pantai itu pada waktu senja.  
 A I dan II C II dan III  
 B I dan III D III dan IV
13. I Rumah saya terletak di antara taman perumahan dengan perkampungan nelayan.  
 II Kerana malas membaca menyebabkan dia gagal dalam peperiksaan.  
 III Setiap orang perlu mempunyai matlamat dalam hidup.  
 IV Ayah benar sayang akan adik.  
 A I dan II C II dan III  
 B I dan III D III dan IV
14. I Markah saya lebih tinggi dari Azlin.  
 II Adik kecil saya sangat petah bercakap.  
 III Kedua-dua orang pemuda itu telah ditahan.  
 IV Pendapatannya setiap bulan tidak cukup untuk menampung kehidupannya di bandar.  
 A I dan II C II dan III  
 B I dan III D III dan IV
15. I Ahli perubatan itu akan membuktikan pengalamannya dalam bidang tersebut.  
 II Azman membelakang diri saya dalam perbincangan itu.  
 III Pak Abu mengerja sekeping sawah di hujung kampung.  
 IV Awas, selekoh berbahaya di hadapan!  
 A I dan II C I dan IV  
 B I dan III D II, III dan IV



16. I Saya hendak menemukan Musalmah petang ini.  
 II Cara Kumar bercakap terlalu meninggi.  
 III Bayi itu sedang menyusu di pangkuan ibunya.  
 IV Pada masa itu, saya sedang tidur.  
 A I dan II C III dan IV  
 B II dan III D I, III, dan IV
17. I Semua guru-guru sedang bermesyuarat di bilik guru.  
 II Yang berbaju biru tua itu kakak ipar saya.  
 III Nenek menyayangi Shalin sepenuh-penuhnya.  
 IV Pihak polis bergegas ke tempat kejadian apabila menerima panggilan telefon.  
 A I dan II C II dan IV  
 B II dan III D I, III, dan IV
18. I Para peserta perlu mematuhi arahan yang telah ditetapkan.  
 II Suka dan duka memang lumrah dalam kehidupan.  
 III Sani dan Zaki menceritakan peristiwa yang menimpa mereka malam tadi.  
 IV Kami banyak memperoleh pengajaran daripada kejadian itu.  
 A I dan II C I, II, dan III  
 B II dan IV D I, II, III, dan IV
19. I Ayah lihat lesu kerana berkerja sepanjang hari.  
 II Penglihat kanak-kanak itu sangat rendah.  
 III Sakit mata kami melihat budak-budak nakal itu mengganggu wanita yang lalu-lalang.  
 IV Gaya Encik Hamidi memperlihatkan bahawa beliau orang yang berada.  
 A I dan II C III dan IV  
 B II, III dan IV D I, II dan III
20. I Rantai tangan itu dibuat dari suasa.  
 II Usia datuk Ramzan sudah dilanjutkan.  
 III Bungkusan itu dikirinkan untuk Rohani.  
 IV Ibu sedang membuat puding durian di dapur.  
 A I dan II C III dan IV  
 B II dan III D I, III, dan IV

## 27. PENJODOH BILANGAN

### KETERANGAN:

Penjodoh Bilangan ialah perkataan yang digunakan untuk membilang orang, haiwan, benda dan tempat. Ia digunakan selepas kata bilangan. Contohnya ialah batang, bentuk, biji, bilah, buah, ekor, helai, keping, kuntum, orang, pasang, tangkai, butir, pucuk, bentuk, buku.

### LATIHAN 27 : KATA PENJODOH BILANGAN

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. Beberapa \_\_\_\_\_ bunga orkid segar menghiasi ruang tamu rumah Datin Mariam.  
A biji                                   C jambak  
B helai                                   D batang
2. Abang Helmi menerima \_\_\_\_\_ surat daripada sebuah pusat pengajian tinggi di ibu Negara.  
A sekeping                           C sehelai  
B sepucuk                           D senaskah
3. Encik Kamal telah diminta untuk menyampaikan \_\_\_\_\_ dua kata sempena majlis persaraan beliau.  
A sebaris                           C sepatah  
B sebuah                           D serangkap
4. Emak sempat membeli beberapa \_\_\_\_\_ paku-pakis di pasar tani untuk dimasak.  
A pucuk                           C batang  
C ikat                           D cekak
5. Pak Mail menebarkan se\_\_\_\_\_ jala untuk menangkap ikan di sungai berhampiran rumahnya.  
A keping                           C bidang  
B kajang                           D rawan
6. Amirah membawa se\_\_\_\_\_ payung ke sekolah supaya tidak keujanan.  
A kaki                           C batang  
B buah                           D bentuk
7. Ayah menghadiahi kakak \_\_\_\_\_ anting-anting emas sempena ulang tahun hari lahir.  
A sebentuk                           C seutas  
B sepasang                           D sebuah
8. \_\_\_\_\_ lembu sedang meragut rumput di padang.  
A sekawan                           C sekumpulan  
B segerombolan                           D sepasukan

9. Seniman negara terkenal telah diundang untuk membacakan beberapa \_\_\_\_\_ puisi sempena sambutan Malam Kemerdekaan.  
A cebis                                      C naskhah  
B patah                                        D rangkap
10. Pihak berkuasa berjaya memusnahkan dua \_\_\_\_\_ bom lama yang dijumpai oleh seorang nelayan.  
A biji                                         C buah  
B butir                                        D laras
11. Pak Salleh berjalan pulang dari dusunnya sambil memikul se \_\_\_\_\_ kayu api.  
A ketul                                        C berkas  
B pucuk                                        D keping
12. Ayah terpaksa menjual \_\_\_\_\_ tanah pusaka untuk membiayai pelajaran abang di luar negara.  
A sepotong                                    C selembat  
B sebidang                                    D sebuah
13. Kak Bedah memberikan beberapa \_\_\_\_\_ jagung bakar kepada jiran barunya.  
A biji                                         C buah  
B batang                                        D tongkol
14. Penceramah itu mengakhiri ceramahnya dengan membacakan \_\_\_\_\_ pantun nasihat.  
A sebuah                                        C serangkap  
B seuntai                                        D serangkai
15. Dua \_\_\_\_\_ gerai baru telah dibina oleh pihak Majlis Perbandaran Kelang untuk memudahkan para peniaga.  
A biji                                         C baris  
B butir                                        D batang
16. Di dalam beg kecil itu terdapat dompet dan se \_\_\_\_\_ kunci.  
A butir                                         C kuntum  
B berkas                                        D helai
17. Tiga \_\_\_\_\_ permaidani disandarkan pada dinding untuk mengelakkannya daripada terkena habuk.  
A kaki                                         C lembar  
B buku                                         D gulung
18. Layang-layang Amin tersangkut pada dahan se \_\_\_\_\_ pokok.  
A buah                                         C pohon  
B dahan                                        D batang
19. Pak Aziz memakan beberapa \_\_\_\_\_ pulut sebagai sarapan pagi.  
A kepal                                        C genggam  
B ketul                                        D cubit
20. Ibu membeli tiga \_\_\_\_\_ petai di pasar malam.  
A butir                                         C rawan

B kepal

D papan

## 28. PERIBAHASA

### KETERANGAN:

Simpulan bahasa adalah salah satu peribahasa yang paling pendek. Biasanya hanya dua patah perkataan. Susunannya tetap dan maksudnya berlainan dengan perkataan yang membentuknya.

### LATIHAN 28 : PERIBAHASA

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. Kak Milah \_\_\_\_\_ melihat barang kemas yang dipamerkan kerana semuanya cantik-cantik belaka.  
A rambang mata            C mata duitan  
B besar mata                D putih mata
2. Ani seorang yang \_\_\_\_\_. Oleh sebab itu, dia tidak suka membuang masa.  
A mulut murai            C ringan tulang  
B malu-malu kucing      D patah kandar
3. Usahlah seperti \_\_\_\_\_, bercakap banyak tetapi tidak tahu apa-apa.  
A mulut murai            C kera sumbang  
B tin kosong                D mulut tempayan
4. Sikapnya yang \_\_\_\_\_ dan suka mengusik orang itu tidak disenangi oleh rakan-rakannya.  
A buka mulut            C keras hati  
B putih hati                D gila-gila bahasa
5. Ayah \_\_\_\_\_ apabila pemuda itu bersikap biadap padanya.  
A keras hati                C buka mulut  
B naik darah               D tahan hati
6. Dia bekerja seperti \_\_\_\_\_ kerana terpaksa menyiapkan kerjanya dengan segera.  
A Mandi kerbau            C adu domba  
B lipas kudung            D cepat tangan
7. Sampai \_\_\_\_\_ pun hajat awak hendak tinggal di bulan tidak akan tercapai.  
A lidah bercabang        C kucing bertanduk  
B rambang mata            D atas angin
8. Orang yang \_\_\_\_\_ jangan di sangka bodoh.  
A ringan tulang            C berat mulut  
B kaki judi                 D kaki bangku

9. Ahmad \_\_\_\_\_ pasukan kami.  
A titik peluh                      C tulang keting  
B batu loncatan                    D tulang belakang
10. Cakap-cakap orang yang \_\_\_\_\_ tidak boleh dipercayai.  
A lidah bercabang                C lidah keras  
B lidah rasmi                        D lidah pendita
11. Dia \_\_\_\_\_ hendak belajar di luar negara.  
A ada hati                            C iri hari  
B besar hati                         D isi hati
12. Amin tidak akan ke majlisnya kerana \_\_\_\_\_ sahaja.  
A ringan mulut                    C kaki ayam  
B ajak-ajak ayam                 D ringan tulang
13. Ah Meng menjadi \_\_\_\_\_ sejak diberi kebebasan oleh keluarganya.  
A bunga dedap                    C besar kepala  
B naik angin                        D jauh hati
14. Murid yang menjadi \_\_\_\_\_ pasukan kami dipilih sebagai olahragawati sekolah.  
A ayam didik                        C bapak ayam  
B naik angin                        D ayam tambatan
15. Harga di pasar raya itu \_\_\_\_\_.  
A paku belanda                    C senapang bambu  
B buta hati                          D atas angin
16. Saya tidak tahan melihat perangnya yang \_\_\_\_\_ itu.  
A putih hati                         C panas hati  
B kepala angin                    D bawah angin

Soalan 17 hingga 20

Pilih **simpulan bahasa** yang sesuai dengan ayat.

17. Dia berasa tersinggung terhadap tingkah laku buruk yang ditunjukkan oleh sahabatnya.  
A jauh hati                          C panas hati  
B iri hati                             D berat hati
18. Aminah mencurahkan perasaannya kepada Ahmad sambil menangis teresak-esak.  
A bulat hati                         C buah hati  
B buta hati                          D isi hati
19. Orang yang tidak berapa siuman itu jangan diganggu.  
A senapang bambu                C paku belanda  
B otak cair                          D otak kering

20. Encik Rostam tidak bersemangat untuk bekerja di syarikat itu lagi.

- A kecil hati                      C tawar hati  
B tarik diri                        D ambil hati

## 29. SINONIM

### KETERANGAN:

Sinonim ialah perkataan yang mempunyai maksud yang sama atau perkataan seerti. Contohnya :

- Sejuk ertinya dingin  
Cantik ertinya lawa  
Gembira ertinya riang

### LATIHAN 29 : SINONIM

Pilih sinonim yang betul bagi perkataan yang bergaris.

1. Semua askar dikerah untuk mempertahankan negara jika diserang.  
A pahlawan                      C majikan  
B pekilang                        D pekerja
2. Budak yang bebal itu terpaksa diajar berkali – kali oleh gurunya.  
A dungu                            C pandai  
B bijak                              D pintar
3. Kereta itu terbabas lalu terhumban ke dalam gaung yang curam.  
A ceruk                              C sudut  
B cerun                              D lereng
4. 31 Ogos setiap tahun merupakan detik penting bagi kita.  
A jangka                            C saat  
B masa                                D waktu
5. Pasukan itu berpakat untuk menambahkan bilangan ahlinya.  
A bekerjasama                    C membahagi  
B berpadu                            D bercantum
6. Barangan tembaga perlu digilap agar kekal bersinar.  
A disental                            C dicuci  
B diberus                            D digosok
7. Gadis yang cantik itu ibarat bidadari.  
A jelita                              C hodoh  
B tampan                            D comot

8. Bangunan baru itu telah roboh akibat hakisan tanah.  
A tumbang  
B jatuh  
C gugur  
D berkecai
9. Azmi disukai kawan – kawannya kerana pandai berjenaka.  
A bermain  
B bertengkar  
C bergurau  
D berbual
10. Ah Meng baru hendak mengulang kaji pelajaran setelah masa semakin suntut.  
A cepat  
B perlahan  
C pendek  
D singkat

### 30. ANTONIM

#### KETERANGAN:

Antonim ialah perkataan yang bermaksud berlawanan dengan perkataan yang diberikan.  
Contoh antonim ialah  
dekat lawannya jauh  
sakit lawannya sembuh  
malam lawannya siang

#### LATIHAN 30 : ANTONIM

Pilih antonim yang betul bagi perkataan yang bergaris.

1. Kapal yang karam itu mulai tenggelam ke dasar lautan.  
A mendap  
B tohor  
C timbul  
D luntur
2. Masa depan pelajar itu menjadi cerah apabila lulus dalam SPM.  
A samar  
B gelap  
C pudar  
D kelabu
3. Lukisan kanak – kanak itu dipuji kerana amat cantik.  
A diumpati  
B dibanggakan  
C diherdik  
D dicaci
4. Para petani menggali keledek setelah berumur 4 bulan.  
A menanam  
B mencungkil  
C mengorek  
D mengambus
5. Dia mendongak ke atas untuk melihat bulan mengambang.  
A menunduk  
B memaling  
C menggeleng  
D mengangguk

6. Azmi mengajak Cikgu Zubaidah ke rumahnya pada hari raya.  
A menyindir C menghalau  
B memanggil D menjemput
7. Orang itu mendapat keuntungan yang banyak kerana kerana berniaga di pasar malam.  
A muflis C hasil  
B pendapatan D rugi
8. Jentera terpaksa menggali lubang untuk membina longkang.  
A menimbus C menimbun  
B mengorek D menampal
9. Air sungai itu mengalir dengan deras selepas hujan.  
A laju C perlahan  
B cepat D pantas
10. Ibu menyuruh kakak supaya merebus ubi kayu sehingga empuk.  
A kukuh C keras  
B gagah D kebal

### 31. KATA BANYAK MAKNA (POLISIM)

#### KETERANGAN:

Kata banyak makna ialah perkataan yang mempunyai lebih daripada satu makna. Contoh kata banyak makna ialah seperti berikut :

Jatuh → gugur  
→ merosot

Daun bunga itu jatuh di atas padang.  
Perniagaan Pak Ali jatuh sejak kebelakangan ini.

#### LATIHAN 31 :KATA BANYAK MAKNA(POLISIM)

**Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan yang bergaris dengan betul.**

1.  
I Walaupun usianya agak lanjut dia masih gemar membaca.  
II Orang itu memerlukan keterangan lanjut tentang cara-cara mengisi borang Amanah Saham Nasional.  
III Dia menyesal kerana lanjut cakap terhadap kedua orang tuanya.  
IV Pelajar itu telah terpilih untuk lanjut pelajarannya ke luar negeri.  
A I dan II C I, II dan III  
B II, III dan IV D I, II, III dan IV



2.

- I Gerhana matahari berlaku apabila bulan melindungi matahari.
- II Ayah akan mengirinkan perbelanjaan bulan bagi kami sekeluarga melalui pos.
- III Mengapakah Azila sudah beberapa bulan tidak datang ke sekolah?
- IV Setiap akhir bulan ayah menerima gaji daripada majikannya.

- A I dan II                      C I, III dan IV
- B II dan III                    D I, II, III dan IV

3.

- I Penjual ubat itu gamat kerana dikerumuni oleh orang ramai.
- II Suasana di Kampung Teratai menjadi gamat apabila kedengaran satu letupan yang kuat.
- III Kawasan setinggian yang berdekatan itu gamat dengan rumah-rumah.
- IV Majlis perkahwinan itu gamat dengan gelak ketawa.

- A II dan IV                      C II, III dan IV
- B I dan III                      D I, II, III dan IV

4.

- I Oleh kerana ayah Kamal suntuk wang, Kamal tidak dapat menyertai rombongan sekolahnya ke Melaka.
- II Petani itu dapat menuai kesemua padinya kerana dia sekeluarga bekerja sehari suntuk.
- III Para peserta gagal menyiapkan projek mereka disebabkan masa yang diberi begitu suntuk.
- IV Perasaannya suntuk apabila musim tengkujuh tiba kerana dia tidak dapat turun ke laut.

- A II dan III                      C II, III dan IV
- B I dan IV                      D I, II, III dan IV

5.

- I Elakkan membaca di tempat yang gelap supaya mata tidak cepat kabur.
- II Soalan yang kabur biasanya sukar dijawab oleh murid.
- III Cuaca hari ini diramalkan kabur pada sebelah pagi.
- IV Cermin itu kelihatan kabur kerana sudah lama tidak dibersihkan.

- A I dan II sahaja                C II, III dan IV sahaja
- B II dan III sahaja              D I, III dan IV sahaja

6.

- I Gasing itu berputar dengan kencang apabila dilemparkan ke tanah.
- II Tendangannya yang kencang telah menyebabkan bola itu keluar padang.
- III Angin yang kencang menyebabkan beberapa batang pokok tumbang.
- IV Kita tidak digalakkan bercakap kencang dengan orang tua-tua.

- A I dan IV sahaja                C II, III dan IV sahaja
- B II dan III sahaja              D I, II, III dan IV sahaja

- 7.
- I Semenjak Zali bertukar alamat beberapa orang kawannya tidak dapat menghubunginya lagi.  
 II Alamat Leman akan dimarahi ibunya kerana dia mandi di lombong itu.  
 III Ayam berkokok alamat hari hendak siang.  
 IV Kapal terbang itu dibenarkan mendarat setelah juruterbangnya menerima alamat dari menara kawalan.
- A I dan II sahaja      C I, II dan III sahaja  
 B III dan IV sahaja    D II, III dan IV sahaja
- 8.
- I Kapal itu lenyap di lautan sewaktu berlaku taufan.  
 II Adik menangis apabila kereta yang dipandu oleh ayah lenyap daripada pandangan.  
 III Semasa semua murid sedang menjalani latihan, Jamil lenyap dengan tiba-tiba.  
 IV Putik buah durian lenyap apabila ditiup angin.
- A II dan III sahaja      C II, III dan IV sahaja  
 B I, II dan III sahaja    D I, II, III dan IV sahaja
- 9.
- I Maria tetap tidak berganjak dengan keputusannya untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri.  
 II Cik Liza menyuruh Mary berganjak dari tempat duduknya.  
 III Setelah lima tahun tinggal di Muar, Encik Maniam pun berganjak ke Ipoh.  
 IV Mona berganjak dari rumahnya setelah mendapat tawaran bekerja di bandar.
- A I dan II sahaja      C I, III dan IV sahaja  
 B II dan IV sahaja      D I, II, III dan IV sahaja
- 10.
- I Karangan bunga yang indah itu digubah oleh Puan Lim.  
 II Pakaian itu digubah oleh seorang pereka fesyen yang terkenal.  
 III Lagu yang sering berkumandang di radio itu digubah oleh seorang pencipta lagu tanah air.  
 IV Kedudukan perabot di dalam rumahnya digubah dengan teratur.
- A I dan III sahaja      C II, III dan IV sahaja  
 B II dan IV sahaja      D I, II, III dan IV sahaja
- 11.
- I Seorang yang mempunyai paras yang cantik belum tentu mempunyai perangai yang baik.  
 II Paras raksa pada termometer turun naik mengikut suhu.  
 III Dia membeli baju yang tidak sama paras dengan badannya.  
 IV Gambar itu digantung sama paras dengan ketinggian saya.
- A II dan IV sahaja      C I, II dan IV sahaja  
 B I, II dan III sahaja    D I, III dan IV sahaja
- 12.
- I Kebanyakan orang tua yang hidup melarat telah dimasukkan ke rumah kebajikan.  
 II Saya tidak melarat untuk mengangkat almari yang berat itu.  
 III "Percakapan awak itu sudah melarat, saya tidak sanggup mendengarnya lagi," kata Fatim.  
 IV Penyakit yang dihidapinya sudah melarat kepada orang lain di seluruh kampung.
- A I dan III sahaja      C I, II dan IV sahaja

B II dan IV sahaja    D II, III dan IV sahaja

13.

- I Ketua kampung itu memerah golongan belia di kampungnya untuk membina sebuah jambatan.
- II Emak memerah kelapa untuk mendapatkan santannya.
- III Budak itu memerah telinga untuk mendengar percakapan kawannya.
- IV Abang memerah otaknya untuk menghadapi ujian itu.

A I dan III sahaja    C I, II dan III sahaja  
B II dan IV sahaja    D II, III dan IV sahaja

14.

- I Barang-barang itu disusun mengikut kaum di atas rak.
- II Masih ada kaum asli yang mengamalkan cara hidup seperti nenek moyang mereka.
- III Majlis perkahwinan itu diadakan khas untuk kaum kerabat mereka sahaja.
- IV Kaum Malaysia yang berbilang keturunan hidup bersatu padu.

A I dan II sahaja    C II dan III sahaja  
B I dan IV sahaja    D II, III dan IV sahaja

15.

- I Dahinya berkerut apabila dia disoal siasat oleh pegawai polis itu.
- II Badannya berkerut setelah beberapa lama mandi di sungai.
- III Kakinya kelihatan berkerut setelah lukanya sembuh.
- IV Wajahnya semakin berkerut apabila umurnya meningkat tua.

A I dan IV sahaja    C II, III dan IV sahaja  
B II dan IV sahaja    D I, II, III dan IV sahaja

16.

- I Bangunan itu tingginya agak dua puluh meter.
- II Dia mengalami kerugian yang agak besar dalam kebakaran itu.
- III Jangan main agak sahaja apabila menjawab pertanyaan guru.
- IV Saya agak ayah hendak melancong ke luar negeri.

A I dan II sahaja    C I, II dan III sahaja  
B II dan IV sahaja    D II, III dan IV sahaja

17.

- I Kalau semangat kita lemah, kita tidak akan dapat mencapai segala cita-cita.
- II Keropok yang telah digoreng itu menjadi lemah kerana tidak disimpan dalam tin.
- III Badannya terasa lemah kerana dia tidak berselera makan selama beberapa hari.
- IV Sikapnya yang lemah itu telah memikat hati penduduk di kampung itu

A I dan II sahaja    C I, III dan IV sahaja  
B I dan III sahaja    D I, II, III dan IV

- 18.
- I Kampung itu bergelora akibat diancam oleh gajah liar.
  - II Perasaan Mak Tijah bergelora semasa menanti kepulangan anaknya yang bertugas di sempadan.
  - III Kebanyakan pemimpin kita mempunyai semangat yang bergelora untuk memperjuangkan nasib anak bangsa.
  - IV Nelayan tidak digalakkan turun ke laut ketika laut bergelora.  
 A I dan II sahaja                      C II, III dan IV sahaja  
 B II dan IV sahaja                      D I, II, III dan IV
- 19.
- I Segi sampul surat itu telah terkoyak sebelum disampaikan kepada penerimanya.
  - II Kepalanya benjol kerana terhantuk pada segi dinding.
  - III Bingkai gambar itu ada lapan segi.
  - IV Polis menyaman pemuda itu kerana telah melakukan kesalahan dari segi undang-undang lalu lintas.  
 A II dan IV sahaja                      C I, III dan IV sahaja  
 B III dan IV sahaja                      D II, III dan IV sahaja
- 20.
- I Ahli gusti itu membaham lawannya sehingga pengsan.
  - II Harimau itu membaham kambing yang sedang makan di pinggir hutan.
  - III Penjual ubat itu membaham kaca di hadapan orang ramai.
  - IV Ombak yang mengganas itu membaham kapal yang sedang belayar.  
 A II sahaja                                  C II dan IV sahaja  
 B III sahaja                                  D I, II dan III sahaja

### LATIHAN 32 : IMBUHAN

Pilih perkataan yang paling sesuai

1. Shamil \_\_\_\_\_ sambil di restoran makanan segera itu untuk membantu ibunya .  
 A. kerja                                      C. sekerja  
 B. bekerja                                  D. pekerja
2. \_\_\_\_\_ “salam abang kepada ibu dan ayah,” pesan Amin kepada adiknya.  
 A. Sampai                                    C. Sesampai  
 B. Sampaikan                                D. Penyampai
3. Dalam program itu terdapat pelbagai kegiatan lasak yang menarik dan \_\_\_\_\_.  
 A. mencabar                                  C. tercabar  
 B. cabaran                                    D. pencabar
4. Mangsa kemalangan itu dibenarkan pulang setelah mendapat \_\_\_\_\_ sebagai pesakit luar .  
 A. perawat                                    C. terawat

B. merawat

D. rawatan

5. Bangunan bersejarah itu merupakan warisan negara yang tidak \_\_\_\_\_.

A. ternilai

C. nilai

B. menilai

D. penilai

6. Pulau Sipadan amat sesuai sebagai tempat untuk aktiviti \_\_\_\_\_.

A. menyelam

C. salami

B. penyelam

D. berselam

7. Kami difahamkan bahawa ahli rombongan itu \_\_\_\_\_ pulang selepas jamuan ringan .

A. angkatan

C.perangkat

B. mengangkat

D.berangkat

8. Puan Hanizan \_\_\_\_\_ cili-cili kering itu sehingga lumat.

A. menggiling

C. penggiling

B. bergiling

D. giling

9. Kumpulan pendaki yang sesat itu telah dijumpai oleh pasukan \_\_\_\_\_ awal pagi semalam.

A. berselamat

C. terselamat

B. penyelamat

D. selamatan

10. Novel terbaru penulis terkenal itu telah \_\_\_\_\_ sebanyak setengah juta naskah.

A. berjual

C. jualan

B. terjual

D. menjual

11. Dilla merajuk kerana \_\_\_\_\_ nya tidak dituruti oleh suaminya.

A. hendakkan

C. berkehendak

B. kehendak

D. sekehendak

12. Pak Cik Fauzi dipulaukan oleh penduduk kampung sebagai akibat \_\_\_\_\_ orang kampung terhadapnya.

A. sangkaan

C. prasangka

B. tersangka

D. menyangka

13. Bangunan \_\_\_\_\_ langit di bandar itu milik syarikat ternama luar negara.

A. pencakar

C. bercakar

B. mencakar

D. cakaran

14. Pekerja-pekerja itu sedang \_\_\_\_\_ sungai itu untuk mengelakkan banjir kilat.

A. dalaman

C. sedalam

B. mendalam

D. memperdalam

15. Walaupun Jasni dan Aziz \_\_\_\_\_ tetapi hubungan mereka tidaklah mesra.

A. berkampung

C. kampung

B. sekampung

D. kampungan

16. “Jika tiada \_\_\_\_\_ kami akan pulang esok, ibu,” kata Azhar kepada ibunya.

A. perintang

C. rintangan

B. terintang

D. merintang

17. Ayah dan ibulah orang yang paling saya \_\_\_\_\_.

A. sayangi

C. tersayang

B. sayangkan

D. penyayang

18. Para pelajar yang akan menduduki peperiksaan digesa agar membuat persediaan awal dan bukannya \_\_\_\_\_ pada saat-saat akhir.

A. tertunggu

C. menunggu

B. penunggu

D. ditunggu

19. Kegiatan penyeludupan beras itu \_\_\_\_\_ hasil maklumat yang diberikan oleh orang ramai.

A. membongkar

C. terbongkar

B. dibongkar

D. Pembongkar

20. Kerusi-kerusi itu kami \_\_\_\_\_ ke dinding supaya bilik ini lebih luas.

A. dekati

C. berdekat

B. dekatkan

D. mendekati

### 33. KATA MAJMUK

#### KETERANGAN:

1. Kata yang terbentuk daripada dua atau lebih perkataan yang menghasilkan makna yang baru
2. Kata majmuk dieja secara terpisah.

#### LATIHAN 33. KATA MAJMUK

Isi tempat kosong dengan kata majmuk yang betul.

1. Maria melukis beberapa bentuk \_\_\_\_\_ kaki sama pada kertas lukisan itu dengan menggunakan pensel.  
A segi tiga                      C bulatan  
B segi empat                     D bujur
2. \_\_\_\_\_ yang berkaitan dengan program Tahun Enam telah disiapkan oleh Cikgu Mahmud petang semalam.  
A Kertas nama                  C kertas kerja  
B Kertas turas                  D Kertas mahjong
3. Alif mendapat keputusan yang baik dalam \_\_\_\_\_ Sains dan Matematik.  
A mata pendidikan              C mata ilmu  
B mata pelajaran                D mata bestari
4. \_\_\_\_\_ bangunan itu adalah berkonsepkan seni bina Islam .  
A Reka bentuk                  C Reka tinggi  
B Reka acuan                     D Reka rupa

5. \_\_\_\_\_ majlis itu terpaksa diubah kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan.  
A Atur masa                      C Atur cara  
B Atur sesuai                      D Atur susun
6. Kedai yang menjual \_\_\_\_\_ alat tulis itu dibuka dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang.  
A alat tulis                      C alat padam  
B alat pensel                      D alat pembaris
7. Emak membeli beberapa bungkus \_\_\_\_\_ di warung itu untuk dijadikan sarapan  
A nasi lemak                      C nasi putih  
B nasi pinggan                      D nasi campur
8. \_\_\_\_\_ Ani tidak berfungsi lagi kerana telah dimasuki air ketika dia bermain di padang.  
A Jam dinding                      C Jam randik  
B Jam meja                      D Jam tangan
9. Dia bersikap \_\_\_\_\_ sedikit semenjak kebelakangan ini.  
A luar dugaan                      C luar biasa  
B luar sikit                      D luar perangai
10. Sudah menjadi tanggungjawab Cikgu Zaid untuk menyediakan \_\_\_\_\_ bagi membersihkan kelasnya.  
A jadual harian                      C jadual bertugas  
B jadual mingguan                      D jadual tugasan
11. Beberapa orang \_\_\_\_\_ Jabatan Pelajaran telah dinaikkan pangkat dalam majlis anugerah itu.  
A jawatankuasa                      C pesuruhjaya  
B kakitangan                      D warganegara
12. Tidak ada \_\_\_\_\_ yang dapat diselamatkan dalam kebakaran itu kerana semuanya hangus terbakar.  
A apabila                      C apakala  
B apahal                      D apalagi
13. Cikgu Jamil mahu kami menyusun kerusi dan meja di dalam kelas itu semula seperti \_\_\_\_\_.  
A sukarela                      C sediakala  
B sukacita                      D setiausaha
14. Siti Hajar berasa \_\_\_\_\_ semenjak ayahnya meninggal dunia minggu lepas.  
A dukacita                      C sukarela  
B sukacita                      D sediakala
15. Puan Lily selamat melahirkan seorang \_\_\_\_\_ lelaki di Hospita Sultanah Zainab , Kota Bharu.  
A cahaya mata                      C cahaya neon  
B cahaya sinar                      D cahaya terang
16. \_\_\_\_\_ Encik Zainol berasal dari Pasir Puitih, Kelantan.  
A Orang rumah                      C orang dapur  
B Orang harapan                      D orang atas

17. Zarinah dapat bantuan Rancangan Makanan Tambahan kerana dia anak \_\_\_\_\_.
- A yatim tunggal      C tunggal piatu  
B yatim piatu      D piatu yatim
18. Rizal \_\_\_\_\_ apabila Qudus tidak menjemputnya ke majlis itu.
- A jauh hati      C jauh perasaan  
B kecewa hati      D resah hati
19. Walaupun nampak remeh,namun \_\_\_\_\_ berkaitan wanita bersalin tidak boleh diambil ringan.
- A pantang tok nenek      C pantang tegah  
B pantang larang      D pantang mundur
20. Syarikat yang mempunyai \_\_\_\_\_ yang tinggi itu mampu bertahan hingga kini.
- A daya tenaga      C daya saing  
B reka cipta      D usaha sama

### 34. KATA GANDA

#### KETERANGAN:

1. Proses mengulangi sesuatu perkataan sama ada secara seluruh atau bahagian-bahagian tertentu.
2. Terdapat tiga jenis penggandaan:
  - a. ganda seluruh
  - b. ganda separa
  - c. ganda berima

#### LATIHAN 34 : KATA GANDA

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih kata-kata yang paling sesuai

1. Sejak berpindah ke bandar ,Sukri tidak \_\_\_\_\_ lagi tentang perkembangan yang berlaku di kampung itu.  
A tanya-menanya      C kenal-mengenal  
B tahu-menahu      D tengok – menengok
2. Gadis itu \_\_\_\_\_ ke pejabat kerana sudah lewat.  
A terkial-kial      C tercungap-cungap  
B terkinja-kinja      D terkocoh-kocoh
3. Kedengaran \_\_\_\_\_ suara orang bernyanyi ketika saya duduk di atas pangkin itu.  
A jelas-jelas      C samar-samar  
B sayup-sayup      D jauh-jauh



4. Selepas mesyuarat mereka minum sambil \_\_\_\_\_ di tepi kolam renang itu.  
A berbual-bual      C bercakap-cakap  
B berehat-rehat      D berbaring-baring
5. Encik Razak membawa \_\_\_\_\_ dari Surabaya untuk kami.  
A oleh-oleh      C abuk-abuk  
B otak-otak      D sagu-sagu
6. Beberapa ekor \_\_\_\_\_ yang berwarna –warni terbang di dalam rumah kami.  
A kupu-kupu      C labah-labah  
B pijat-pijat      D labi-labi
7. Suasana dalam mesyuarat itu \_\_\_\_\_ apabila dua pihak berbalah.  
A huru-hara      C lintang-pukang  
B hingar-bingar      D porak-peranda
8. Jalan raya yang \_\_\_\_\_ itu amat berbahaya khususnya kepada penunggang motosikal dan basikal.  
A lintang-pukang      C lekuk-lekak  
B lintang-kedak      D kacau-bilau
9. Seorang pekerja bahagian stor telah diberhentikan \_\_\_\_\_ oleh pihak pengurusan pasar raya itu kerana masalah disiplin.  
A terus-menerus      C serta-merta  
B pontang-panting      D tunggang-langgang
10. \_\_\_\_\_ penceroboh itu sedang diperhatikan oleh pihak keselamatan melalui kamera litar tertutup.  
A Tingkah-laku      C Gerak-geri  
B Sorak-sorai      D Desas-desus
11. Jalan raya yang baru diturap itu memudahkan kami \_\_\_\_\_ ke tempat kerja.  
A ulang-alik      C mundur-mandir  
B pindah-randah      D lalu-lalang
12. \_\_\_\_\_ waris keluarga yang ditimpa kemalangan itu masih kedengaran.  
A Kumat-kamit      C Bongkar-bangkir  
B Senda-gurau      D Sedu-sedan
13. Ada \_\_\_\_\_ yang mengatakan bahawa pengurus syarikat itu akan meletakkan jawatan.  
A tindak-tanduk      C corat-coret  
B karut-marut      D desas-desus
14. Mata budak itu \_\_\_\_\_ apabila dimarahi oleh ibunya.  
A terkebil-kebil      C terkelip-kelip  
B terkial-kial      D terikut-ikut
15. Penjahat itu \_\_\_\_\_ untuk melepaskan diri.  
A melaung-laung      C meraung-raung  
B meronta-ronta      D menarik-narik

16. Para penyokong pasukan bola sepak Selangor \_\_\_\_\_ apabila Bambang berjaya menjaringkan gol.  
 A terkial-kial                      C terkebil-kebil  
 B terikut-ikut                      D terlonjak-lonjak
17. Pelbagai program telah diatur demi menggalakkan penduduk taman itu \_\_\_\_\_ antara satu sama lain.  
 A percaya-mempercayai    C perlu-memerlukan  
 B kasih-mengasihi    D kenal-mengenal
18. "Budi cikgu akan saya kenang \_\_\_\_\_," kata Fatin.  
 A sekuat-kuatnya    C selama-lamanya  
 B semalam-malaman    D sehari-harian
19. Kita jangan mudah \_\_\_\_\_ akan cara hidup barat.  
 A terambil-ambil    C terikut-ikut  
 B tertiru-tiru    D terbuai-buai
20. Sampah sarap yang \_\_\_\_\_ di Sungai Kelantan itu adalah akibat daripada perbuatan segelintir orang yang tidak bertanggungjawab.  
 A tertimbul-timbul    C tersekat-sekat  
 B tertindih-tindih    D terapung-apung

### 35. BANDINGAN SEMACAM

#### KETERANGAN:

1. Bentuk ungkapan yang menggambarkan sifat seseorang atau benda secara bandingan.

#### LATIHAN 35: BANDINGAN SEMACAM

Isi tempat kosong dengan kata yang sesuai

1. Ramli tidak terangkat beg yang \_\_\_\_\_ seperti batu itu.  
 A berat                      C kasar  
 B besar                      D kesat
2. Suasana dalam bilik itu sungguh \_\_\_\_\_ seperti pasar.  
 A busuk                      C ramai  
 B gelora                      D bising
3. Saya tidak suka pemerintah yang \_\_\_\_\_ seperti Firaun.  
 A ganas                      C zalim

- B kejam                      D dahsyat
4. Suasana dalam perpustakaan itu sungguh \_\_\_\_\_ seperti tasik.  
A tenang                      C senyap  
B diam                         D hening
5. Kasut yang \_\_\_\_\_ seperti kulit biawak itu dijual dengan harga RM 87.90.  
A licin                         C kesat  
B kasar                        D keras
6. Sejak terlantar di hospital selama dua bulan , badan Zarul \_\_\_\_\_ seperti lidi.  
A panjang                     C runcing  
B kurus                        D rapuh
7. Nani tidak suka makan ubat itu kerana rasanya pahit seperti \_\_\_\_\_.  
A .jadam                      C akar kayu  
B hempedu                    D kopi
8. Walaupun sudah tua seperti \_\_\_\_\_ , lelaki itu masih lagi turut serta dalam larian amil itu.  
A. Haji Bakhil                C lengkuas  
B pendita                      D mayat
9. Zarul gelisah seperti \_\_\_\_\_ kerana anaknya masih belum keluar dari bilik pembedahan.  
A belut                         C langau  
B keldai                        D cacing kepanasan
10. Rizal menurut apa-apa sahaja yang disuruh oleh ketuanya kerana dia lurus seperti \_\_\_\_\_ .  
A pembaris                    C sesiku  
B bendul                        D kekisi
11. Saya tidak termakan masakan wanita itu kerana rasanya masam seperti \_\_\_\_\_ .  
A limau                         C cuka  
B asam gelugur                D asam jawa
12. Muka budak itu pucat seperti \_\_\_\_\_ apabila berada di atas pentas.  
A bayi                         C mayat  
B kulit biawak                D cacing
13. Peserta perkhemahan itu meluru seperti \_\_\_\_\_ apabila disuruh terjun ke dalam kolam.  
A lebah                         C gajah  
B babi hutan                    D badak
14. Lelaki yang tinggi seperti \_\_\_\_\_ itu ialah Cikgu Razak.  
A galah                         C bangunan  
B pokok                        D tiang
15. Walaupun lelaki itu sudah tua tetapi dia miang seperti \_\_\_\_\_ .  
A buluh                         C daun lalang  
B terung                        D keladi

16. Sungguhpun badan Syazwan besar macam \_\_\_\_\_ tetapi dia takut seperti \_\_\_\_\_ .  
A ikan paus .... lalat C gajah ...tikus  
B rumah...anak kucing D badan...siput
17. Wanita itu cantik seperti \_\_\_\_\_ tetapi garang seperti \_\_\_\_\_ .  
A bidadari ...singa C pramugari  
B ratu ...harimau D model...kala jengking
18. Orang yang kaya seperti \_\_\_\_\_ itu kedekut seperti \_\_\_\_\_ .  
A artis ...tangkai jering C menteri...tikus  
B pengurus ...keldai D jutawan ...Haji Bakhil
19. Rumah yang bersih seperti \_\_\_\_\_ itu kepunyaan Encik Hamid yang rajin seperti \_\_\_\_\_ .  
A kapas ... ulat C menteri ...tikus  
B syurga ....langau D cermin ...lebah
20. Perempuan itu mempunyai rambut yang ikal seperti \_\_\_\_\_ dan hidung yang mancung bak \_\_\_\_\_ .  
A ombak...tunggal C kongkang..lengkuas  
B mayang ...seludang D keris ....galah

## PETIKAN PEMAHAMAN

### LATIHAN 1

#### BERITA

**Baca berita di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

TAPAH, Jumaat – Suatu program motivasi bertajuk “ Jati Diri Remaja ” telah dianjurkan oleh Kelab Rakan Muda Daerah Batang Padang. Program yang disertai oleh 120 orang peserta itu telah diadakan di Lata Kinjang. Separuh daripada peserta adalah ahli Kelab Remaja Daerah Batang Padang, manakala separuh lagi adalah pelajar daripada beberapa buah sekolah di daerah ini.

Program tersebut diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada peserta tentang peranan remaja terhadap pembangunan negara. Selain itu, program ini dapat juga mengisi masa cuti para pelajar dengan kegiatan yang berfaedah serta dapat memupuk semangat kerjasama antara mereka.

Selama empat hari program ini berjalan, pelbagai aktiviti yang menarik dijalankan. Antaranya termasuklah sesi latihan dalam kumpulan, ceramah, sukan, dan kegiatan kembara. Menerusi kegiatan seumpama ini para peserta dapat membina keyakinan diri, berfikir secara kritis dan kreatif, serta menyelesaikan masalah dengan bijak.

Program ini selaras dengan usaha kerajaan untuk melahirkan generasi pemimpin yang berwibawa dan berwawasan. Selain itu, program seumpama ini diharap dapat membantu mengurangkan **gejala** penyakit sosial yang semakin serius dalam kalangan remaja.

Secara keseluruhannya, program ini memberikan faedah yang besar kepada para peserta. Bertepatan dengan slogan “ Remaja Hari ini Pemimpin Hari Esok ” para peserta dapat didedahkan kepada asas-asas kepimpinan dengan berkesan.

1. Perkataan **gejala** dalam petikan bermaksud...
  - A. sikap
  - B. amalan
  - C. kelakuan
  - D. tanda-tanda
  
2. Pilih pernyataan yang **tidak benar**.
  - A. Seramai 120 peserta terlibat.
  - B. Program tersebut dijalankan selama seminggu.
  - C. Para peserta terdiri daripada pelajar beberapa buah sekolah.
  - D. Program motivasi itu diadakan berhampiran kawasan air terjun.

3. Peserta program didedahkan dengan kemahiran tentang ...
  - A. semangat kerjasama
  - B. latihan dalam kumpulan dan ceramah
  - C. sukan, kegiatan kembara dan menyelesaikan masalah
  - D. membina keyakinan diri, berfikir secara kritis dan kreatif dan menyelesaikan masalah
  
4. Mengapakah Lata Kinjang dipilih sebagai tempat untuk menjalankan program ini?
  - A. Kawasan berhampiran dengan sumber hutan.
  - B. Mempunyai kemudahan asas yang memberi keselesaan.
  - C. Suasannya damai dengan udara yang nyaman.
  - D. Sesuai untuk perkemahan dan membawa keluarga untuk mandi-manda.
  
5. Apakah kesan yang mungkin dirasai oleh para peserta setelah mengikuti program tersebut ?
  - A. yakin terhadap kebolehan diri sendiri
  - B. yakin akan menjadi seorang pemimpin
  - C. sukar menyelesaikan masalah yang dihadapi
  - D. tidak suka mengambil tahu masalah orang lain

## LATIHAN 2



*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Perut saya mula berkeroncong. Alangkah leganya saya apabila loceng berdering menandakan waktu rehat. Lantas, kami beratur di luar kelas sebelum bergerak ke kantin.

Di kantin, pelbagai makanan dan minuman dijual dengan harga yang berpatutan. Murid-murid diarahkan oleh beberapa orang pengawas agar beratur ketika membeli makanan. Yang degil pasti diambil tindakan.

Saya dan rakan-rakan menjamu selera sambil berbual-bual. Suasana begitu riuh-rendah. Terdapat juga sebilangan ibu bapa murid Tahap 1 terutamanya menemani anak-anak mereka di kantin. Kekadang, situasi begini membuatkan ruang dan tempat makan menjadi terhad.

Pusat sumber juga menjadi tumpuan **ulat buku** pada waktu rehat. Mereka mengambil peluang untuk menelaah dan mengulang kaji pelajaran. Pustakawan pula sibuk mencatat rekod pinjaman dan pemulangan buku.

Selain itu, kedai buku sekolah turut dikunjungi untuk pelajar yang ingin membeli alat tulis, buku latihan, dan sebagainya. Tandas juga menjadi sesak untuk mereka yang mahu melepaskan 'hajat' masing-masing.

Loceng berbunyi menandakan waktu rehat telah habis. Kami beratur sebelum masuk ke dalam kelas untuk meneruskan pembelajaran.

- 1 Beri maksud simpulan bahasa **ulat buku** yang terdapat di dalam petikan.
  - A membuat kerja sekolah
  - B rajin membaca dan mengulang kaji pelajaran
  - C suka berbincang dengan rakan
  
- 2 Apakah tindakan yang sewajarnya diambil kepada murid yang melanggar peraturan ketika membeli makanan di kantin?
  - A mereka akan diberi nasihat
  - B mereka tidak akan dibenarkan membeli makanan
  - C mereka akan dibawa berjumpa dengan guru besar
  - D mereka akan dibuang sekolah
  
- 3 Pada pukul berapakah peristiwa dalam petikan tersebut berlaku?
  - A 8.00 pagi
  - B 10.00 pagi
  - C 12.00 tengah hari
  - D 2.00 petan
  
- 4 Sebagai seorang pustakawan, apakah tugas anda ?
  - A membaca buku di pusat sumber
  - B meminjam buku di pusat sumber
  - C merekod pemulangan dan pinjaman buku cerita
  - D merekod pemulangan dan pinjaman buku rujukan
  
- 5 Antara berikut, yang manakah tempat yang **bukan** dikunjungi semasa waktu rehat ?
  - A Perpustakaan
  - B Kedai koperasi
  - C Tandas
  - D Makmal sains

### LATIHAN 3

#### JADUAL

Kaji jadual di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan berikutnya

Jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar  
Sekolah Menengah Kebangsaan Dusun Muda

Kesalahan	Melayu	Cina	India	Jumlah
Melepak di pusat beli-belah	10	9	11	30
Ponteng di kafe siber dan pusat permainan video	8	20	7	35
Bergaduh	1	2	2	5
Mencuri	2	4	3	9
Menghisap rokok	30	2	8	40
Peras ugut	2	4	8	14

1. Berapakah beza bilangan pelajar yang melakukan kesalahan menghisap rokok antara kaum Melayu dan Cina di sekolah itu?  
A 28 orang  
B 32 orang  
C 38 orang  
D 40 orang
2. Berapakah bilangan pelajar Melayu yang melakukan kesalahan bergaduh dan peras ugut di sekolah itu?  
A 35 orang  
B 19 orang  
C 5 orang  
D 3 orang
3. Pelajar kaum manakah yang paling ramai mengunjungi pusat permainan video ?  
A Kaum Melayu  
B Kaum Cina  
C Kaum India



4. Berapakah jumlah pelajar yang didapati melakukan kesalahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dusun Tua?

- A 172 orang
- B 133 orang
- C 131 orang
- D 120 orang

5. Jika kamu sebagai ibu bapa, apakah tindakan kamu agar masalah disiplin di sekolah dapat dikurangkan?

- A Memberikan kebebasan yang mutlak kepada anak-anak
- B Menyediakan segala kelengkapan dirinya
- C Memberi wang saku yang mencukupi
- D Memberi didikan agama yang sempurna

#### LATIHAN 4

##### PUISI 2

*Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.*

Ibu,  
Setiap detik nafasmu,  
Adalah suatu pengorbanan,  
Berusaha dengan kepayahan,  
Tidak mengira siang atau malam,  
Membaiki taraf kehidupan,  
Demi membela nasib keluarga,

Ibu,  
Demi anak-anak tersayang,  
Kau rela **berhempas pulas**,  
Asal mereka tidak menangis,  
Disebabkan kelaparan,  
Atau tertinggal dalam pelajaran,

Ibu,  
Keyakinan mu amat kuat,  
Untuk mengubah nasib,  
Pada suatu hari nanti,  
Dari mendung kepada cerah,  
Dalam membesarkan anak-anak,  
Agar berjaya ke menara gading,  
Menjadi insan mulia,  
Dihormati masyarakat,  
Terima kasih wahai ibu.

- 1 Puisi di atas adalah tentang
  - A penderitaan ibu
  - B pengorbanan ibu
  - C penderitaan anak
  - D pengorbanan anak
  
- 2 Mengapakah ibu berusaha tanpa mengira waktu
  - A untuk hidup mewah
  - B untuk pergi melancong
  - C untuk memperbaiki taraf di mata masyarakat
  - D untuk memperbaiki taraf hidup dan membela nasib keluarga
  
- 3 Perkataan ***berhempas pulas*** dalam rangkap kedua bermaksud
  - A bekerja keras
  - B bekerja sederhana
  - C bekerja setiap masa
  - D bekerja kelam kabut
  
- 4 Pernyataan berikut berkaitan dengan pengorbanan ibu kepada anak **kecuali**
  - A menjaga makan dan minum
  - B memberi pendidikan sempurna
  - C menasihati anak agar berkelakuan baik
  - D tidak mengambil berat masa depan anak-anak
  
- 5 Apakah harapan ibu terhadap anak-anaknya
  - A supaya anak-anaknya berjaya dan dihormati masyarakat
  - B supaya anak-anaknya bangga dengan usaha ibu
  - C supaya anak-anaknya belajar siang dan malam
  - D supaya anak-anaknya membalas jasa ibu

## LATIHAN 5

### SURAT KIRIMAN

15 Jalan Bunga Mawar,  
Taman Parit Jaya,  
32800 Parit,  
Perak Darul Ridzuan.

14 MEI 2009.

Ke hadapan sahabatku Hazirah yang berada di AU5 Taman Lembah Keramat, Kuala Lumpur. Apa khabar saudari sekarang? Saya dan seisi keluarga di sini, sihat-sihat sahaja. Harapan saya, semoga saudari juga dalam situasi yang menggembirakan.

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk mengucapkan terima kasih kepada saudari kerana hadiah yang saudari kirimkan tempoh hari. Saya berasa amat gembira menerima hadiah tersebut.

Saudari masih ingat akan tarikh lahir saya walaupun sudah hampir setahun kita berpisah. Saya juga berdoa semoga persahabatan kita akan kekal untuk selama-lamanya. Bak kata pepatah, “biar jauh di mata tetapi dekat di hati”.

Novel yang saudari hadiahkan itu sangat menarik ceritanya. Jalan ceritanya pula ada diselitkan unsur saspens, humor, seram, dan sedih. Saya sungguh terhibur tatkala meniti baris-baris ayat dalam novel itu. Apabila saya berada di babak-babak lucu, saya ketawa sendirian.

Cogan kata “Kenang Daku Dalam Doamu” yang tercatat pada buku novel tersebut sungguh dalam pengertiannya. Saya akan jadikan cogan kata itu sebagai mutiara kata yang akan menjalin persahabatan kita hingga ke akhir hayat. Semoga persahabatan ini akan berkekalan.

Setakat ini dahulu yang dapat saya coretkan buat tatapan saudari. Akhir kata, sambutlah salam mesra untuk saudari sekeluarga di sana.

Sekian, terima kasih.

Saya yang ikhlas,

***Nur Fadhilah***

- 1 Siapakah Hazirah di dalam surat itu?
  - A Sahabat
  - B Kawan baru
  - C Sepupu
  - D Saudara
  
- 2 Dimanakah Hazirah tinggal dahulu?
  - A AU5 Taman Lembah keramat
  - B Taman Parit Jaya
  - C Taman Seberang Jaya
  - D Taman Keramat Jaya
  
- 3 Mengapakah Nur Fadhilah Mengirim surat kepada Hazira?
  - A Mengucap selamat hari jadi
  - B Mengucapkan terima kasih
  - C Mengucap selamat tinggal
  - D Mengucap selamat datang
  
- 4 Pilih pernyataan yang sama maksud dengan **humor**
  - A Suka
  - B Gembira
  - C Ketawa
  - D Jenaka
  
- 5 Antara berikut yang manakah sama maksud dengan “ kenang daku dalam doamu”
  - A Selalu berdoa
  - B Selalu teringat kepada seseorang sambil berdoa
  - C Sentiasa mendoakan kebaikan seseorang yang di ingati
  - D Mendoakan kebaikan seseorang

## LATIHAN 6

### UCAPAN

Baca ucapan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, guru besar, guru-guru dan rakan-rakan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Alam Sekitar kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menyampaikan ucapan tentang kempen kitar semula.

Amalan kitar semula bahan-bahan buangan dapat mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar yang semakin hari semakin meruncing. Sikap masyarakat yang sering memandang ringan terhadap pentingnya amalan kitar semula amatlah dikesali.

Hadirin sekalian,

Kempen kitar semula ini merupakan suatu langkah yang bijak. Kempen ini dapat memberi kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat tentang cara-cara mengitar semula bahan-bahan buangan.

Banyak cara yang boleh dilakukan untuk menjayakan kempen ini. Bahan-bahan lama di rumah seperti perabot buruk, bekas makanan dan botol air boleh diguna semula. Bahan-bahan ini boleh dijadikan pasu bunga, pembalut hadiah, hiasan antik dan sebagainya.

Amalan ini jika dilaksanakan secara berterusan pasti akan **membuahkan hasil** yang kita harapkan.

Setakat ini sahaja yang dapat saya sampaikan. Saya berharap agar kempen ini akan berjaya mencapai matlamatnya.

Sekian, terima kasih.

- 1 Mengapakah amalan kitar semula perlu diambil berat oleh setiap orang?
  - A Sesiapa yang tidak mengitar semula akan didenda.
  - B Bahan-bahan kitar semula merupakan bahan yang berharga.
  - C Amalan ini perlu dilakukan untuk menjayakan kempen kitar semula.
  - D Amalan kitar semula dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.
  
- 2 Objektif kempen kitar semula adalah untuk ...
  - A memberi kesedaran dan pengetahuan tentang cara-cara mengitar semula bahan-bahan buangan.
  - B memberi kesedaran bahawa mengitar semula bahan buangan dapat menambahkan pendapatan.
  - C menggalakkan orang ramai menderma barang-barang terpakai.
  - D menggalakkan orang ramai menyertai kempen yang dianjurkan ini.
  
- 3 Bahan-bahan berikut dapat dikitar semula, **kecuali**
  - A gas
  - B kertas
  - C botol kaca
  - D barang plastik
  
- 4 Rangkaikata **membuahkan hasil** bermaksud
  - A mencapai tahap
  - B memberi keburukan
  - C memberikan keyakinan
  - D mendatangkan sesuatu
  
- 5 Harapan pengucap pada akhir ucapannya agar kempen kitar semula...
  - A disertai ramai.
  - B berjalan lancar.
  - C diadakan pada setiap tahun.
  - D berjaya mencapai matlamatnya.

## LATIHAN 7

### CATATAN

**Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.**

Pada cuti penggal yang lalu, saya telah dibawa oleh pak cik saya mengunjungi sahabatnya di sebuah perkampungan orang asli. Yang berikut ialah catatan ringkas tentang kunjungan saya itu.

Sabtu, 2 November 2008

Pukul 8.30 pagi bertolak dari Petaling Jaya menuju ke bandar Seremban. Bersarapan pagi di perhentian rehat Nilai. Pukul 10.30 pagi bertolak ke Kampung Bukit Berapit.

Pukul 1.30 petang sampai di Bukit Berapit. Oleh sebab kampung orang asli itu terlalu jauh dan terpencil, tidak ada kenderaan untuk ke sana. Kami terpaksa berjalan kaki. Waktu itu jam telah menunjukkan pukul 6.30 petang. Kami bermalam di sebuah rumah orang Melayu di situ.

Ahad, 3 November 2008

Pukul 8.30 pagi, kami memulakan perjalanan. Saya berasa sungguh seronok melalui sebatang lorong yang dikelilingi belukar. Nasib kami malang apabila hujan turun dengan lebatnya. Kami terpaksa berteduh di sebuah pondok usang. Hujan masih turun hingga ke petang. Kami bermalam di pondok usang itu. Nasib baik kami ada membawa sedikit bekalan.

Isnin, 4 November 2008

Saya diserang demam selesema. Pak cik tidak dapat membuat keputusan sama ada hendak meneruskan perjalanan atau pulang sahaja. Pak cik memberi saya pil demam yang dibawanya. Beberapa jam kemudian, saya berasa segar semula. Pukul 6.00 petang selamat sampai di Kampung Lanjut Manis.

Selasa, 5 November 2008

Berada di rumah Encik Ulung, sahabat karib pak cik. Berasa seronok tinggal di kampung yang aman, tenang dan damai itu. Demam saya mulai **reda**.

Khamis, 7 November 2008

Kembali ke Petaling Jaya.

- 1 Di manakah mereka bermalam pada 2 November 2008 ?
- A di Kampung Bukit Berapit
  - B di Kampung Lanjut Manis
  - C di rumah orang Melayu
  - D di Nilai

- 2 Berapa lamakah mereka berada di rumah Encik Ulung?
  - A dua hari
  - B empat hari
  - C lima hari
  - D Seminggu
  
- 3 Apakah keputusan yang dibuat oleh pak cik pada 4 November 2008 ?
  - A berpatah balik
  - B meneruskan perjalanan
  - C menunggu di tengah hutan rimba itu
  - D tidak dapat membuat sebarang keputusan
  
- 4 Mereka tidak kelaparan semasa bermalam di tengah rimba itu kerana...
  - A mereka diberi makan oleh penduduk kampung
  - B mereka ada membawa bekalan makanan
  - C mereka makan pucuk kayu
  - D mereka minum air hujan
  
- 5 Apakah yang dimaksudkan dengan **reda** di dalam petikan di atas?
  - A semakin bertambah
  - B masih di tahap yang sama
  - C Berhenti
  - D Kebah

## LATIHAN 8

### DIALOG

*Baca dan fahami dialog di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

- Milah : Selamat petang, Mei Ling. Lama betul kita tak jumpa. Apa Khabar?
- Mei Ling : Khabar baik, Milah. Ke mana awak menghilang selama ini?
- Milah : Oh, janganlah berkata begitu! Saya pulang ke kampung datuk saya di Perak.
- Mei Ling : Patutlah saya tidak nampak awak. Seronokkah awak bercuti di sana?
- Milah : Seronok. Nenek kirim salam pada awak. Saya banyak bercerita tentang awak kepadanya. Oh, ya Mei Ling! Terlupa pula saya ! Ini ialah buah tangan saya untuk awak.

Mei Ling : Wah, cantiknya beg mengkuang ini! Milah. Tentu mahal harganya,

Milah : Tidaklah mahal. Nenek saya yang menganyamnya. Mei Ling, awak tidak ke mana-mana pada cuti sekolah yang lalu?

Mei Ling : Saya tidak ke mana-mana kerana emak saya baru bersalin?

Milah : Wah, seronoknya ! Nanti saya ingin **menziarahi** ibu dan adik baru awak.

Mei Ling : Baiklah. Kita jumpa selepas waktu sekolah nanti.

- 1 Ke manakah Milah pergi semasa cuti sekolah?
  - A Rumah Milah
  - B Rumah datuk
  - C Rumah tumpangan
  - D Rumah peranginan
- 2 Apakah kemahiran nenek Milah?
  - A Menangkap ikan
  - B Menganyam beg
  - C Melukis gambar
  - D Memasak
- 3 Mengapakah Mei Ling tidak ke mana-mana pada cuti sekolah yang lalu?
  - A Ibunya baru melahirkan adiknya
  - B Bapa tidak mahu bercuti
  - C Mei Ling terpaksa menjaga adik
- 4 Semua pernyataan di bawah adalah benar tentang petikan, **kecuali**
  - A Milah dan Mei Ling bersahabat baik
  - B Nenek Milah mahir menganyam beg
  - C Mei Ling mendapat adik baru
  - D Ibu Mei Ling pandai memasak
- 5 Maksud perkataan **menziarahi** dalam petikan ialah
  - A Mempersilakan
  - B Melihat
  - C Melawat
  - D Mengintai



## LATIHAN 8

### DIALOG

*Baca dan fahami dialog di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

- Milah : Selamat petang, Mei Ling. Lama betul kita tak jumpa. Apa Khabar?
- Mei Ling : Khabar baik, Milah. Ke mana awak menghilang selama ini?
- Milah : Oh, janganlah berkata begitu! Saya pulang ke kampung datuk saya di Perak.
- Mei Ling : Patutlah saya tidak nampak awak. Seronokkah awak bercuti di sana?
- Milah : Seronok. Nenek kirim salam pada awak. Saya banyak bercerita tentang awak kepadanya. Oh, ya Mei Ling! Terlupa pula saya ! Ini ialah buah tangan saya untuk awak.
- Mei Ling : Wah, cantiknya beg mengkuang ini! Milah. Tentu mahal harganya,
- Milah : Tidaklah mahal. Nenek saya yang menganyamnya. Mei Ling, awak tidak ke mana-mana pada cuti sekolah yang lalu?
- Mei Ling : Saya tidak ke mana-mana kerana emak saya baru bersalin?
- Milah : Wah, seronoknya ! Nanti saya ingin **menziarahi** ibu dan adik baru awak.
- Mei Ling : Baiklah. Kita jumpa selepas waktu sekolah nanti.

1 Ke manakah Milah pergi semasa cuti sekolah?

- A Rumah Milah
- B Rumah datuk
- C Rumah tumpangan
- D Rumah peranginan

2 Apakah kemahiran nenek Milah?

- A Menangkap ikan
- B Menganyam beg

- C Melukis gambar
  - D Memasak
- 3 Mengapakah Mei Ling tidak ke mana-mana pada cuti sekolah yang lalu?
- A Ibunya baru melahirkan adiknya
  - B Bapa tidak mahu bercuti
  - C Mei Ling terpaksa menjaga adik
- 4 Semua pernyataan di bawah adalah benar tentang petikan, **kecuali**
- A Milah dan Mei Ling bersahabat baik
  - B Nenek Milah mahir menganyam beg
  - C Mei Ling mendapat adik baru
  - D Ibu Mei Ling pandai memasak
- 5 Maksud perkataan **menziarahi** dalam petikan ialah
- A Mempersilakan
  - B Melihat
  - C Melawat
  - D Mengintai

## LATIHAN 9

### LAPORAN

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

#### Laporan Perkhemahan Pengakap

Pasukan pengakap SJK (T) Tun Sambanthan, Pahang telah **menganjurkan** perkhemahan pengakap di Taman Negara selama dua hari bermula pada 4 Mei 2009. Perkhemahan ini disertai oleh 80 orang anggota pengakap dan 5 orang guru pengiring.

Tujuan utama perkhemahan ini diadakan adalah untuk mendedahkan murid-murid kepada suasana perkhemahan, memberi pengalaman hidup di hutan dan menanam sikap kerjasama dalam kalangan anggota-anggota pengakap.

Berbagai-bagai acara menarik serta mencabar telah dijalankan. Antaranya termasuklah pertandingan memasak dan mengenal berbagai-bagai kehidupan di hutan. Persembahan setiap kumpulan yang terdiri daripada 10 orang peserta turut menyerikan malam penutupan itu.

Semua anggota pengakap sangat gembira dapat berkhemah di sini. Segala pengalaman akan terus disimpan dan terpahat dalam hati setiap anggota.

Disediakan oleh ,

10 MEI 2009.

...Mariamah.....  
( MARIAMAH A/P VELLU )  
Setiausaha ,  
Pasukan Pengakap ,  
SJKT Tun Sambanthan.

- 1 Perkataan **menganjurkan** dalam petikan bermaksud .....
  - A Mengendalikan
  - B Mengadakan
  - C Mengajar
  - D Membuat
  
- 2 Bilakah perkhemahan itu berakhir ?
  - A 4 Mei 2009
  - B 5 Mei 2009
  - C 6 Mei 2009
  - D 7 Mei 2009
  
- 3 Berapa orangkah yang terlibat dalam perkhemahan ini ?
  - A 75 orang
  - B 80 orang
  - C 84 orang
  - D 85 orang
  
- 4 Apakah tujuan utama perkhemahan diadakan ?
  - A Aktiviti tahunan pasukan pengakap.
  - B Mengisi masa lapang semasa cuti sekolah.
  - C Mendedahkan kehidupan di hutan kepada anggota pengakap.
  - D Mendedahkan suasana perkhemahan, memberi pengalaman dan memupuk semangat kerjasama.

- 5 Pernyataan yang berikut adalah salah **kecuali** .....
- A persembahan diadakan pada malam pertama.
  - B perkhemahan itu berlangsung di Taman Templer.
  - C acara menarik yang dijalankan termasuklah pertandingan melukis.
  - D semua anggota pengakap sangat gembira kerana dapat berkelah di situ.

## LATIHAN 10



### RENCANA

Baca **rencana** di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Katak puru merupakan haiwan berdarah sejuk yang tergolong dalam kumpulan amfibia. Katak puru dapat hidup di dua alam, iaitu di air dan di darat. Haiwan ini bernafas melalui paru-paru dan kulitnya.

Katak puru mempunyai gigi pada bahagian atas di dalam mulutnya. Katak puru mempunyai lidah yang kuat untuk melambung mangsanya terus ke dalam mulut. Haiwan unik ini mampu melompat sejauh dua meter.

Katak puru melindungi tempat kediaman mereka dengan pelbagai cara termasuklah dengan mengeluarkan bunyi, mengejar penceroboh dan menyerang dengan cara melompat.

Katak puru betina amat tertarik dengan katak puru jantan yang mampu menyediakan makanan yang banyak di kawasan kediamannya. Seekor katak puru betina mampu mengeluarkan kira-kira 25,000 biji telur. Telur-telur ini kemudiannya bercantum antara satu sama lain dan terapung-apung di permukaan air. Haiwan ini akan menjaga anak-anaknya yang dikenali sebagai berudu hinggalah usianya dua tahun. Saiz katak puru bergantung kepada panjang berudu. Ini bermakna, berudu yang bersaiz panjang akan mempunyai peluang hidup yang lebih besar selepas proses metamorfosis.

Pendengaran adalah deria yang paling penting bagi haiwan ini kerana katak puru jantan berlumba-lumba mengeluarkan bunyi semasa berada di kawasan kolam yang menjadi tempat pembiakan bagi haiwan ini. Manakala katak puru betina pula akan menyahut bunyi itu secara agresif dan tanpa henti.

1. Bagaimanakah katak puru bernafas?

- A melalui insang
  - B melalui paru-paru
  - C melalui kulit
  - D melalui paru-paru dan kulit
2. Berapakah jarak yang mampu dilompat oleh seekor katak puru?
- A 1.0 meter
  - B 1.5 meter
  - C 2.0 meter
  - D 2.5 meter
3. Mengapakah katak puru betina sangat tertarik dengan kata puru jantan?
- A kata puru jantan sangat kuat
  - B kata puru jantan lebih besar saiznya
  - C kata puru jantan suka berlumba-lumba mengeluarkan bunyi
  - D katak puru jantan mampu menyediakan makanan yang banyak
4. Yang manakah antara berikut **benar** tentang katak puru betina?
- A tidak dapat menghasilkan telur
  - B dapat menghasilkan kira-kira 25 000 biji telur
  - C tidak menyahut apabila terdengar bunyi daripada kata puru jantan
  - D mampu menyediakan banyak makanan di kawasan kediaman
5. Pernyataan berikut merupakan ciri-ciri yang ada pada katak puru, **kecuali..**
- A haiwan ini hidup di air dan di darat.
  - B haiwan ini bernafas melalui paru-paru dan kulit.
  - C gigi katak puru letaknya pada bahagian bawah di dalam mulutnya.
  - D katak puru tergolong dalam kumpulan haiwan amfibia berdarah sejuk.

## LATIHAN 11

### SYARAHAN

**Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, para hakim yang bijaksana, Tuan Guru Besar, guru-guru dan rakan-rakan yang budiman. “Kepentingan Air kepada Tubuh Kita” ialah tajuk syarahan saya pada pagi ini.

Hadirin yang dihormati,

Setiap hari kita memerlukan makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal untuk meneruskan kehidupan. Air merupakan keperluan asas manusia. Ketiga-tiganya saling melengkapi antara satu sama lain. Namun begitu, air termasuk dalam kumpulan makanan yang sangat penting dalam tubuh kita. Kita boleh hidup tanpa makan tujuh hari, tetapi akan mati jika tidak mendapat air lebih daripada empat hari.

Hadirin yang dikasihi,

Untuk pengetahuan anda semua, tubuh kita diliputi air sebanyak 50 hingga 70 peratus daripada berat badan. Dehidrasi atau kehilangan air dalam badan berlaku apabila kita berpeluh. Apabila air dalam badan seseorang itu hilang sebanyak satu hingga empat peratus daripada keseluruhan badan, prestasi seseorang itu menurun dengan **mendadak**. Seseorang akan menemui ajal jika kehilangan air melebihi sepuluh peratus.

Hadirin yang dihormati,

Terdapat beberapa punca yang menyebabkan kehilangan air dari tubuh kita, antaranya ialah suhu, cuaca, dan jangka masa latihan bagi ahli sukan. Peluh akan keluar dengan banyak jika latihan berterusan tanpa henti dilakukan. Selain itu, kita akan berpeluh dengan banyak untuk membebaskan tenaga apabila berada dalam suasana cuaca yang panas.

Jumlah pengambilan air dapat ditentukan dengan melihat kehilangannya melalui air kencing. Seseorang individu dikatakan mempunyai tahap dehidrasi yang baik akan membuang air kecil lebih kurang satu jam setengah hingga dua jam sekali. Jika seseorang hanya membuang air kecil beberapa kali sehari, dia perlu meningkatkan pengambilan air.

Hadirin yang dihormati,

Semua atlet sukan akan kehilangan air mencapai hingga sepuluh peratus daripada berat badan mereka. Bagi pemain hoki dan bola sepak pula akan kehilangan air antara dua hingga empat peratus. Justeru mereka perlulah mengambil air dari semasa ke semasa. Maka kita hendaklah minum air sekurang-kurangnya lapan gelas sehari untuk menjamin kesihatan. “Rakyat Sihat, Negara Maju”

Sekian, terima kasih.

1. Pertandingan syarahan tersebut dijalankan peringkat
  - A. daerah
  - B. negeri
  - C. sekolah
  - D. kelas.
  
2. Seseorang itu akan menemui ajal jika kehilangan air melebihi
  - A. empat peratus
  - B. dua peratus
  - C. sepuluh peratus
  - D. dua belas peratus.
  
3. Dehidrasi normal berlaku apabila seseorang itu
  - A. kerap buang air kecil
  - B. buang air kecil satu jam setengah hingga dua jam sekali.
  - C. sentiasa berpeluh dalam cuaca panas.
  - D. buang air kecil beberapa kali sahaja dalam sehari.
  
4. Perkataan mendadak dalam petikan bermaksud
  - A. dengan segera
  - B. secara tiba-tiba
  - C. melonjak
  - D. banyak
  
5. Jika kamu merupakan atlet maraton, berapakah kehilangan air yang boleh berlaku.
  - A. enam hingga sepuluh peratus
  - B. dua hingga empat peratus.
  - C. empat hingga enam peratus
  - D. melebihi tujuh puluh peratus.

## LATIHAN 12

### IKLAN

Teliti iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

#### PERADUAN MELUKIS SEMPENA HARI ALAM SEKITAR

*anjuran*  
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR  
*dengan kerjasama*  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
*dan*  
THE NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BHD.

Jangan lepaskan peluang untuk mengasah bakat anda serta **menggondol** hadiah-hadiah yang lumayan.

#### Kumpulan A

Hadiah Pertama: RM300

Hadiah Kedua: RM200

Hadiah Ketiga: RM100

Lima Hadiah Sagu Hati: Buku bernilai RM50 setiap satu.

(Hadiah sumbangan Pustaka Timur)

#### Kumpulan B

Hadiah Pertama: RM500

Hadiah Kedua: RM350

Hadiah Ketiga: RM175

Tiga hadiah Sagu Hati: Alat Tulis bernilai RM50 setiap satu.

(Hadiah sumbangan Tinta Emas Sdn. Bhd.)

#### Syarat-syarat penyertaan

1. Terbuka kepada semua pelajar di negeri Selangor Darul Ehsan sahaja.
2. Pelajar hendaklah mengisi borang penyertaan yang akan disiarkan dalam akhbar kumpulan New Straits Times Press (M) Bhd. yang akan disiarkan pada hari Selasa 14 Julai 2009.
3. Maklumat dalam borang hendaklah lengkap dan mestilah disahkan oleh ibu bapa serta pihak sekolah.
4. Satu salinan fotokopi surat beranak atau kad pengenalan hendaklah disertakan bersama pendaftaran tersebut.
5. Borang penyertaan hendaklah dihantar oleh pihak sekolah.



6. Kumpulan A terbuka kepada pelajar berusia 9 - 12 tahun.  
Kumpulan B terbuka kepada pelajar 13 - 16 tahun.
7. Tema lukisan ini akan ditentukan kemudian nanti.
8. Tarikh dan tempat pertandingan seperti di bawah:  
Tempat: Balai Seni Lukis Shah Alam  
Tarikh: 2 Ogos 2009  
Masa: 9.00 pagi.
9. Bahan-bahan untuk melukis tidak perlu dibawa, kecuali kertas lukisan peserta sendiri.

1. Perkataan **menggondol** dalam petikan bermaksud
  - A. mendapat
  - B. mengangkat
  - C. membawa
  - D. memangkas
2. Berapakah perbezaan hadiah wang yang ditawarkan antara dua kumpulan itu?
  - A. RM725
  - B. RM425
  - C. RM350
  - D. RM325
3. Mengapakah borang itu perlu disahkan oleh ibu bapa dan juga pihak sekolah?
  - A. Untuk menentukan kesahihan maklumat dalam borang itu.
  - B. Untuk menentukan peserta adalah rakyat negeri Selangor.
  - C. Untuk memastikan pelajar itu bersekolah di negeri Selangor.
  - D. Untuk menentukan pelajar itu berbakat dalam lukisan.
4. Semua maklumat berikut benar tentang peraduan itu kecuali
  - A. peraduan itu terbuka kepada pelajar di negeri Selangor sahaja.
  - B. peserta diminta membawa bahan-bahan untuk melukis.
  - C. pihak penganjur belum lagi memutuskan tema lukisan.
  - D. sektor swasta turut sama menjayakan peraduan tersebut.
5. Berapakah jumlah wang yang diperolehi Daud jika dia memenangi dua daripada hadiah utama Kumpulan B ?
  - A. RM 175
  - B. RM 350
  - C. RM 500
  - D. RM 675

# SKEMA JAWAPAN

## LATIHAN 1 : KATA NAMA AM

### JAWAPAN

- |       |       |       |       |
|-------|-------|-------|-------|
| 1. A  | 2. D  | 3. B  | 4. C  |
| 5. A  | 6. C  | 7. D  | 8. C  |
| 9. B  | 10. D | 11. D | 12. B |
| 13. B | 14. C | 15. B | 16. B |
| 17. D | 18. C | 19. A | 20. D |

## LATIHAN 2 : KATA NAMA KHAS

### JAWAPAN

- |      |       |       |
|------|-------|-------|
| 1. C | 8. D  | 15. B |
| 2. C | 9. C  | 16. D |
| 3. B | 10. B | 17. C |
| 4. A | 11. D | 18. B |
| 5. D | 12. B | 19. C |
| 6. C | 13. B | 20. B |
| 7. B | 14. B |       |

## LATIHAN 3 : KATA GANTI NAMA DIRI

### JAWAPAN

- |       |       |       |       |
|-------|-------|-------|-------|
| 1. D  | 2. C  | 3. D  | 4. D  |
| 5. C  | 6. B  | 7. D  | 8. B  |
| 9. B  | 10. B | 11. B | 12. C |
| 13. A | 14. A | 15. C | 16. D |
| 17. D | 18. C | 19. B | 20. D |

## LATIHAN 4 : KATA GANTI NAMA PERTANYAAN

### JAWAPAN

- |                   |                 |
|-------------------|-----------------|
| 1. C Siapa        | 11. B Berapa    |
| 2. B apa          | 12. C siapa     |
| 3. A Bilakah      | 13. A Apa       |
| 4. B Mengapakah   | 14. C apa       |
| 5. B Berapakah    | 15. B mana      |
| 6. C apakah       | 16. A bagaimana |
| 7. A Bilakah      | 17. C siapa     |
| 8. D Bagaimanakah | 18. B siapa     |
| 9. D berapakah    | 19. D siapa     |
| 10. A Siapa       | 20. C berapa    |

## LATIHAN 5 : KATA GANTI NAMA TEMPAT DAN TUNJUK

### JAWAPAN

- |                  |                   |
|------------------|-------------------|
| 1. A mana        | 11. D ini         |
| 2. B itu         | 12. C sana        |
| 3. B ini         | 13. C sini        |
| 4. C mana – mana | 14. B situ        |
| 5. C sini        | 15. A apa – apa   |
| 6. A mana – mana | 16. C ini         |
| 7. A mana – mana | 17. B mana – mana |
| 8. A mana        | 18. B begitu      |
| 9. C mana        | 19. A ini         |
| 10. B apa – apa  | 20. D mana – mana |

## LATIHAN 6: KATA GANTI NAMA TAK TENTU

### JAWAPAN

- |       |       |       |       |
|-------|-------|-------|-------|
| 1. A  | 2. B  | 3. A  | 4. B  |
| 5. A  | 6. C  | 7. D  | 8. B  |
| 9. B  | 10. C | 11. A | 12. C |
| 13. B | 14. A | 15. B | 16. A |
| 17. A | 18. A | 19. C | 20. D |

## LATIHAN 7 : KATA KERJA

### JAWAPAN

- |       |       |       |       |
|-------|-------|-------|-------|
| 1. D  | 2. D  | 3. B  | 4. D  |
| 5. C  | 6. B  | 7. A  | 8. C  |
| 9. D  | 10. B | 11. B | 12. A |
| 13. B | 14. C | 15. D | 16. C |
| 17. D | 18. A | 19. A | 20. B |

## LATIHAN 8: KATA ADJEKTIF

### JAWAPAN

- |       |       |       |       |
|-------|-------|-------|-------|
| 1. D  | 2. D  | 3. A  | 4. B  |
| 5. D  | 6. B  | 7. D  | 8. C  |
| 9. D  | 10. B | 11. A | 12. B |
| 13. C | 14. C | 15. C | 16. A |
| 17. D | 18. C | 19. A | 20. D |

## LATIHAN 9 : KATA SENDI NAMA

### JAWAPAN

- |               |                |
|---------------|----------------|
| 1. A daripada | 11. D daripada |
| 2. C kepada   | 12. C pada     |
| 3. B ke       | 13. B dalam    |
| 4. C kepada   | 14. A untuk    |
| 5. D daripada | 15. B akan     |
| 6. B untuk    | 16. C sejak    |
| 7. D hingga   | 17. A oleh     |
| 8. A terhadap | 18. C untuk    |
| 9. C akan     | 19. B kepada   |
| 10. B oleh    | 20. C Antara   |

## LATIHAN 10 : KATA HUBUNG

### JAWAPAN

- |       |       |       |       |
|-------|-------|-------|-------|
| 1. C  | 2. B  | 3. C  | 4. D  |
| 5. A  | 6. C  | 7. D  | 8. C  |
| 9. A  | 10. B | 11. B | 12. D |
| 13. B | 14. C | 15. A | 16. A |
| 17. A | 18. D | 19. B | 20. A |

## LATIHAN 11: KATA TANYA

### JAWAPAN

- |       |       |       |       |
|-------|-------|-------|-------|
| 1. B  | 2. C  | 3. A  | 4. B  |
| 5. B  | 6. C  | 7. A  | 8. D  |
| 9. A  | 10. C | 11. D | 12. D |
| 13. A | 14. B | 15. B | 16. A |
| 17. C | 18. B | 19. D | 20. A |

## LATIHAN 12 : KATA SERU

### JAWAPAN

- |       |       |       |       |
|-------|-------|-------|-------|
| 1. D  | 2. B  | 3. D  | 4. D  |
| 5. C  | 6. C  | 7. A  | 8. D  |
| 9. A  | 10. D | 11. C | 12. D |
| 13. D | 14. B | 15. C | 16. A |
| 17. C | 18. D | 19. B | 20. A |

## LATIHAN 13: KATA BANTU

### JAWAPAN

- |       |       |       |       |
|-------|-------|-------|-------|
| 1. A  | 2. C  | 3. D  | 4. C  |
| 5. A  | 6. A  | 7. B  | 8. D  |
| 9. C  | 10. C | 11. C | 12. C |
| 13. B | 14. A | 15. A | 16. A |
| 17. A | 18. D | 19. C | 20. D |

LATIHAN 14: KATA NAFI  
JAWAPAN

1 A 11 B  
2 A 12 B  
3 C 13 D  
4 C 14 C  
5 C 15 A  
6 A 16 B  
7 D 17 B  
8 A 18 B  
9 D 19B  
10 B 20 C

LATIHAN 15: KATA PENEGAS  
JAWAPAN

1B 2A 3C 4A  
5D 6D 7C 8B  
9A 10C 11B 12A  
13C 14A 15D 16C  
17C 18A 19A 20D

LATIHAN 16 : KATA PEMERI  
JAWAPAN

1. C 2. B 3. A 4. B  
5.C 6. A 7. A 8. C  
9. B 10. B 11. A 12. A  
13. B 14. C 15. B 16. C  
17. A 18. C 19. C 20. A

LATIHAN 17 : KATA PENGUAT  
JAWAPAN

1. A 2. C 3. B 4. A  
5. D 6. A 7. A 8. B  
9.A 10. D 11. C 12. A  
13. D 14. A 15. A 16. A  
17. D 18. C 19. C 20. B

LATIHAN 18 : KATA BILANGAN  
JAWAPAN

1. B 2. C 3. B 4. D  
5. D 6. A 7. C 8. D  
9. C 10. A 11. C 12. D  
13. A 14. C 15. A 16. D  
17. C 18. A 19. D 20. B

LATIHAN 19 : KATA PERINTAH  
JAWAPAN

1 D 2 B 3 D 4 A  
5 C 6 C 7 D 8 C  
9 B 10 D 11 C 12 B  
13 A 14 C 15 A 16 C  
17 A 18 C 19 C 20 D

LATIHAN 20 : MEMILIH JAWAPAN  
JAWAPAN

1B 2C 3C 4A  
5D 6A 7B 8D  
9D 10A 11B 12A  
13B 14C 15A 16C  
17B 18C 19B 20D

LATIHAN 21 : AYAT AKTIF AYAT PASIF  
JAWAPAN

1C 2. C 3. B 4. A  
5B 6. B 7. A 8. C  
9.A 10. A 11. B 12. D  
13. C 14. B 15. A 16. B  
17. A 18. C 19. B 20. A

LATIHAN 22: CAKAP AJUK DAN CAKAP PINDAH  
JAWAPAN

1 B 2A 3C 4C  
5D 6D 7C 8A  
9D 10B 11C 12C  
13C 14A 15D 16B  
17A 18C 19B 20C

LATIHAN 23 : IMBUHAN  
JAWAPAN

1 B 2 C 3 C 4 B  
5 B 6 C 7 C 8 C  
9 B 10 A 11 B 12 C  
13 C 14 B 15 C 16 C  
17 C 18 C 19 D 20 B

LATIHAN 24 : TANDA BACA  
JAWAPAN

1D 2A 3A 4C  
5C 6D 7B 8C  
9A 10A 11C 12B  
13D 14D 15A 16A  
17D 18B 19D 20B

LATIHAN 25 : PENANDA WACANA  
JAWAPAN

1. A 2. C 3. D 4. B  
5. C 6. A 7. B 8. A  
9. D 10. C 11. B 12. A  
13. C 14. B 15. D 16. A  
17. B 18. D 19. A 20. B

LATIHAN 26: KESALAHAN TATABAHASA  
JAWAPAN

1. C 2. D 3. C 4. A  
5. C 6. C 7. C 8. D  
9. C 10. B 11.D 12.D  
13.B 14. C 15. C 16. C  
17.C 18. D 19. C 20. C

LATIHAN 27 : PENJODOH BILANGAN  
JAWAPAN

1C 2B 3C 4C  
5D 6A 7B 8A  
9D 10B 11C 12B  
13D 14C 15C 16B  
17D 18D 19A 20D

LATIHAN 28 : PERIBAHASA  
LATIHAN 28:JAWAPAN

1 A 2 C 3 B 4 C  
5 B 6 B 7 C 8 C

9 D    10 A    11 A    12 B  
13 C    14 D    15 A    16 B  
17 C    18 D    19 D    20 C

LATIHAN 29 : SINONIM  
JAWAPAN

1A    2A    3B    4C  
5A    6D    7A    8A  
9C    10D

LATIHAN 30 : ANTONIM  
JAWAPAN

1C    2B    3D    4D  
5A    6C    7D    8A  
9C    10C

LATIHAN 31 : POLISIM  
JAWAPAN

1A    2C    3A    4A  
5A    6B    7C    8D  
9A    10D    11C    12A  
13B    14C    15A    16D  
17B    18B    19B    20C

LATIHAN 32 : IMBUHAN  
JAWAPAN

1. B    2. B    3. A    4. D  
5. A    6. A    7. D    8. A  
9. B    10. B    11. B    12. C

13. A    14. D    15. B    16. C  
17. A    18. C    19. C    20. B

LATIHAN 33 :KATA MAJMUK  
JAWAPAN

1 A    2 C    3 B    4 A  
5 C    6 A    7 A    8 D  
9 C    10 A    11 B    12 D  
13 C    14 A    15 A    16 A  
17 B    18 A    19 B    20 C

LATIHAN 34: KATA GANDA  
JAWAPAN

1 B    2 D    3 B    4 A  
5 A    6 A    7 B    8 C  
9 C    10 C    11 A    12 D  
13 D    14 A    15 B    16 D  
17 D    18 B    19 C    20 D

LATIHAN 35:..BANDINGAN SEMACAM  
JAWAPAN

1 A    2 D    3 D    4 A  
5 B    6 B    7 B    8 C  
9 D    10 B    11 C    12 C  
13 B    14 A    15 D    16 C  
17 A    18 A    19 C    20 B